

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beras)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N.,
A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A.,
S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T.
(Alor Gajah)

“ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)

“ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)

“ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

“ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

“ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)

“ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)

“ Tuan Asmat Nungka (Beluran)

“ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)

“ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

“ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

“ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

“ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)

- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)

- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P.,
P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K.
(Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 25 November 1997****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A**

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh anak Ikeh.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau] tidak hadir]

**CREDIT GUARANTEE CORPORATION (CGC) -
JUMLAH PINJAMAN**

2. Puan Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh CGC sejak penubuhannya. Berapakah jumlah pinjaman yang disediakan. Memandangkan kurangnya sambutan dari kalangan pengusaha/peniaga kecil dan sederhana, apakah sebabnya. Apakah kelebihanannya berbanding dengan pinjaman bank biasa, khususnya dari segi kadar faedahnya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1972 sehingga 30 September 1997 sebanyak 276,921 pinjaman bernilai RM13.62 bilion telah dijamin oleh Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad ataupun CGC. Jumlah setiap pinjaman yang

disediakan adalah bergantung kepada daya maju perniagaan dan keperluan pinjaman sesuatu perniagaan. Jumlah pinjaman kepada seseorang peminjam ditentukan oleh bank yang memproses permohonan mengikut kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Sambutan di kalangan pengusaha peniaga kecil dan sederhana terhadap skim-skim jaminan CGC adalah menggalakkan. Skim jaminan utama baru dan skim-skim pinjaman mikro telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Dalam tahun 1994 hanya terdapat 9,105 peminjam dengan nilai pinjaman sebanyak RM646.2 juta tetapi pada tahun 1995 jumlah peminjam telah meningkat kepada 17,510 iaitu peningkatan sebanyak 92.3% dengan jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1,900.8 juta. Dalam tahun 1996 bilangan peminjam terus meningkat kepada 21,435 dengan nilai RM3,643.9 juta. Sehingga 30 September 1997 jaminan terhadap 16,910 peminjam dengan nilai pinjaman berjumlah RM3,491.7 juta telah diberi.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan terhadap Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) adalah kurang berbanding dengan skim-skim lain kerana skim ini masih di peringkat awal pelaksanaan dan mengenakan beberapa kriteria yang ketat termasuk latihan sebelum pemohon layak mendapatkan kemudahan pinjaman. Walau bagaimanapun, sambutan semakin meningkat hasil dari promosi intensif yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran umum terhadap skim ini. Sehingga kini jumlah pinjaman yang diluluskan ialah 333 pinjaman

bernilai RM12.37 juta. Kelebihan skim TPUK berbanding dengan pinjaman biasa ialah seperti berikut:

- (i) kos yang rendah iaitu 66% setahun;
- (ii) bayaran balik yang rendah dengan cara bayaran dua minggu sekali;
- (iii) tidak memerlukan cagaran dan pinjaman;
- (iv) tiada kos guaman dan lain-lain bayaran; dan
- (v) penekanan kepada aspek latihan dan persediaan diri berurusan dengan institusi kewangan.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masih ramai peniaga khususnya yang baru tidak menyedari wujudnya kemudahan yang disediakan oleh CGC ini. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk menyebarkan maklumat ini?

Keduanya, saya juga difahamkan ada sesetengah institusi kewangan lebih rela dikenakan denda daripada memberikan pinjaman kepada peniaga kecil melalui skim CGC ini. Jadi, saya ingin tahu adakah perkara ini benar? Jika benar, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka? Sekian, terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, cara biasa yang digunakan ialah untuk menggalakkan secara kempen dalam urusan perniagaan bank komersial.

Tentang cara yang digunakan untuk menggalakkan bayaran balik itu adalah biasanya digunakan cara runding ataupun dengan menggunakan cara denda juga.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang ada kes di mana orang pinjam duit daripada CGC tidak membayar balik terutamanya dalam kes yang tiada caj cagaran (no guarantor). Saya ingin tahu berapa peratus pihak peminjam tidak dapat membayar balik berkenaan CGC.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, secara kasar, terdapat lebih kurang RM200 juta ataupun lebih kurang 2.6% diklasifikasikan sebagai non-performing loan berdasarkan kepada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan.

PROJEK PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT) - BILANGAN MENGIKUT NEGERI

3. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan PPRT mengikut negeri dan jumlah bilangan seluruh negara yang telah berjaya dikeluarkan daripada golongan tersebut pada tahun 1995 dan 1996; dan
- (b) selain daripada bantuan kewangan, apakah program ekonomi yang telah dirancang untuk memberi keutamaan penyertaan kepada golongan PPRT.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan mulut yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kangar dan Yang Berhormat dari Kluang yang

sepatutnya dijawab pada 3 Disember dan 10 Disember 1997 memandangkan ketiga-tiga pertanyaan menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasar kepada daftar dan profil keluarga termiskin bagi Semenanjung Malaysia, bilangan keluarga termiskin yang telah dapat dikeluarkan dari daftar ialah seramai 34,785 keluarga, iaitu dari 71,606 keluarga pada tahun 1993 kepada 36,821 pada tahun 1995/1996.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana senarai-senarai terperinci untuk negeri adalah panjang, saya mohon izin untuk menjawab dengan secara bertulis.

Manakala berdasarkan kajian Pendapatan Isi Rumah 1995 seramai 7,800 keluarga termiskin telah berjaya dikeluarkan untuk negeri Sabah. Bagi negeri Sarawak, sejumlah 5,600 keluarga termiskin telah berjaya dikeluarkan dari senarai tersebut.

- (b) Di antara program-program ekonomi yang mengutamakan penyertaan golongan keluarga termiskin di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin adalah Program Peningkatan Ekonomi Kampung (PPEK) dan PPRT Pertanian. Melalui program ini, ianya dapat

mempertingkat dan mengukuhkan taraf ekonomi keluarga termiskin melalui projek-projek yang berdaya maju dan berpotensi untuk berkembang. Badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan pihak swasta turut sama dalam usaha kerajaan membantu golongan termiskin.

Amanah Ikhtiar Malaysia umpamanya telah mencatat kejayaan di dalam menggalakkan golongan termiskin berdikari dan menambah pendapatan mereka melalui pelbagai aktiviti ekonomi hasil dari pinjaman yang telah diberikan oleh AIM. Pinjaman tanpa faedah sebanyak RM200 juta oleh kerajaan kepada AIM membolehkan AIM memperluaskan aktiviti pinjamannya kepada golongan termiskin dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana absent satu hari, Tuan Yang di-Pertua beri peluang hari ini.....

Seorang Ahli: Orang tak tahu you absent.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini beritahulah dapat peluang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu persoalan saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu kita menerima hakikat yang kementerian telah membuat pekerjaan dan tugas

mereka dengan cemerlang sekali untuk mengeluarkan PPRT ini daripada senarai orang yang termiskin. Tetapi saya melihat secara peribadi di kawasan saya, orang yang cepat sekali keluar daripada golongan termiskin ini ialah mereka mempunyai anak yang terdidik di sekolah-sekolah tinggi dan apabila anak itu bekerja dengan sendirinya keluarga tersebut terkeluar daripada golongan yang termiskin. Tetapi pada masa sekarang kriteria kerajaan untuk membantu anak-anak di sekolah, terutama sekali anak-anak orang miskin yang tidak mampu pergi ke sekolah ialah menggunakan prestasi kelulusan sekolah mereka. Jadi, ini dibuat oleh Kementerian Pendidikan menerusi mekanisme sekolah itu sendiri. Tetapi adakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk membuat satu sistem to compliment, dengan izin, sistem ini agar prestasi murid mendapat 'A' ataupun 'AB' asalkan anak yang termiskin itu hendaklah digalakkan untuk dapat peluang naik sekolah ke peringkat yang tinggi. Saya percaya mereka boleh maju jikalau diberi secara terus kepada mereka itu, selain daripada menggunakan kriteria prestasi sekolah yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian mengakui bahawa pendidikan adalah satu cara bagaimana kita dapat mengatasi masalah kemiskinan ini dengan berkesan sepertimana kita telah buktikan selama ini. Oleh yang demikian, maka satu program dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin ini adalah menjurus ke arah anak-anak yang di bangku sekolah, bermula dari kelas tadika. Untuk program PPRT kita ada pelbagai program. Misalnya di bahagian tabika, kita berikan makanan

tambahan dan begitu juga kita beri pelbagai bantuan lain yang diperlukan. Begitu juga di peringkat atas, Kementerian Pendidikan juga memberi bantuan. Untuk bantuan rakyat termiskin, kriterianya adalah untuk masyarakat rakyat termiskin mengikut daftar yang kita ada.

Saya faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi memang ada bantuan biasiswa ataupun pinjaman di sekolah yang diberi mengikut keputusan peperiksaan, itu perkara lain. Perkara bantuan kita kepada rakyat termiskin tertakluk kepada sama ada dia layak atau tidak. Jadi, tidak timbul kalau keputusan peperiksaan dia tidak bagus, dia tidak akan diberi bantuan. Kita akan terus memberi bantuan kepada mereka yang layak.

Tuan Fu Ah Kiow: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan memang ada sebilangan PPRT yang uzur, sakit dan mereka juga tidak mempunyai anak-anak untuk menjaga kebajikan mereka, jadi saya hendak tanya adakah kumpulan ini akan terus dapat bantuan daripada program PPRT atau mereka akan diserahkan kepada pejabat kebajikan untuk menjagai mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang satu kumpulan yang masih terkongkong dalam masalah kemiskinan ini adalah rakyat yang uzur, tua dan cacat. Kita memang ada program bantuan, pertama adalah melalui FELCRA yang kita ada beri bantuan kepada mereka ini, dan kita juga kerana kita menyelaraskan segala program bantuan kepada rakyat termiskin ini

dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, jadi kita terus bekerjasama dengan kementerian itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Paul Noutin.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Paul Noutin [Penampang] tidak hadir]

JALAN DESA - MENAIKKAN TARAF

5. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan setakat manakah kejayaan yang dicapai berhubung dengan jalan-jalan desa yang mana menjadi fokus kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, program menaik taraf jalan kampung telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 1978 untuk dilaksanakan di seluruh Semenanjung dan kemudiannya diperluaskan ke negeri Sabah dan Sarawak pada tahun 1979. Program ini pada asalnya adalah tanggungjawab kerajaan negeri tetapi untuk mempercepatkan pelaksanaannya, Kerajaan Persekutuan turut dipertanggungjawabkan dalam pelaksanaannya. Skop program ini adalah mengetar jalan-jalan asas di kampung-kampung dan kebanyakannya terdiri daripada jalan tanah biasa atau tanah merah ke jalan tar atau konkrit serta penyelenggaraan bagi jalan-jalan yang telah rosak dan memerlukan pembaikan.

Mengikut maklumat asal program ini dianggarkan 72,751 kilometer jalan kampung akan dinaikkan taraf dalam tempoh 10 tahun. Angka ini adalah berdasarkan kajian spesifikasi kampung tahun 1978 dibuat oleh UPP. Sehingga kini kerajaan telah berjaya menaik taraf 86.4% daripada maklumat asal di mana

jalan sepanjang 28,312 kilometer telah disiapkan. Baki jalan ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah banyak membantu khususnya penduduk negeri Kelantan dalam menaikkan taraf jalan luar bandar ini. Apa yang saya ingin tahu ialah tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan bahawa tanggungjawab membina jalan-jalan luar bandar ini sebenarnya ialah tanggungjawab kerajaan negeri, tetapi apa yang berlaku di Kelantan, Kerajaan Persekutuan memainkan peranan yang lebih. Apa yang saya ingin tahu, kalau kita bandingkan rasionya berapa peratus pembinaan jalan luar bandar ini dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan berbanding dengan tanggungjawab sebenar yang terpaksa dipikul oleh kerajaan negeri Kelantan tetapi mereka tidak mampu melaksanakan tanggungjawab ini. Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kebanyakan keperluan untuk jalan-jalan kampung dari negeri Kelantan adalah dimajukan kepada Kerajaan Persekutuan, maka kebanyakannya adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, awal-awal lagi oleh kerana kita faham ada beberapa kerajaan negeri mungkin menghadapi masalah untuk membiayai projek ini, maka Kerajaan Persekutuanlah tampil untuk membantu mengatasi masalah ini untuk orang kampung.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada masalah yang dihadapi dalam projek jalan-jalan kampung ini adalah taraf yang tidak memuaskan kerana kebanyakan daripada kontraktor tempatan yang dianugerahkan projek-projek ini tidak menjalankan projek itu dengan sempurna kerana mereka mengambil untung yang lebih dan sebagainya. Saya difahamkan pada tahun depan kementerian akan memakai konsep payung dalam melaksanakan projek-projek jalan kampung di luar bandar ini. Jadi, sejauh mana langkah ini dapat mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang betul kerajaan telah membuat keputusan bahawa satu sistem baru kita akan amalkan sepertimana yang telah diumumkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri apabila beliau menjawab di peringkat Jawatankuasa pada 10 haribulan lepas. Kita berharap dengan cara ini kita dapat menentukan bahawa satu taraf jalan raya yang perlu kerana sekarang kerajaan telah membuat keputusan bahawa taraf jalan kampung ini dinaikkan kepada taraf standard JKR itu lebih baik kerana kita telah menerima banyak aduan dari Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebelum ini banyak jalan dibina dan dibaiki selepas dua tiga bulan dipakai dan dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat, ia akan rosak, maka standard ini sekarang telah dinaikkan.

Dengan cara sistem payung yang baru ini kita berharap dapat mengawal taraf ini dengan mengawasi lebih ketat lagi dan mengetahui dengan lebih tepat

kontraktor-kontraktor dan subkontraktor-subkontraktor tertentu. Dalam masa yang sama juga kita dapat menentukan bahawa beberapa jalan yang dijalankan oleh kementerian ini supaya kita dapat menjalankan program penyelenggaraan pada tahun-tahun akan datang.

KADAR JENAYAH - KEDUDUKAN

6. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah kadar jenayah di Malaysia telah meningkat atau menurun di dalam 3 tahun kebelakangan ini; dan
- (b) apakah bilangan dan peratus kes jenayah yang dilaporkan dan apakah bilangan dan peratus kes jenayah yang diselesaikan bagi jenayah yang telah dilakukan oleh pendatang asing, sama ada yang masuk secara sah atau yang tanpa izin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin

Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan kepada jumlah kes jenayah di Malaysia bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini didapati kadarnya telah meningkat sebanyak 8.2% bagi tahun 1996 dan sebanyak 6.9% bagi tahun 1995. Bagi tahun 1994 kadarnya telah menurun sebanyak 4.8% dibandingkan dengan tahun 1993.
- (b) Daripada sejumlah 300,618 kes jenayah indeks yang dilaporkan di sepanjang tahun 1994 hingga Jun 1997, hanya 5,790 kes atau 1.9% sahaja membabitkan pendatang

asing. Daripada jumlah kes tersebut, kira-kira 20% kes dapat diselesaikan. Kadar jenayah yang membabitkan pendatang asing berkurangan dari 3% dalam tahun 1995 kepada 1% dalam tahun 1997 hasil dari peningkatan bilangan Ops Nyah II dan operasi-operasi pencegahan jenayah.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah sebabnya kadar kes jenayah makin meningkat dan apakah tindakan yang diambil atas pendatang-pendatang asing yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah sama ada mereka akan dihantar balik? Jika mereka dihantar balik selepas mereka didenda atau dihukum, siapa akan membiayai kos-kos itu? Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, bagi pendatang-pendatang asing yang melakukan jenayah dan selepas mereka menjalani hukuman di negara kita, mereka akan dihantar pulang ke negara mereka. Kita ada perjanjian dengan Kerajaan Indonesia di mana kalau kita dapat mengumpulkan 2,000 pendatang, mereka akan menghantar kapal mereka untuk mengambil pendatang-pendatang ini untuk dibawa balik. Kos untuk menghantar mereka pulang ialah lebih kurang RM208 dan ia ditanggung bersama sebanyak RM104 setiap kerajaan.

Berkenaan dengan jenayah yang bertambah dari tahun ke setahun, kemungkinan juga ini disebabkan oleh kerana negara kita melalui proses

urbanisasi, iaitu mereka yang datang daripada luar bandar akan berhijrah ke bandar-bandar dan sudah tentulah kes jenayah ini lebih banyak di bandar-bandar jika dibandingkan di kawasan luar bandar kerana di kawasan luar bandar semua orang kenal antara satu dengan lain, tetapi di bandar tidak mungkin mereka yang datang daripada luar bandar akan dikenali oleh mereka yang sedia tinggal di bandar. Jadi, oleh kerana adanya extendard family di luar bandar dan di bandar masing-masing bawa hal, maka jenayah lebih banyak berlaku di kawasan-kawasan bandar dibandingkan dengan kawasan luar bandar. Oleh kerana urbanisasi ini meningkat dari tahun ke tahun, maka jenayah juga meningkat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, selalunya media memaparkan peristiwa jenayah yang menyebabkan pembunuhan yang berkait dengan penggunaan senjata api seolah-olah negara kita begitu tidak aman sekalipun negara kita aman. Tetapi oleh kerana berita ini selalu mendedahkan peristiwa pembunuhan menggunakan senjata api, jadi apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri sebagai langkah kawalan untuk mengurangkan penyeludupan senjata api terutama sekali di negeri-negeri sempadan. Apakah kaedahnya yang digunakan untuk mengawal kemasukan senjata api melalui jalan laut. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, operasi-operasi selalu dijalankan oleh anggota keselamatan sama ada pihak polis ataupun tentera. Kalau di negeri Perlis, pasukan Rela juga memainkan

peranan yang penting untuk membanteras bukan sahaja penyeludupan senjata api tetapi juga penyeludupan pendatang-pendatang asing tanpa izin. Sebagai langkah untuk mengurangkan berlakunya penggunaan senjata api, pihak kementerian juga dalam proses untuk mengurangkan pemegangan senjata api di kalangan rakyat di negara kita ini. Ini termasuklah pemegangan dari segi senapang patah, rifle dan juga pistol. Kita di kementerian sememangnya menjalankan ikhtiar untuk mengurangkan pemegangan lesen senjata api di kalangan rakyat dan kita minta kerjasama daripada ahli-ahli Parlimen dan juga wakil-wakil rakyat supaya kurang memberikan sokongan kepada mereka yang memohon lesen senjata api sama ada senapang patah ataupun pistol.

MAJLIS PELINDUNG PENGGUNA - PENUBUHAN

7. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada kementerian ini akan menubuhkan satu Majlis Pelindung Pengguna-pengguna (Consumer Protection Council) supaya pengguna-pengguna tidak menjadi mangsa kepada kegiatan eksploitasi yang dibuat oleh pengeluar dan penjual barang-barangan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak bercadang menubuhkan satu Majlis Pelindung Pengguna-pengguna oleh kerana pada masa sekarang telah wujud dua buah majlis untuk melindungi hak pengguna, satu yang dinamakan Majlis Hal Ehwal Pengguna Kebangsaan (MHEPK) dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, semua Pengerusi Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri yang kebanyakannya adalah Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal pengguna juga menganggotai MHEPK. Objektif dan fungsi MHEPK ialah untuk Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri bersama-sama membincangkan dan menyelesaikan isu-isu kepenggunaan di semua peringkat dan bagi semua lapisan masyarakat.

Yang kedua, Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di bawah Akta Kawalan Harga 1946 bagi menasihati beliau berkenaan isu-isu kepenggunaan. Ahli-ahli Majlis ini terdiri dari pihak swasta, akademis, badan-badan profesional dan persatuan-persatuan pengguna.

Berkenaan kegiatan eksploitasi atau penyelewengan oleh pengeluar dan peniaga, sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian ini sentiasa menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan terutamanya bagi menguatkuasakan undang-undang di bawah bidang kuasa kementerian ini. Tindakan-tindakan penguatkuasaan ini adalah dijalankan di seluruh negara demi menjaga kepentingan pengguna.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya fikir tidak mungkin pegawai-pegawai penguatkuasa kementerian mampu melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menjalankan penguatkuasaan harga. Satu perkara yang menyebabkan kegiatan eksploitasi yang dibuat oleh pengeluar dan penjual barang berlaku ialah kerana mereka

mempunyai kuasa pasaran dan kuasa pasaran ini kadang-kadangnya wujud kerana mereka memiliki lesen atau permit ataupun apa-apa juga yang tertentu yang membolehkan mereka mempunyai kuasa untuk menaikkan harga barang sebab tidak ada persaingan, sebab tidak semua orang boleh buat kerana ada lesen dan permit. Jadi, adakah kementerian bercadang cara yang lebih baik ialah menggunakan kuasa pasaran itu sendiri dengan kita memansuhkan sebanyak mungkin lesen dan permit yang menjadi punca kepada pengeluar dan juga penjual mempunyai kuasa pasaran untuk menaikkan harga barang dengan sesuka hati mereka. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memang betul pegawai penguatkuasa kementerian ini tidak mencukupi tetapi kepada saya, saya berpuas hati kerana mereka telah menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan baik. Jadi, sehingga ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari 1 Januari 1997 hingga 15 November tahun ini mereka telah memeriksa sebanyak 494,531 tapak perniagaan.

Mengenai isu eksploitasi atau penguatkuasaan permit yang dikeluarkan kepada pengeluar atau peniaga, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini selalu mengkaji dan melihat keadaan pasaran iaitu keadaan permintaan dan bekalan dan kita akan membuat penyelarasan jika terdapat sesuatu perkara yang berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebenarnya soalan tadi itu bersabit dengan kuasa pasaran.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya difahamkan kementerian Yang Berhormat sendiri menyatakan bahawa barang-barang akan naik selepas kita menyambut Tahun Baru Cina dan juga Hari Raya Aidilfitri, jadi adakah ini benar? Dan bagaimanakah pihak kementerian hendak mengawal kenaikan barang-barang ini walaupun kita sedia maklum bahawa barang-barang ini bahan-bahannya diimport, tetapi adakah pihak kerajaan akan memastikan supaya kawalan ketat dapat dibuat ke atas barang-barang keperluan seperti tepung, gula, minyak supaya benda ini tidak naik dan dikawal. Harga-harga barang lain yang diimport naik, tak apalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu lagi, jenis-jenis jualan terus.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan tambahan itu satu sahaja. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia berkait, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Gabungkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kalau putus ini macam bercerai.

Seorang Ahli: Satu sahaja!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak apa, saya patuh, saya akur, kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua tidak beri saya tanya pula. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa mengawal harga barangan keperluan seharian dengan secara terperinci. Oleh kerana bahan-bahan (materials) yang diimport untuk membuat barang-barang keperluan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Yan iaitu tepung, oleh kerana kita hendak mengimport gandum (wheat) daripada US atau Australia, oleh itu, ini memang satu faktor yang akan menjadikan kenaikan harga tepung selepas hari raya. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan cuba menghalang jika ada kenaikan harga barangan keperluan untuk hari raya atau Tahun Baru Cina yang akan datang pada bulan Januari.

Bahagian Penguatkuasa kementerian ini sentiasa membuat pemeriksaan ke atas tapak-tapak perniagaan supaya tidak ada peniaga mengambil peluang untuk menaikkan harga barangan dengan secara sewenang-wenangnya dan tindakan akan diambil kepada peniaga-peniaga yang tidak mematuhi akta atau undang-undang kementerian ini. Jadi, kementerian ini akan mencuba untuk menghalang harga barangan keperluan tidak dinaikkan.

SYARIKAT MALAYSIA DI NEGARA YANG MENGHADAPI KONFLIK - JUMLAH KERUGIAN DAN PAMPASAN

8. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat Malaysia di negara-negara yang menghadapi konflik seperti peperangan, kekacauan dan seumpamanya sejak tahun 1990 hingga September 1997. Adakah syarikat-syarikat tersebut menerima sebarang pampasan dari negara-negara yang berkaitan. Jika ada berapakah jumlahnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato'

Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga September 1997

kementerian tidak ada menerima apa-apa maklumat terperinci mengenai jumlah nilai kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat Malaysia di negara-negara yang mengalami konflik seperti peperangan, kekacauan dan seumpamanya. Namun demikian, tuntutan untuk mendapatkan pampasan telah diterima dari tiga syarikat Malaysia yang melabur di Kambodia berikutan dari perebutan kuasa di negara tersebut pada 5 Julai 1997. Tuntutan-tuntutan ini kesemuanya bernilai RM80.1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan ini adalah selaras dengan peruntukan Artikel 3 mengenai pampasan di bawah Perjanjian Perlindungan Pelaburan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Kambodia yang dimeteraikan pada tahun 1994. Sehingga ke tarikh ini kesemua tuntutan ini masih lagi berada di dalam pertimbangan pihak Kerajaan Kambodia.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi syarikat-syarikat yang mengalami kerugian, mereka menuntut lebih kurang RM80 juta. Apakah kerajaan pula tidak menuntut daripada syarikat-syarikat yang menyebabkan orang lain rugi seperti membakar hutan-hutan di Sumatera dan menebang pokok tanpa ikut peraturan di Papua New Guinea. Apakah kerajaan mendenda syarikat-syarikat ini? Bukannya menuntut kerugian sebaliknya mendenda yang melakukan pelbagai kesilapan?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar daripada soalan pokok.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Terkeluar dari soalan asal.

Tuan Chiew Chiu Sing: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah terdapat kes-kes di mana syarikat Malaysia mengalami kerugian akibat ditipu oleh rakan kongsi seberang laut dalam projek usaha sama. Jika ada, apakah negara, kerugian dan bilangan mereka? Sekian.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini pernah menerima aduan-aduan daripada syarikat di mana pelaburan di luar negara itu ahli kongsinya telah menipu atau melarikan barang-barang atau modal-modal mereka itu dan kementerian ini telah sentiasa menangani perkara ini berunding dengan pihak-pihak yang berkuasa dan ada satu dua kes itu pun kita selesaikan dengan memuaskan.

Dari segi jumlah berapa banyak kes yang telah berlaku itu, kementerian ini tidak ada maklumat yang terperinci melainkan yang diberitahu kepada kementerian ini.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negara sebenarnya adalah menyahut seruan kerajaan yang dibuat beberapa tahun lalu supaya mereka memandang ke luar untuk melabur. Berikutan dengan masalah yang kita hadapi sekarang, iaitu kejatuhan nilai Ringgit dan secara umumnya kelembapan ekonomi negara, sama ada kerajaan akan menimbang dasar ini iaitu dasar menggalakkan syarikat-syarikat kita melabur ke luar negara sebagai

salah satu usaha untuk menyekat pengaliran keluar modal daripada negara ini.

Jika tidak, apakah rasional untuk meneruskan dasar ini?

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis atas soalan ini.

CARI GALI PETROLEUM DAN GAS ASLI - PENEMUAN BARU

9. **Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah dan di manakah penemuan-penemuan baru petroleum dan gas asli hasil cari gali yang dijalankan di sekitar perairan negara; dan
- (b) berapa banyakkah hasil royalti yang diberikan kepada negeri-negeri yang terlibat (seperti Terengganu, Sarawak dan Kelantan) di dalam industri ini untuk lima tahun lepas dan jangkaan yang akan diperolehi dalam lima tahun akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin

Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kegiatan eksplorasi dan pembangunan yang dijalankan di kawasan sedia ada pada tahun kewangan Petronas berakhir 31 Mac 1997 telah berjaya menambah sebanyak 230 juta tong minyak dan 1.4 trilion kaki padu gas pada rizab minyak dan gas negara. Rizab minyak negara kini berjumlah 3.9 bilion tong dan rizab gas pula berjumlah 79.8 trilion kaki padu. Walau bagaimanapun, kadar penemuan baru kini semakin berkurangan disebabkan oleh

kawasan petroleum negara terutamanya di luar pantai Malaysia telah menjadi semakin matang di mana hampir keseluruhannya telah diterokai.

- (b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bayaran royalti hanya dibuat kepada negeri yang mempunyai rizab sumber petroleum di luar pantainya yang sedang diterokai oleh Petronas. Oleh itu, buat masa ini negeri-negeri yang sedang dibayar royalti ialah negeri Terengganu, Sarawak dan Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh lima tahun lepas iaitu bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1997, Petronas telah membayar sebanyak RM2,103 juta kepada Kerajaan Negeri Terengganu serta RM1,294.7 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan RM421 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam bentuk bayaran royalti. Bayaran royalti untuk tempoh lima tahun akan datang bergantung kepada pengeluaran serta harga minyak mentah dan gas asli dalam tempoh berkenaan.

Dr. Ramli bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada royalti yang dibayar kepada negeri-negeri yang berkenaan ini, negeri-negeri ini juga boleh terlibat sama di dalam aktiviti-aktiviti hiliran yang berjumlah berbilion-bilion ringgit yang dilaburkan oleh Petronas seperti

refinery ataupun kilang-kilang petrokimia. Seperti negeri Sarawak, saya difahamkan bahawa setiap pelaburan yang dibuat oleh Petronas diberi ekuiti sekurang-kurangnya 10% atau 20% tetapi tidak di negeri Terengganu. Soalan saya, mengapakah penglibatan oleh Kerajaan Negeri Terengganu khususnya oleh SEDC negeri Terengganu amat kecil sekali. Adakah kerana negeri Terengganu ini tidak berminat ataupun Petronas tidak memberi peluang? Terima kasih.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya bayaran royalti negeri Sarawak hanya 5% daripada Petronas. Walaupun negeri-negeri tertentu yang disebutkan tadi tidak terlibat dalam ekuiti Petronas tetapi syarikat-syarikat SEDCnya atau syarikat usaha sama di antara bumiputera dan bukan bumiputera dan juga di antara bumiputera dengan syarikat-syarikat luar negara mempunyai peluang untuk mengambil tender-tender dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Petronas di tiga buah negeri tersebut.

Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perancangan yang dijalankan oleh Petronas untuk mengeluarkan saki baki minyak yang masih ada di telaga-telaga minyak setelah tamat kontrak oleh kontraktor utama seperti Shell dan Esso. Kalau wujud telaga-telaga ini, adakah kontrak baru akan dikeluarkan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:

Tuan Yang di-Pertua, masalah telaga-telaga minyak yang sudah dikerjakan oleh

syarikat-syarikat seperti Shell, Esso dan sebagainya kalau hendak dikerjakan lagi akan memakan banyak pelaburan oleh kerana kemungkinan eksplorasi itu terpaksa pergi ke dalam lautan dalam itu dan memerlukan investment yang besar. Kedua, setakat ini teknologi belum ada sampai ke tahap yang dapat memberi investment return yang berpatutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Cik Sukinam Domo.

[Soalan No. 10 - Y.B. Cik Sukinam Domo [Batang Sadong] tidak hadir]

BURUNG HANTU - RANCANGAN PEMBIAKAN DI KAWASAN BANDAR

11. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail [Bagan Serai] minta Menteri Pertanian menyatakan selepas kejayaan telah tercapai bagi mengawal serangan tikus di sawah padi dengan pembiakan burung-burung hantu, usaha secara 'biological control' ini sangat dihargai, adakah rancangan kerajaan untuk membiakkannya di kawasan perbandaran yang juga banyak gangguan tikus-tikus.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Kementerian Pertanian tidak ada rancangan untuk membiakkan burung-burung hantu di kawasan bandar kerana ia tidak berkaitan dengan peningkatan hasil pertanian. Jika pun kementerian yang berkaitan dengan perkhidmatan di bandar ingin memperkenalkan pembiakan burung dan lain-lain pemangsa kepada tikus untuk menyekat penyakit, kerajaan perlu mengkaji dahulu sama ada kejayaan yang sama boleh juga berlaku dalam

keadaan di bandar melalui kaedah yang sama dan memerlukan kajian dari segi pakar-pakar hidupan burung dari segi sama ada burung hantu sesuai membiak dalam keadaan di bandar dan kaitan kesannya menangkap tikus di bandar. Buat masa ini kementerian tidak menerima apa-apa cadangan dari Kementerian Kesihatan mahupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi menggunakan biological control di kawasan bandar seperti yang kita telah guna pakai dalam pertanian. Terima kasih.

Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail: Soalan tambahan. Apa yang saya perhatikan di dalam kawasan sawah padi, pemeliharaan burung ini ada kebaikan dan ada kejayaan tetapi banyak saya lihat rumah burung ini diletak di tengah lapang sangat, saya rasa dia pun tidak berapa senang seolah-olah orang yang memasang rumah sarang burung ini tidak memilih tempat yang lebih sesuai bagi burung ini. Jadi, di tengah-tengah sawah padi dibubuh tempat rumah sangkar - hendak kata sangkar pun bukan juga, ini macam rumah dia tetapi berjemur begitu panas. Saya percaya kalau dia datang waktu malam sahaja, waktu siang saya rasa dia tidak boleh duduk dalam keadaan seperti itu. Jadi, adakah cadangan untuk membanyakkan lagi rumah ini dan ditempatkan yang lebih sesuai lagi?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul apa yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawasanya kebanyakan sarang burung ini ditempatkan di tengah bendang. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan berusaha sama ada ditempatkan

bersempadan dengan kampung ataupun memberi tempat-tempat perlindungan yang lebih menggalakkan lagi seperti kawasan-kawasan yang berdekatan dengan perumahan dan mungkin akan menggalakkan pembiakan burung-burung ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan tidak mahu biak burung hantu, setakat hari ini.....

Seorang Ahli: Yan boleh bela. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:.....sejauh mana dan sebanyak manakah tindakan kerajaan untuk memperbanyakkan pemeliharaan burung puyuh dan apakah khasiat daging burung puyuh kalau dibandingkan dengan burung hantu kerana burung hantu ini kita tidak boleh makan, jadi burung puyuh ini apakah khasiatnya? Kalau boleh, Yang Berhormat terangkan di Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan ini terkeluar dari soalan asal. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, ini kes burung. Cuma nama jenis lain-lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Soalan asal itu perkara yang lain.

SISTEM TENDER TERBUKA BAGI PROJEK KERAJAAN

12. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk mengadakan sistem tender terbuka atau bersaing untuk kesemua kontrak projek kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya sistem perolehan yang digunakan bagi semua kontrak kerajaan ialah melalui tender terbuka sebagaimana yang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan 181 atau dengan izin, Treasury Instruction 181 kecuali jika sesuatu kerja itu perlu dibuat segera atau sertamerta dan jika perolehan mengikut tatacara tender terbuka akan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam. Pengecualian daripada Arahan Perbendaharaan 181 ini hanya dibenarkan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Perbendaharaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bukankah benar bahawa jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak betul oleh kerana ada projek-projek yang diberikan tanpa tender sungguhpun tidak perlu bukan oleh kerana perlu disegerakan. Satu contoh yang baik ialah Bakun di mana projek hidro elektrik itu diberikan kepada Ekran Bhd., Tan Sri Ting Pek Khiing tanpa tender, tanpa apa-apa tawaran diberikan oleh sesiapa dan tidak ada sebab tidak tertakluk di bawah Peraturan 181 di mana projek itu perlu disegerakan dan ada banyak lagi contoh yang lain. Bukankah benar sebab itu satu masa Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ada cadang bahawa untuk dapat satu sistem yang lebih transparent untuk mengelakkan korupsi bermaharajalela dalam negara kita yang mengakibatkan kejatuhan keyakinan kepada sistem ekonomi.....

Beberapa Ahli: *[Boo]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini terkeluar daripada soalan.

Tuan Lim Kit Siang: Takutlah semua, takut bayang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: Soalan, soalan!

Tuan Lim Kit Siang: Takut bayang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tertib.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah kita boleh dapat satu jawapan yang lebih benar, betul mengenai sistem tender open competitive bidding dalam sistem kerajaan.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya dasar ini dipakai kecuali di mana projek-projek ini akan diswastakan dan ianya melalui cadangan. Keseluruhannya banyak projek telah pun melalui sistem tender terbuka.

Tuan Noh bin Omar: Soalan tambahan, ini bukan ucapan dasar. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita dapati banyak kerja apabila ditender ini lambat dilaksanakan, kadang-kadang bulan Januari ditenderkan, bulan Jun ataupun Ogos baru boleh dilaksanakan. Jadi saya hendak dapat penjelasan adakah pihak kementerian mempunyai garis panduan berapa lama sebenarnya tempoh sesuatu kerja tender ini mesti dilaksanakan? Jika belum ada lagi,

apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan kerja-kerja tender ini segera dilaksanakan.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala melalui tender projeknya akan mengambil masa oleh kerana ini adalah satu sistem kita pakai. Dalam tender memang ada syarat-syarat untuk kontraktor-kontraktor supaya dia akan menyiapkan projek melalui jadual dan denda akan dikenakan kalau projek ini dilambatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman.

[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran] tidak hadir]

PUSAT GIAT MARA - PENUBUHAN DI SETIAP KAWASAN PARLIMEN

14. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan sejauh manakah berjayanya strategi Majlis Amanah Rakyat (MARA) menubuhkan satu kawasan Parlimen satu Pusat Giat MARA dan sehingga kini berapakah jumlah kawasan Parlimen yang masih belum mempunyai Pusat Giat MARA. Berapakah jumlah Pusat Giat yang sedang dirancang.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:
Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 120 Pusat Giat MARA di seluruh negara dan ia terletak dalam 114 buah kawasan Parlimen. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan 40 Pusat Giat MARA yang baru dan tahun depan kerajaan bercadang untuk menubuhkan 15 buah pusat

berkenaan. Salah satu daripada pusat yang dipertimbangkan ialah dalam kawasan Kuala Nerus.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah merancang begitu baik. Saya ingin tahu adakah benar dakwaan mengatakan bahawa perancangan sebanyak 40 lagi Pusat Giat MARA yang telah dibuat, peruntukannya telah diberikan tetapi MARA menghadapi masalah seolah-olah peruntukan itu adalah peruntukan yang tidak halal daripada mengikut prosedur-prosedur tertentu. Saya ingin tahu masalah ini.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal ada sedikit masalah teknikal tetapi pada masa ini kesemua masalah telah pun diselesaikan.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri, adalah didapati bahawa kebanyakan kursus yang dijalankan di Pusat Giat MARA ini kebanyakannya kursus yang sudah pun macam dikatakan ketinggalan zaman. Jadi saya ingin tahu sejauh manakah rungutan ini telah diambil tindakan oleh pihak kementerian bagi menangani masalah-masalah dan cabaran-cabaran. Adakah kursus ini cuma dianjurkan sekadar untuk melepaskan batuk di tangga sahaja terutamanya kepada anak-anak kampung. Jadi, ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Pusat Giat MARA menjalankan 21 jenis kursus dan kebanyakan daripada kursus ini mempunyai permintaan yang tinggi. Antara kursus yang mendapat permintaan yang tinggi termasuklah membaiki kereta motor dan kursus electrical iaitu wiring. Ada beberapa kursus yang mana permintaannya kurang termasuklah teknologi bangunan dan juga perabot. Untuk kursus-kursus ini, pihak MARA sedang membuat penyesuaian untuk memastikan bahawa bilangannya dapat dikurangkan untuk digantikan dengan kursus-kursus baru. Antara kursus baru yang sedang dipertimbangkan yang masih lagi dalam perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan ialah kursus dalam bidang IT. Jadi ringkasnya, Pusat Giat MARA sentiasa membuat penyesuaian untuk memastikan bahawa kursus-kursus yang dikendalikan adalah selari dengan permintaan semasa.

TABUNG NELAYAN DI SABAH - FUNGSI DAN PERANAN

15. Tuan Asmat Nungka [Beluran] minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimanakah para nelayan di Sabah mendapat manfaat daripada penubuhan Tabung Nelayan; dan bilakah fungsi dan peranannya diperluaskan di Sabah.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, para nelayan di Sabah boleh mendapat manfaat daripada penubuhan Tabung Pembangunan Ekonomi Persatuan Nelayan melalui persatuan-persatuan nelayan kawasan. Kemudahan pinjaman dan sokongan boleh dibuat melalui persatuan nelayan yang ditubuhkan dalam negeri Sabah. Setakat ini empat buah persatuan nelayan kawasan telah ditubuhkan iaitu di Kota Belud, Kuala Penyu, Sandakan dan

Semporna. Pinjaman bantuan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia boleh ditimbangkan untuk persatuan nelayan menjalankan aktiviti-aktiviti dan projek-projek ekonomi yang berdaya maju. Tabung Pembangunan Ekonomi Persatuan Nelayan mula berfungsi di negeri Sabah apabila fungsi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Sabah diperluaskan pada 1 Ogos 1995. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan sekarang ini nelayan-nelayan tidak dapat menikmati bantuan, oleh kerana persatuan nelayan begitu terhad bilangannya dan meliputi daerah yang begitu luas, jadi bilakah kementerian akan melanjutkan ataupun meluluskan persatuan-persatuan nelayan ini di setiap daerah supaya penyaluran bantuan ini senang diaturkan dan cepat sampai kepada kumpulan sasaran?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, di Sabah memanglah terdapat sedikit masalah sebab hanya empat persatuan nelayan telah ditubuhkan iaitu di kawasan Kuala Belud, Kuala Penyu, Sandakan dan Semporna. Di samping itu kita juga ada tabung pembangunan ekonomi persatuan nelayan dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang telah diwujudkan untuk melaksanakan skim pinjaman melalui Tabung Ikhtiar Nelayan. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri telah pun memaklumkan kepada kita semua semasa pelancaran Tabung Ikhtiar Nelayan, di Kuala Kedah, ia berjumlah RM4 juta.

DERMA HARI PAHLAWAN - PENGAGIHAN WANG KUTIPAN

16. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah] minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kerajaan mengagihkan wang kutipan “Derma Hari Pahlawan” kepada Persatuan Bekas-bekas Polis, kerana mereka juga berjasa kepada negara, kalau tidak adakah kerajaan bercadang untuk memberi sebahagian daripada jumlah kutipan kepada Persatuan Bekas-bekas Polis atau adakah kerajaan memberi sumbangan khas kepada persatuan tersebut kalau ya, berapa jumlahnya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kutipan “Derma Hari Pahlawan” dilaksanakan sepenuhnya oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM). Keseluruhan jumlah kutipan derma tersebut kemudiannya dimanfaatkan sepenuhnya oleh PBPM bagi membiayai pelbagai aktiviti mengenang jasa bekas anggota tentera Malaysia.

Antara program yang dilaksanakan termasuklah memberi bantuan sara hidup, membiayai kos perubatan, membekalkan peralatan anggota palsu, membantu persekolahan anak-anak bekas anggota tentera dan lain-lain lagi program berbentuk kebajikan, yang bertujuan meringankan bebanan mereka selepas menamatkan perkhidmatan dengan ATM.

Memandangkan keseluruhan kutipan derma tersebut disalurkan, yang dikhususkan kepada bekas anggota ATM dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk ahli persatuan berkenaan, kutipan tersebut tidak dapat disalurkan pula kepada Persatuan Bekas-bekas Polis. Kementerian Pertahanan percaya bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga mempunyai aktiviti dan kegiatan yang serupa bagi mengadakan tabungan untuk bekas-bekas anggota polis.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan tidak ada Persatuan Bekas Polis membuat aktiviti seperti ini, kerana Hari Pahlawan kita warisi daripada Poppy Day dari Kerajaan British dahulu. Jadi untuk polis memang tidak ada. Oleh kerana persoalan ini dijawab oleh kementerian yang tidak boleh menjawab bagi pihak polis, jadi saya hendak bertanya soalan berkenaan dengan Hari Pahlawan sahajalah.

Soalannya, saya telah berjumpa dengan ramai ahli PBPM ini, kerana saya dahulu pun banyak berhubung dengan mereka ini dan mereka mendengar sahaja duit yang dikeluarkan oleh kerajaan iaitu kutipan derma dari masyarakat untuk Tabung Hari Pahlawan. Tetapi malangnya persatuan-persatuan di seluruh negara yang saya temui semasa election seperti di Bintulu, di Kuching dan sebagainya tidak mendengar dan melihat pun wang yang sedemikian sama ada dari pertolongan yang direct, dengan izin ataupun secara lain. Jadi, pertanyaan mereka sama ada benar atau tidak yang tabung ini hanya memberi keuntungan kepada segelintir yang kecil sahaja iaitu pegawai atasan yang memajukan korporat-korporat PBPM bukan kepada ahli PBPM itu sendiri?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tidak benarlah yang mana kutipan daripada orang ramai untuk Hari Pahlawan ini dipergunakan oleh pegawai-pegawai persatuan semata-mata, ianya diperagih-agihkan kepada program yang telah saya sebut sebentar tadi. Malahan bukan di peringkat kebangsaan sahaja yang mengadakan kutipan derma Hari Pahlawan, malah di peringkat negeri dan di peringkat daerah-

daerah mereka diberi kuasa untuk masing-masing berusaha untuk mengumpulkan dana bagi membantu pelbagai program kebajikan di peringkat tempatan, negeri mahupun daerah. Bermakna kalaulah di peringkat negeri-negeri tertentu itu kurang mendapat sumbangan, mungkin di peringkat daerah mahupun negeri yang tersebut tidak mengadakan program untuk mengutip derma bagi mengisi tabung Hari Pahlawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah pun tamat masanya.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.1, 4, 10, 13 dan 17 hingga 40 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kesepuluh]** Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan*

Jawatankuasa]

Maksud B.42 [Jadual] -

Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan, 1998] -

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepala B.42 dan Kepada P.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terbuka untuk dibahas. Senai.

3.35 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.42, Butiran 020000 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya memang berasa dukacita kerana selama ini, kementerian ini tidak langsung menyentuh berhubung dengan program ataupun aktiviti-aktiviti bagi warga tua. Perkara ini sepatutnya diberi perhatian dan saya rasa Tuan Pengerusi sendiri juga akan bersetuju dengan saya. Contohnya di pihak MCA, kita memang pentingkan perkara ini dan Tuan Pengerusi sendiri telah dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa yang berkenaan untuk mengaturkan program, aktiviti-aktiviti bagi warga tua dalam negara kita. Jadi, MCA memang mengharapkan supaya sumbangan ataupun sumber tenaga dari warga tua ini dapat digunakan dengan sepenuhnya.

Tuan Pengerusi, warga tua boleh dikatakan sebagai sumber tenaga yang penting, kerana mereka ini juga terdiri daripada golongan profesional. Mereka

mempunyai pengalaman, kemahiran dan masih boleh memberi sumbangan mereka kepada masyarakat. Ingin saya cadangkan supaya kementerian dapat menyediakan khidmat sokongan kepada aktiviti-aktiviti projek warga tua, memastikan warga tua dapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat. Masyarakat kita memerlukan bimbingan warga tua dan berharap mereka juga bersedia untuk berkhidmat bagi kepentingan rakyat dan negara.

Dalam hubungan ini saya juga ingin mencadangkan supaya satu peruntukan khas dapat diwujudkan bagi membantu persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan warga tua dalam negara kita. Warga tua sungguhpun telah bersara tetapi masih kuat dan sihat. Walau bagaimanapun kebanyakan di antara mereka kurang pendapatan, pencennya rendah, ada juga kerana dahulu bekerja dengan swasta tidak ada pencen, tidak ada pendapatan langsung. Jika mereka hidup dalam keadaan daif, mereka perlu diberi bantuan kerajaan.

Tuan Pengerusi, menghormati warga tua perlu dianggap sebagai satu budaya timur kita, maklumlah kita yang muda pada hari ini, jika umurnya panjang dan masih hidup juga akan melangkah ke peringkat warga tua. Maka ingin saya mohon kepada kementerian supaya aktiviti yang boleh melibatkan tenaga warga tua dapat dianjurkan dari masa ke semasa, bagi membolehkan warga tua ini menyumbangkan pengalaman mereka kepada generasi muda kita. Jawatankuasa ataupun pusat warga tua di peringkat negeri dan daerah boleh ditubuhkan untuk membincang serta melaksanakan program yang berkaitan demi kepentingan masyarakat setempat. Jadi, inilah beberapa pandangan yang

dapat saya kemukakan, saya harap supaya dapat diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tambun.

3.40 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang hal ehwal orang Asli.

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa Orang Asli ini masih lagi tertinggal daripada main stream. Saya membuat kenyataan ini berdasarkan kepada kajian saya ke atas kampung-kampung Orang Asli yang terletak dalam kawasan hampir dengan bandar, bukan yang di dalam kawasan pedalaman. Saya percaya jikalau di dalam kawasan pedalaman ia lebih lagi teruk daripada itu.

Dari segi 'socio-economic indicators', kita dapati bahawa Orang Asli tidak banyak yang berjawatan besar terutama dalam kerajaan. Kita dapati juga pendapatan isi keluarga dibandingkan dengan bangsa Melayu, China dan India begitu rendah sekali dan kemudahan-kemudahan fizikal di segi rumah dan keperluan-keperluan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan awam termasuk dewan dan surau tidak begitu mencukupi. Saya percaya akibat dari suasana itulah kita dapati bahawa sikap dan pemikiran Orang Asli masih lagi pada peringkat transisi di antara premitif dan juga moden.

Saya bersetuju bahawa kerajaan telah menjalankan berbagai program untuk membantu Orang Asli. Tetapi saya dapati bahawa program-program tersebut begitu perlahan. Umpamanya rancangan penempatan tersusun

memakan masa yang begitu panjang. Saya membuat perbandingan, katalah ini bertujuan untuk pemindahan masyarakat dalam bandar, pihak kerajaan boleh membina rumah beribu-ribu unit dalam tempoh dua hingga tiga tahun. Tetapi bagi program rancangan penempatan tersusun setiap tahun bagi satu kawasan kadangkala hanya melibatkan tidak lebih daripada lima buah rumah. Dengan itu rancangan penempatan tersusun yang melibatkan bilangan rumah tidak banyak memakan masa lebih lima tahun untuk selesai dilaksanakan. Begitu juga dari segi infrastruktur dalam ucapan-ucapan saya yang lalu, saya pernah menyatakan bahawa bagi kampung-kampung Orang Asli yang terletak di kawasan bandar ataupun di kawasan pertumbuhan dalam jarak antara 3 hingga 5 kilometer sepatutnya mesti sudah ada jalan, bekalan elektrik dan air. Jawapan daripada pihak kementerian ini memang akan dilaksanakan. Saya sendiri telah menghantar surat, tetapi tidak mendapat jawapan, walaupun lebih setahun surat itu telah dihantar.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, saya rasa seolah-olah kita meletak prioriti yang begitu rendah kepada Orang Asli, mungkin kerana mereka tidak agresif.

Yang kedua, mungkin kerana Orang Asli ini tidak ada nilai ekonomi, dengan itu kita tidak memberi penekanan untuk membangunkan mereka.

Saya cuba bayangkan, pada satu masa akan datang, katakanlah Orang Asli ini membuat protes ataupun tunjuk perasaan, bagaimanakah tindakan kementerian pada ketika itu, adakah kementerian akan bertindak atau tidak?

Saya percaya kementerian akan bertindak, kerana kita bertindak atau kita react mengikut keadaan, tekanan yang kita perolehi. Jikalau prinsip ini yang kita pegang, maka kita tidak berpegang kepada prinsip keadilan dan juga proaktif.

Selain daripada masalah infrastruktur, saya dapati penekanan harus diberi kepada bidang pendidikan dan juga latihan. Dari segi bidang pendidikan, pernah saya nyatakan bahawa mutu pencapaian pelajar-pelajar daripada kawasan Orang Asli ataupun anak Orang Asli tidak begitu tinggi. Saya membincangkan perkara ini dengan ramai Guru Besar dan mereka mengatakan tidak mudah untuk dapat seorang anak Orang Asli yang mencapai pencapaian yang tinggi di sekolah-sekolah rendah. Jadi, saya berpendapat bahawa kita perlu adakan sekolah khas untuk Orang Asli semata-mata, kerana tahap pemikiran dan sikap mereka tidak sama dengan tahap pemikiran masyarakat terutama masyarakat Melayu, China dan juga India.

Kita boleh kelompokkan beberapa kampung yang terdiri daripada kawasan Parlimen didirikan satu sekolah terutama di peringkat sekolah rendah dengan kita jadikan itu sebagai satu proses conditioning, merubah mereka daripada suasana masyarakat Orang Asli kepada pemikiran cara moden itu.

Saya juga berpendapat mesti ada kurikulum khas.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Time saya pendek.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit, boleh beri atau tidak?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak payah tawar-menawar.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya minta maaf, masa saya sedikit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Time saya selalu saya beri dia.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kalau Yang Berhormat tidak beri laluan sila teruskan.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya tidak beri, minta maaf. Sebab time pendek, kalau tidak saya beri. Kita mesti ada satu kurikulum khas terutama untuk sekolah rendah, kurikulum yang berbeza dengan kurikulum bagi sekolah-sekolah biasa dan apabila mereka masuk ke tingkatan satu umpamanya, kita boleh mengadakan remove class, sepertimana yang pernah kita adakan bagi sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan. Begitu juga kita harus tambahkan tuisyen dan guru-guru bagi sekolah orang Asli ini.

Saya berpendapat mesti ada guru-guru yang boleh bertutur dalam bahasa Orang Asli, kerana kanak-kanak yang masih pada peringkat awal dalam darjah satu, dua atau tiga, dia akan merasa terasing kalau guru tersebut tidak bertutur dalam bahasa mereka, dengan itu saya berpendapat bahawa kementerian harus

memberi elaun khas sebagai insentif untuk guru-guru belajar bahasa Orang Asli dan menggunakannya.

Dalam bidang latihan, saya dapati bahawa Orang Asli dia mempunyai kompeten dalam bidang-bidang pertanian, dari segi tanaman, ternakan dan juga untuk mengeluarkan sumber asli seperti pembalakan, bahan buluh dan juga dalam bidang agrotourism. Tetapi persoalannya, kerana skill mereka tidak diasah kepada peringkat yang lebih tinggi, terutama dalam bidang pembalakan dan mengeluarkan bahan buluh, mereka selalu dieksploitasi oleh kontraktor-kontraktor.

Saya berpendapat ada dua penyelesaian yang harus kita berikan, pertama kita tingkatkan kemahiran mereka supaya kita dapat gunakan mereka dalam bidang yang mereka mempunyai kompetensi.

Yang kedua, kerajaan memainkan peranan sebagai orang tengah apabila kontraktor mahu menggunakan mereka mesti melalui cara-cara yang tertentu dengan mempunyai peraturan-peraturan dan perjanjian-perjanjian yang ditentukan supaya mereka tidak dieksploitasi.

Dalam bidang pekilangan, kita dapati sekarang ada satu pemindahan kerja daripada sektor pertanian dan perhutangan kepada sektor perkilangan yang melibatkan semakin ramai anak-anak orang asli yang masuk ke sektor perkilangan. Saya berpendapat kerajaan harus selaraskan dan saya dapati sehingga kini tidak ramai terutama di negeri saya mereka yang pergi ke Giat MARA kepada Institut Latihan Perindustrian mahupun yang mengikuti latihan

di bawah Skim Tabung Pembangunan Sumber Manusia. Saya percaya dengan usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk membantu mereka, mereka boleh hidup sama dengan masyarakat lain dalam negara kita.

Saya juga berpendapat bahawa pendedahan yang lebih harus diberi kepada mereka untuk berpindah ke sektor perkilangan dengan kita mengubah sikap mereka. Kita tidak boleh lihat Orang Asli ini sebagai orang yang kita rasa dalam keadaan yang dengan izin, “sorry state.”

Saya berjumpa dengan pegawai-pegawai Jabatan Orang Asli, Tuan Pengerusi, apabila saya berbincang dengan mereka, mereka ini menyatakan seolah-olah Orang Asli ini tidak boleh dibuat apa tentang kehidupan mereka. Seolah-olah kita telah give up, seolah-olah apa yang cuba kita lakukan hanya membantu untuk menjadikan mereka gembira sahaja, bukan kita hendak meningkatkan mereka kepada peringkat yang lebih tinggi.

Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa kementerian harus mempunyai approach baru. Pertama memberi prioriti yang tinggi kepada usaha untuk membangunkan Orang Asli dan mengubah sikap pentadbir kita supaya kita mengambil tindakan yang lebih serius dengan mengadakan kajian serta penyelidikan bagaimana untuk meningkatkan sumber manusia, mengadakan strategi dan rancangan pembangunan yang meliputi generasi demi generasi, generasi kedua, ketiga, keempat dan kelima.

Di samping itu juga saya ingin menyentuh tentang program dakwah Islamiah di kawasan Orang Asli. Ramai di kalangan mereka telah pun

memeluk agama Islam. Di Kampung Baduk, Perak Tuan Pengerusi, lebih kurang tiga bulan lalu ada seorang penduduk Orang Asli yang meninggal dunia. Dia telah ditanam secara orang Islam. Di sebelah kampung tersebut ada kampung yang masih lagi penduduknya menganuti agama lama mereka dan mereka mendesak kepada penduduk kampung tersebut untuk menjalankan pengkebumian cara tradisi dan penduduk yang beragama Islam tidak bersetuju. Akhirnya datang berbagai propaganda daripada kampung sebelah menyatakan bahawa sekiranya tidak dibuat pengkebumian cara tradisi, singa dan harimau akan menyerang penduduk Kampung Baduk. Jadi penduduk ini sudah hilang pertimbangan antara berpegang kepada akidah Islamiah dengan menganuti semula agama lama mereka. Saya dapati antara sebab yang menjadi demikian, kerana kita tidak mempunyai banyak program penghayatan Islam. Mereka baru masuk agama Islam, mereka memerlukan didikan yang basic dari segi fardu ain, bacaan al-Quran, cara sembahyang dan sebagainya. Pada peringkat itu pun kita tidak mempunyai guru-guru. Ada setengah kampung Orang Asli yang tidak ada guru langsung, akibat daripada itu tidak ada imam dan juga tidak ada bilal di kawasan tersebut, malahan suraunya pun tidak digunakan.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat kita mesti ada jadual yang tetap untuk kita memberi pengetahuan agama Islam kepada mereka. Kita mesti adakan kelas, guru-guru dan juga kurikulum untuk mereka ikuti. Kita juga mesti kaji pada peringkat ini sejauh mana mereka telah sampai kepada peringkat penghayatan Islam mereka, pada nisbah berapa. Adakah pada peringkat 100%,

70%, 50% ataupun 30%? Jadi, usaha-usaha mesti dilakukan supaya kita mencapai target kita kepada 100%.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Serdana.

3.51 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya menyentuh dengan Butiran 00900 - Hal Ehwal Orang Asli; Butiran 00901 - Penempatan Tersusun; Butiran 00902 - Pembangunan Ekonomi dan Butiran 00903 - Perkhidmatan Sosial.

Tuan Pengerusi, mengikut Rancangan Malaysia Keenam di mana perbelanjaan sebenar pada tahun 1991 hingga 1995 ialah RM80 juta untuk memberi perkhidmatan di bawah program Penempatan Tersusun, Pembangunan Ekonomi dan Perkhidmatan Sosial Orang-orang Asli. Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM119 juta telah diperuntukkan di bawah Butiran-butiran tersebut.

Tuan Pengerusi, pada tahun 1996 perbelanjaan sebenarnya telah dicadangkan sebanyak RM18 juta sahaja untuk projek-projek penempatan tersusun, pembangunan ekonomi dan perkhidmatan sosial. Pada tahun 1997 sebanyak RM24 juta telah diperuntukkan .

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini kerana saya tidak tahu projek-projek yang terlibat dengan penempatan tersusun, pembangunan ekonomi, perkhidmatan sosial di bawah hal ehwal Orang Asli di dalam tahun 1996 dan juga pada tahun 1997 ini. Apakah program yang telah dicadangkan sepanjang masa yang telah menggunakan wang yang telah diluluskan. Saya membangkitkan perkara ini kerana di Mesyuarat Perwakilan yang ke-8, Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia pada tahun ini telah mengatakan bahawa Orang-orang Asli masih diabaikan. Saya tidak tahu apa sebab yang dibangkitkan oleh Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia, sedangkan perbelanjaan yang sebegitu besar telah diadakan ke atas hal ehwal orang Asli di bawah program Penempatan Tersusun, Pembangunan Ekonomi dan Perkhidmatan Sosial. Maka saya minta penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan perbelanjaan pada tahun 1996 dan 1997 mengenai dengan projek-projek tersebut, supaya dapat memberi satu gambaran nyata terhadap perkhidmatan kepada Orang Asli, di mana ia dapat menaikkan taraf kehidupan kepada Orang Asli sepanjang masa.

Tuan Pengerusi, di Mesyuarat Perwakilan yang ke-8, Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia juga telah memutuskan 7 resolusi yang telah disampaikan kepada kementerian untuk meminta kementerian mengambil berat hal ehwal Orang Asli, supaya kepentingan mereka tidak diabaikan lagi. Saya tidak tahu apa reaksi daripada kementerian setelah keputusan mesyuarat disampaikan kepada kementerian sepanjang masa. Jadi, saya minta pandangan

ataupun ulasan daripada kementerian atas keputusan yang diberi oleh Orang Asli.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh satu perkara di dalam kawasan saya di mana terdapat satu kampung Orang Asli, iaitu Kampung Sungai Rasau, Puchong. Saya telah bangkitkan perkara ini beberapa kali, tetapi masih belum dapat diselesaikan masalah hal ehwal Orang Asli di Kampung Sungai Rasau, Puchong.

Tuan Pengerusi, kampung orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini telah diwujudkan hampir 25 atau 30 tahun, kerana penempatan Orang Asli daripada Kampung Pulas yang ditenggelami air pada ketika itu. Jadi, Orang-orang Asli telah ditempatkan melalui Jabatan Orang Asli Selangor di mana kampung Orang Asli Sungai Rasau diwujudkan. Tetapi sehingga hari ini kawasan Kampung Orang Asli Sungai Rasau ini masih belum diwartakan sebagai simpanan Orang Asli. Saya tidak tahu apa sebabnya, jawapan daripada kementerian kepada saya mengatakan, permohonan kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini telah disampaikan kepada kerajaan negeri pada tahun 1977 dan juga permohonan semula supaya diwartakan kawasan Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini pada tahun 1994 - dua kali telah dibuat permohonan supaya dapat diwartakan kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini, tetapi sehingga hari ini, Tuan Pengerusi, kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini masih belum dapat diwartakan sebagai simpanan Orang Asli.

Saya minta sebab apa begitu lama masih belum dapat diwartakan dan apakah pandangan kementerian terhadap kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini. Ini menunjukkan bahawa kelemahan pentadbiran Jabatan Orang Asli terhadap kepentingan dan kebajikan Orang Asli di kampung Sungai Rasau, Puchong, di mana lebih 200 kelamin telah tinggal di situ dengan keadaan yang begitu lemah dan tidak dapat dijagai kerana tanah mereka yang didiami masih belum diisytiharkan sebagai simpanan Orang Asli. Maka dengan yang demikian, masalah telah timbul pada masa ini kerana kawasan ini telah dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu, di mana kilang-kilang telah didirikan di atas apa yang dikatakan simpanan Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini. Mengapa terjadi demikian, apa yang telah berlaku, apa peranan yang dimainkan oleh Jabatan Orang Asli Selangor terhadap simpanan Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini? Apakah tindakan yang telah diambil untuk melindungi kepentingan dan kebajikan Orang Asli Sungai Rasau, Puchong ini. Saya tidak tahu mungkin ada satu alasan yang lain, jadi saya minta penjelasan daripada kementerian berkaitan dengan masalah ini, kerana ini akan mencetuskan satu isu dan saya tidak mahu simpanan Orang Asli Sungai Rasau ini sebagai isu politik di masa akan datang.

Saya tidak mahu tanah simpanan Orang Asli ini dijadikan satu isu yang tidak dapat diselesaikan sehingga masa yang akan datang. Maka saya sekali lagi menegaskan betapa pentingnya simpanan Orang Asli Sungai Rasau dapat diwartakan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi, saya juga minta kementerian ini, seperti apa yang dikatakan oleh Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia terhadap pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli hendaklah disusun semula supaya dapat menyesuaikan keadaan dan keazaman baru untuk berkhidmat kepada Orang Asli sepanjang masa ini. Jadi, dengan demikian saya mintalah pandangan daripada kementerian atas apa yang dikatakan, terutama sekali kampung Orang Asli Sungai Rasau, Puchong. Saya tidak mahu perkara ini berulang lagi dan saya akan jadikan ucapan di atas perbahasan peruntukan kementerian ini sebagai yang akhir untuk menimbulkan masalah kampung Orang Asli Sungai Rasau Puchong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kubang Kerian.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020000 - Kebajikan Masyarakat. Saya ingin tahu sehingga tahun 1996, di Semenanjung Malaysia, berapakah jumlah orang buta, orang pekak, orang bisu, orang lumpuh, berapa orang yang tidak cukup anggota, ertinya tidak ada tangan atau tidak ada kaki sebelah dan sebagainya. Diharap kementerian di peringkat Jawatankuasa ini boleh memberi angka-angka ini. Kalaulah kita beri elaun RM500 kepada mereka untuk sara hidup,

berapakah jumlah kerajaan kena belanjakan? Saya ingat sudah tiba masanya negara kita yang telah maju, menteri-menteri selalu bercakap negeri kita mencapai kemajuan 8%, world record. Jadi sudah tiba masanya kita memberi elaun khas kepada orang-orang cacat ini. Kita tidak mahu lagi melihat misalnya orang-orang buta mencari makan secara menyanyi. Kalau mereka hendak menyanyi pun itu hanya pendapatan tambahan, bukan untuk mencari makan, sekurang-kurangnya untuk basic mereka mencari makan itu kerajaan yang kaya ini boleh menyelesaikan masalah mereka.

Saya sudah bercakap tentang perkara ini dan akan terus bercakap sampai berjaya, kerana orang-orang cacat ini kebanyakannya yang cacat ini adalah anak-anak orang-orang miskin. Ada anak-anak orang kaya yang cacat, tetapi orang miskin lebih ramai, maka kita berilah bantuan kepada mereka. Kalau dengan bantuan dan selepas itu mereka ada kemahiran untuk menjadi operator, mereka ada kemahiran untuk membuat bakul, mereka ada kemahiran untuk membuat kerja-kerja kraftangan yang lain. Itu hanya pendapatan tambahan. Apa salahnya kerajaan memberi elaun secara lump sum kepada mereka sebanyak RM500 sebulan. Orang-orang buta di Brickfield selalu berjumpa dengan saya mengatakan mereka hendak ganti tongkat pun payah kadang-kadang, banyak birokrasi untuk mendapatkan tongkat. Kalau kita bandingkan negara kita dengan negara-negara Barat mengenai soal kebajikan ini, tentulah kita jauh ketinggalan. Di England misalannya, kalau ada orang

buta atau orang cacat yang tidak mengambil bantuan kerajaan, ibu bapa mereka akan didakwa atau didenda di mahkamah.

Kita di sini kalau hendak mengambil bantuan kerajaan, kadang-kadang soal parti politik pun ditanya, walaupun mereka itu cacat. Hindarkanlah kita dari kerja-kerja seperti itu dan kita harap sungguh-sungguhlah supaya dapat diberi elaun khas kepada mereka, buat masa sekarang RM500 seorang untuk sara diri dalam bandar dan luar bandar saya rasa memadai dahulu buat masa ini. Saya harap kerajaan akan mengambil perhatian serius di atas perkara ini dengan menggalakkan kerajaan negeri dan juga majlis-majlis daerah mengambil berat dan memberi elaun khas kepada mereka yang cacat ini.

Tuan Pengerusi, banyak juga kita bercakap hal Orang Asli. Sekarang negeri kita sudah 40 tahun merdeka. Orang Asli yang dahulunya tinggal di pedalaman, sekarang ini sudah tinggal di bandar. Misalnya kalau di Gombak Orang Asli sudah duduk dalam bandar dekat dengan UIA dan sebagainya. Kampung-kampung Orang Asli sudah jadi lebuh raya dan mereka tinggal di tepi jalan. Negeri kita sudah 40 tahun merdeka dan saya harap ketika kita menyambut 50 tahun merdeka nanti. Orang Asli sudah tidak ada di Malaysia, serapkan mereka ini ke dalam masyarakat. Orang Asli, rupa parasnya menghampiri rupa orang Melayu. Oleh itu, jadikan mereka seperti orang Melayu dengan agama dan budayanya sekali, tidak ada lagi Orang Asli pada tahun 2007 dan kita jadikan mereka ini kelompok Melayu, budaya dan agama mereka sekali dengan budaya Orang Melayu, maka mereka tidak lagi dikenali

sebagai Orang Asli. Sebab Orang Asli sekarang yang tinggal di Tasik Cini dan di Tasik Bera kadang-kadang apabila mereka memakai pakaian yang cantik keluar ke bandar lebih segar daripada orang Melayu, lebih cantik. Jadi, kita serapkan mereka sekali dengan budayanya, agamanya sekali dalam kumpulan bumiputera ataupun kumpulan Orang Melayu. Pihak kementerian hendaklah membuat perkara ini dengan bersungguh-sungguh dan kami di peringkat negeri Kelantan untuk bekerja dan berdakwah kepada Orang Asli adalah menjadi agenda utama yang diambil berat oleh Menteri Besar Negeri Kelantan.

Pada masa sekarang ini sudah beratus-ratus kita integrasikan ke dalam masyarakat Melayu, jadi kita berharap pada tahun 2007 masyarakat Orang Asli tidak ada lagi di Malaysia dan mereka masuklah kumpulan masyarakat yang besar. Inilah usaha-usaha yang perlu diambil oleh kerajaan daripada sekarang.

Begitulah juga kebajikan untuk orang-orang tua dan rumah-rumah gadis-gadis yang rosak akhlak dan sebagainya. Kita harap pihak kementerian ini mempertingkatkan terutama menggalakkan juga kalau boleh dalam masyarakat kita ini tidak ramai orang-orang tua yang tinggal di rumah orang-orang tua. Kita adalah bertanggungjawab untuk memelihara ibu bapa kita, walau bagaimanapun yang tidak ada anak-anak maka kerajaan mestilah bertanggungjawab, kadangkala kita lihat TV3 menyiarkan dua suami-isteri yang berumur 60 tahun tidak ada anak pinak duduk dalam keadaan yang cukup menderita ini. Jadi, kita harap Kementerian Perpaduan Negara dan

Pembangunan Masyarakat ini kadangkalanya agak lalai dalam menangani masalah-masalah orang yang termiskin seperti ini.

Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong.

4.05 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya menyentuh kepada muka surat 317, Maksud B.42, Butiran 020000.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat ada membangkitkan beberapa masalah warga tua. Apa kewajipan seseorang untuk memelihara ibu bapa, yang tidak mampu untuk mencari nafkah diri sendiri.

Tuan Pengerusi, dalam negara ini tidak ada undang-undang yang mewajibkan seseorang untuk memelihara dan membayar nafkah untuk ibu bapa yang tidak mampu untuk mencari nafkah sendiri. Saya akan mencadangkan hari ini di Dewan yang mulia ini untuk mengambil perhatian mengenai keadaan yang ada di Singapura.

Tuan Pengerusi, di Singapura ada satu undang-undang yang bertajuk dengan izin, *Maintenance of Parent Acts* yang berkuatkuasa di Singapura pada 1 Jun 1996. Saya ingin membaca dua, tiga peruntukan yang khas dalam undang-undang ini, dengan izin:

“An Act to make provision for the maintenance of parents by the children and for matters connected therewith:”

Peruntukan Seksyen 3(1):

“3(1) Any person domiciled and resident in Singapore, who is or above sixty years of age and who is unable to maintain himself adequately, referred to in this section as “the parent”, may apply to the tribunal for an order, that one or more of his children pay him a monthly allowance or any other periodical payment or a lump sum for his maintenance. “Child” includes a legitimate or adopted child and administered child. “Tribunal” means the Tribunal for the maintenance of parents established under Section 13.

Tuan Pengerusi, Seksyen 3(4) berbunyi:

“For the purpose of this section a parent is unable to maintain himself if his total or expected income and other financial resources are inadequate to provide him with basic amenities and the basic physical needs including, but not limited to shelter, food and clothing”.

Tuan Pengerusi, saya harap Dewan yang mulia ini boleh menimbangkan perkara ini. Dalam fikiran saya barangkali apa yang harus dibuat ada satu peruntukan, bukan dalam satu undang-undang sepertimana yang terdapat di Singapura, tetapi dalam Perlembagaan kita, kerana ini adalah perkara yang serius, seseorang ibu bapa yang tidak mampu untuk mencari nafkah sendiri, ada satu hak yang harus dimasukkan ke dalam Perlembagaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

4.10 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sedikit berkenaan Orang Asli ini. Walaupun ada rakan-rakan bertanya mengapa di Sarawak tidak ada Orang Asli. Di Sarawak ada juga yang tidak ubah macam Orang Asli.

Saya ingin bercakap Butiran 050000 - Hal Ehwal Orang Asli. Jadi banyak peruntukan diberikan oleh kerajaan dan saya pernah mendengar Timbalan Menteri sendiri menyebutkan program-program kerajaan dan kementerian untuk membangunkan masyarakat Orang Asli. Di samping itu saya juga terbaca dalam surat khabar mengatakan ramai Orang Asli tidak menerima pembangunan iaitu mereka tidak ingin tinggal dalam bandar dan tidak mahu kawasan mereka dibesarkan menjadi bandar dan sebagainya.

Kita melihat kerajaan membuat satu program yang mana orang ingin melibatkan diri dalam main stream pembangunan dan orang yang hendak kita bawakan ke main stream of development ini tidak ingin mengikut pembangunan ataupun rancangan dan program yang kerajaan buat. Jadi, persoalannya adakah kementerian melihat ataupun menyelidik semula program-program itu dan melihat semula, oleh kerana kita memandang kepada pihak yang hendak kita bangunkan itu tidak ingin melibatkan diri. Dalam keadaan yang sedemikian, kita tidak menunggu pihak Orang Asli itu pergi berjumpa

dengan pegawai-pegawai untuk minta diberi peruntukan, kemudahan dan sebagainya. Sepatutnya kementerian mempunyai pegawai yang lebih proaktif, yang lebih mempunyai motivasi ataupun komitmen yang lebih tinggi supaya orang yang terlibat ini iaitu Orang Asli diberi satu motivasi yang berlainan ataupun satu tindakan yang berlainan sedikit kepada etnik-etnik lain seperti orang Melayu, Cina, India dan sebagainya, yang mana mereka ini memang mahu masuk terlibat sama dengan kemajuan yang telah diberi oleh kerajaan. Bahkan kalau tidak ada jalan, orang-orang lain minta, tetapi kalau benarlah Orang Asli tidak mahu dimasukkan ke dalam main stream of development. Jadi, kementerian mesti melihat keadaan ini boleh mengambil tindakan yang khusus untuk mereka ini supaya kalau mereka mahu atau tidak mahu pun mengikut program-program kerajaan supaya wang yang dibelanjakan oleh pihak kerajaan memberi manfaat.

Di sini kita lihat jumlah wang tersebut ialah RM36 juta dalam satu heading, jadi kalau dijumlahkan saya ingat sehingga RM60 juta untuk Orang Asli sahaja. Kalau kita bahagikan wang itu kepada Orang Asli, tiap-tiap seorang menerima tidak kurang daripada RM60 setahun. Jadi, kita ada 100,000 Orang Asli di seluruh negara dan kalau tindakan kerajaan itu hanya untuk melepaskan dan mengatakan kerajaan sudah buat, all that needs to be done, dengan izin. Tetapi orang yang hendak kita tolong itu tidak mahu ditolongkan, jadi ini adalah pandangan yang mungkin kurang tepat. Jadi kita mesti mempunyai satu program lain, iaitu program untuk memotivasikan Orang

Asli yang kita hendak bawakan ke main stream of development agar mereka ini jangan kerajaan membuang duit. Mereka tak ingin. Kesudahannya Orang Asli ini tinggal macam yang ada sekarang, tidak mempunyai motivasi diri dan tidak akan termasuk dalam arus pembangunan yang kerajaan buat. Kerajaan habis duit, tetapi Orang Asli tidak terbangun.

Tuan Pengerusi, saya akan berpindah kepada butiran lain iaitu mengenai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Dalam kementerian ini banyak perkara yang hendak saya cakap, tetapi biarlah saya sebutkan di bawah Butiran 030200 - Integrasi Negara.

Di sini saya hanya bercakap sedikit sahaja iaitu saya hendak beri masa saya kepada Yang Berhormat di sebelah sana, kerana saya tidak guna semua masa ini. Integrasi nasional iaitu saling mengetahui misalnya daripada pihak Semenanjung tahu orang Sabah, orang Sarawak dan sebagainya.

Baru-baru ini saya menghadiri satu function yang mana tarian Ngajat daripada Sarawak dan Sabah dipertunjukkan, tetapi yang menjadi masalahnya tarian dari Sarawak itu macam saya yang menari bukan macam orang Iban menari dan tarian dari Sabah itu macam ditarikan oleh orang Bidayuh bukan oleh orang Kadazan dari Sabah. Jadi, kita sebutkan bahawa itu tarian Sabah dan tarian Sarawak yang tidak asli. Ini menunjukkan yang kita belum memahami tiap-tiap gerak-geri dan langkah ini semua, sepatutnya mengikut tarian yang aslilah.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan yang sedemikian, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian berbincang terus dengan Kementerian Penerangan misalnya kalau pada 31 Mei dan 1 Jun iaitu masa orang seluruh Sarawak, bukan sahaja Iban, orang Hulu, tetapi orang Melayu dan Cina pun mengikut sama aktiviti festival Dayak di Sarawak. Begitu juga orang di Sabah bukan sahaja orang Kadazan, orang bangsa lain pun celebrate perayaan pada 31 Mei dan 1 Jun itu. Saya percaya masyarakat lain, orang Sabah keseluruhannya seperti Melayu, China juga terlibat sama dengan festival yang diadakan pada hujung bulan Mei dan 1 Jun. Yang sedihnya tidak satu pun yang ditunjukkan dalam televisyen. Jadi, saya bukanlah hendak membawa satu senarai perbezaan (comparison), tetapi kalau masa Hari Raya, Tahun Baru Cina atau Deepavali, berminggu-minggu kita nampak the running down of festival itu ditunjukkan dalam televisyen dan sebagainya. Ini menunjukkan masyarakat meraikan perayaan 31 Mei dan 1 Jun itu tidak diberi apa pun exposure dalam media elektronik terutamanya. Jadi, saya berharap pihak kementerian supaya menunjukkan cara dan gaya orang Sarawak dan Sabah itu meraikan festival dan hari kebesaran pada mereka supaya pihak daripada sini melihat juga apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak, sekurang-kurangnya pada hari yang tersebut, running down sehingga hari 31 Mei dan 1 Jun, kalau tidak dapat pun diberi public holiday, sekurang-kurangnya dapatlah kita tunjukkan tarian asli Ngajat, kita tunjuk festivities dan kita tunjuk apa aktiviti yang mereka buat pada hari yang tersebut. Ini menunjukkan perpaduan supaya orang

betul-betul tahu apa yang berlaku di Sabah dan apa yang berlaku di Sarawak dan di sebelah sini.

Tuan Pengerusi, perpaduan ini adalah amat penting pada negara kita kerana kekuatan negara adalah terletak kepada perpaduan di antara kita, saling faham memahami dan mengetahui sensitiviti dan sebagainya. Ini perkara penting dan amat-amat diperlukan. Jadi berharap pihak kementerian melihat perkara ini sebagai serius dan amat penting untuk meningkatkan lagi perpaduan dan pengetahuan di antara kita dan sebagainya. Walaupun saya tidak dapat mencadangkan supaya kementerian boleh mengadakan satu lawatan yang khusus untuk hari festival yang berkenaan supaya orang daripada sini datang ke Sarawak dan Sabah untuk melihat dan meraikan sama hari Gawai Dayak. Tetapi kalau dapat itulah yang terbaik sekali semasa kita mengadakan festival ini dan mereka daripada sini datang ke sana dan sebagainya.

Saya ingin bertanya sama ada kementerian ingin mencadangkan semula supaya feri, seperti Feri Malaysia dahulu kita adakan semula untuk perpaduan bukan untuk keuntungan. Kita kena cari pihak-pihak yang tertentu, yang boleh organisasikan supaya integrasi orang di Sarawak dan Sabah boleh memandu kereta datang ke sini dan melawat ataupun melancong di seluruh Semenanjung dan orang Semenanjung melancong ke seluruh Sarawak dan Sabah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah cukuplah itu. Tidak apalah, lain saya cakap lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan.

4.18 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Pada hari ini saya hendak menyentuh Butiran 030000 dan Butiran 020800.

Tuan Pengerusi, apakah keadaan minuman keras iaitu alcoholism dalam Malaysia? Terdapat berita yang mengatakan bahawa keadaan ini sangat serius, walaupun ia dinafikan oleh golongan tertentu. Saya juga difahamkan bahawa pakar-pakar alkohol tertentu telah berkata bahawa masalah minuman keras ini jauh lebih daripada serius. Walaupun perkara ini amat serius, nampaknya kerajaan kita tidak mengambil tindakan terhadap masalah ini, bahkan perkara ini hanya disapu di bawah hamparan (sweep under the carpet), dengan izin.

Data-data telah menunjukkan bahawa masyarakat kaki minum dalam negara kita telah membelanjakan lebih daripada RM2 bilion setiap tahun dalam kegiatan minuman keras dan juga sekurang-kurangnya 1% daripada seluruh rakyat Malaysia adalah kaki minum. Alkohol adalah sejenis dadah dan boleh membunuh ramai orang berbanding dengan kesemua jenis dadah haram digabungkan, dengan izin, alcohol is dangerous drug and kill more people than all illegal drugs combine. Juga dikatakan lima hingga sepuluh peratus

daripada jumlah lelaki yang cukup umur adult male population terlibat dalam kegiatan-kegiatan ini.

Baru-baru ini Associate Professor Dr. Hussain Habil dari Universiti Hospital mengatakan bahawa kegiatan minuman keras ini ada kaitan akan membawa bahaya kepada organ-organ dan sistem tubuh badan tertentu terutamanya brain damage, liver damage, blood pressure, heart disease, stomach pain, diabetics, sexual disorders dan lain-lain.

Associate Professor juga telah mengatakan dan memberi amaran bahawa sikap kerajaan iaitu national denial dalam perkara ini akan membawa lebih keburukan kepada rakyat kerana kesan ketagihan terhadap minuman keras tersebut akan mengambil masa yang lama.

Di sesi lepas saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah situasi masalah minuman samsu di kalangan kaum India dan seterusnya iaitu apakah tindakan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini dalam jangka masa pendek dan panjang.

Saya amat terkejut apabila telah diberitahu bahawa kerajaan tidak mempunyai angka-angka bilangan keluarga India yang telah dipengaruhi oleh masalah minuman samsu. Yang Berhormat Menteri juga mengatakan bahawa kerajaan tidak pernah menerima laporan secara rasmi mengenai masalah ini, walhal minuman keras adalah satu perkara yang patut diketahui oleh semua golongan masyarakat di negara ini.

Tuan Pengerusi, di negara maju kerajaan akan terlibat dalam perihal minuman keras, pembuat alcoholism, tetapi sayangnya di negara kita tidak ada apa-apa tindakan telah dan akan diambil bahkan perkara ini macam tidak wujud sama sekali. Apabila dua buah pengeluar beer di negara ini digabungkan, mereka boleh mendapat keuntungan lebih RM1 bilion dan kerajaan telah mendapat lebih dari RM500 juta setahun dalam cukai minuman keras. Mengikut Alcoholism Foundation Malaysia (AFM), AFM telah diwujudkan dengan bantuan Economic Planning Unit (EPU). Walaupun terdapat galakan dari kerajaan namun, kerajaan hanya memberi RM10,000 setahun untuk membiayai projek-projek terhadap minuman keras, a pittance by any standard, dengan izin.

Masalah untuk menghapuskan kegiatan minuman keras yang diberikan kepada AFM dengan bantuan RM10,000 setahun adalah tidak mencukupi, malah wang tersebut tidak mencukupi untuk membayar seorang setiausaha sepenuh masa. Setakat manakah kegiatan minuman keras ini telah berlaku kepada orang-orang muda di negara ini.

Kajian telah dibuat oleh Consumer Association of Penang (CAP) sepertimana dikatakan di sebuah kedai kopi di Taman Palm Growth di Lembah Kelang, di mana terdapat sebelas orang sedang duduk dan minum, minuman keras. Ini adalah satu kejadian yang biasa berlaku di mana-mana kedai kopi, tetapi perkara yang amat mengejutkan ialah kesemua sebelas orang tersebut adalah budak-budak sekolah yang berpakaian seragam di antara lingkungan 15

hingga 17 tahun. Saya mengesyorkan kepada kerajaan dengan serta-merta membuat satu kajian yang menyeluruh dalam hal ini dan jangan membuat tidak tahu masalah ini dan juga mengambil tindakan untuk mengelakkan orang-orang muda yang merupakan harapan negara ini, terlibat dalam kegiatan minuman keras.

Saya juga mendapat tahu 65% daripada mereka yang terlibat dalam kegiatan minuman keras adalah dari kaum India, ini adalah kerana sejarah mereka yang unik di negara ini. Orang-orang India dari estet hingga kini masih menjual samsu dengan sesuka hati di kedai-kedai, di estet dengan tidak ada apa-apa kawalan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kaum India adalah dari golongan berpendapatan rendah, jadi mereka ini tidak mempunyai keupayaan untuk membeli minuman keras (beer atau stout). Oleh yang demikian, mereka membeli samsu murah, satu botol samsu boleh dibeli dengan harga antara RM1 hingga RM3 di mana kandungan alkohol adalah lebih daripada biasa iaitu di antara 25% hingga 70%. Samsu juga dijual dari rumah ke rumah di estet-estet, ada juga samsu yang mempunyai label yang menunjukkan ia mengandungi zat-zat tertentu, kebolehan-kebolehan tertentu membawa pemulihan kepada asthma, lost of appetite dan lain-lain, walaupun perkara ini tidak boleh dibuktikan. Hingga hari ini di estet-estet minuman samsu telah menjadi satu keperluan di mana kaki minum ini tidak boleh hidup tanpa minum samsu. Mereka sanggup membelanjakan wang untuk membeli samsu demi keluarga dan kaki minum tidak mempunyai sebarang simpanan.

Kajian yang telah dibuat oleh Consumer Association of Penang dan badan-badan yang lain menunjukkan ketagihan minuman keras akan menimbulkan pelbagai masalah seperti kehilangan produktiviti melalui

ketidakhadiran kerja tanpa sebab, kemalangan di tempat kerja, kehilangan kerja kemahiran, perbuatan mencuri, perihal membakar dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, kaum wanita mempunyai risiko yang tinggi akibat daripada kesan kegiatan minuman keras. Ini adalah disebabkan mereka mempunyai lebih banyak lemak dan kurang kandungan air di dalam badan mereka berbanding kaum lelaki. Akibatnya kandungan alkohol akan berkumpul di dalam badan mereka, dengan izin, concentrated and stayed in the woman body longer. Kandungan enzim yang mencegah kandungan alkohol dalam tubuh badan kaum wanita berkurangan dan menyebabkan banyak alkohol masuk ke dalam saluran darah mereka. Kesan daripada minuman keras ini akan menyebabkan kaum wanita cepat mabuk dari kaum lelaki, akan merasai kesan alkohol lebih lama daripada kaum lelaki dan wujud liver damage dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, industri alkohol membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam media pengiklanan, promosi dan anjuran tiap-tiap tahun. Dalam tahun 1994 sebanyak RM31.1 juta telah dibelanjakan dalam pengiklanan. Mengikut syarikat-syarikat tersebut, media pengiklanan, promosi dan anjuran tersebut adalah non taxable business expenses. Jadi pembayar-pembayar cukai (tax payers) adalah mereka yang memberi subsidi kepada syarikat-syarikat tersebut untuk memegahkan alkohol tersebut yang sepatutnya memberi kecelakaan kepada ramai orang. Apakah kerajaan akan buat dalam perkara ini, adakah kerajaan akan mengambil tindakan supaya aktiviti penjualan minuman keras dikedatkan dan penjualan samsu diberhentikan dengan sepenuhnya.

Berapakah pusat dan hospital telah atau akan dibina untuk mengatasi masalah mereka yang tertangkap dalam hal-hal minuman keras

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Tuan M. Kulasegaran: atau kerajaan tidak mahu tahu mengenai hal ini. **Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka.

4.29 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.42, Butiran 040000 - Hal Ehwat Wanita.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bertanya selepas pihak kerajaan, kerana saya perhatikan dalam laporan Human Development Report yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu bahawa akhirnya negara kita telah mengiktiraf satu konvensyen atau satu perjanjian antarabangsa yang dinamakan International Convention on the Elimination of all forms of Discrimination Against Woman yang telah diperkenalkan pada tahun 1979, tetapi akhirnya telah diiktiraf oleh pihak kerajaan.

Di sini saya ingin bertanya apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mematuhi syarat-syarat, terma-terma ataupun peruntukan dalam covenant ini atau dalam perjanjian ini? Contohnya, saya rasa tidak boleh dinafikan bahawa terdapat banyak undang-undang dalam negara kita yang mendiskriminasi kaum wanita. Sungguhpun pihak kerajaan telah meluluskan satu akta baru-baru ini iaitu akta pengagihan yang menghapuskan diskriminasi di antara kaum lelaki dan wanita apabila membahagikan siwaris apabila mengagihkan hartabenda mereka, iaitu sama layanan ke atas kaum lelaki dan wanita, tetapi masih ada banyak lagi, masih wujudnya banyak undang-undang yang mendiskriminasi ke atas kaum wanita.

Di sini saya tidak melihat sebarang usaha oleh pihak kerajaan untuk menghapuskan diskriminasi seperti ini. Saya ingin bertanya adakah kegagalan pihak kerajaan berbuat demikian melanggar satu perjanjian antarabangsa yang Malaysia telah pun tandatangani. Contohnya, dari segi penjagaan, sebagai seorang penjaga saya rasa tidak kira bapa ataupun ibu sebenarnya mempunyai hak untuk meluluskan ataupun menguruskan permohonan pasport oleh anak-anak mereka. Tetapi di bawah, dengan izin, Guardianship of Influence Act dan juga Jabatan Imigresen di sini adalah dinyatakan bahawa hanya apabila bapa itu telah meninggal dunia barulah kaum wanita menjadi guardian. Kaum wanita hanya akan jadi guardian kalau kedua-dua telah bercerai dan telah diiktiraf oleh mahkamah.

Dalam perkara memohon pasport, saya rasa adalah satu kejanggalan apabila ibu tidak mempunyai hak untuk meluluskan ataupun mengesahkan permohonan pasport untuk anaknya. Mereka harus mendapat kelulusan oleh pihak bapa. Saya tidak faham mengapa ibu yang dianggap sebagai pemberi ataupun primary child care giver kepada anak-anak dinafikan hak yang begitu asas. Saya rasa pihak kementerian pun ada terima banyak kes di mana permohonan pasport untuk seorang kanak-kanak tidak boleh diluluskan semata-mata kerana bapa tidak mahu menandatangani borang tersebut. Perkara ini haruslah diperbetulkan. Tetapi saya tidak lihat ia dibuat demikian.

Satu lagi perkara pasport juga ialah tentang layanan yang tidak adil di antara seorang wanita Malaysia, warganegara Malaysia yang berkahwin dengan

seorang lelaki asing, di mana kalau suami asing hendak masuk ke Malaysia adalah amat sukar sekali kalau dibandingkan dengan seorang isteri asing, jika seorang lelaki warganegara Malaysia berkahwin dengan seorang perempuan dari luar negeri. Saya rasa ketidakadilan ini akan merugikan negara, kerana dari segi sumbangan ekonomi yang boleh dibuat oleh lelaki asing saya rasa ia akan mengakibatkan negara kehilangan bakat dan sumbangan yang mereka boleh berikan. Di samping itu, saya rasa dari aspek moral dan juga apa-apa kriteria yang dipakai oleh pihak kerajaan, saya rasa dan saya tidak faham mengapa pihak kerajaan masih bertegas untuk memberikan atau mewujudkan ataupun mengekalkan syarat-syarat ataupun peruntukan yang tidak adil dan berdiskriminasi sedemikian.

Di bawah Akta Bankrapsi pula timbul pula diskriminasi. Kalau seseorang suami menjadi bankrap, wang yang dia pinjamkan kepada isterinya akan dianggap sebagai, dengan izin, vested in him. Ini bermakna kalau dia ada hutang-hutang lain, isterinya akan berbaris terakhir sekali sebelum boleh mendapat bayaran untuk hutang pinjamannya. Tetapi kalau keadaan sebaliknya, iaitu kalau isterinya bankrap dan suami ada pinjamkan wang kepada isteri, ia tidak akan dianggap sebagai vested in her, dengan izin, iaitu suami akan dianggap sebagai creditor lain, iaitu mempunyai hak yang sama dengan creditor lain. Tetapi tidak pula kalau isteri meminjamkan wang kepada suami, ia akan dianggap sebagai vested in him, dengan izin, iaitu diberikan hak kepada suami dan tuntutananya akan menjadi yang paling akhir sekali.

Saya rasa ini adalah sesuatu yang sungguh tidak adil kepada kaum wanita. Saya tidak lihat macam mana kita boleh menurut ataupun mematuhi convention yang kita pun sudah tandatangani selagi undang-undang ini menggalakkan diskriminasi di antara kaum lelaki dan wanita. Saya rasa kalau kerajaan ingin memenuhi covenant ataupun perjanjian antarabangsa mereka, satu langkah yang mereka harus buat ialah untuk meminda Perlembagaan, iaitu di bawah Perkara 8, mengharamkan atau melarang sebarang diskriminasi berdasarkan kaum, agama ataupun keturunan. Tetapi tidak pula menyebut tentang diskriminasi di antara jantina. Saya harap perkara ini harus dibuat supaya saya rasa kaum wanita mendapat tempat yang sewajarnya dan juga memenuhi International Covenant of Discrimination Against Woman.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah beberapa undang-undang, saya rasa ada banyak lagi undang-undang yang sangat tidak adil kepada kaum wanita. Saya amat kesal bahawa perkara yang penting seperti ini tidak ada seorang pun Ahli Parlimen wanita daripada Barisan Nasional yang menyuarakannya. Jadi, saya ingin tahu sama ada mereka sudah pun putus asa kerana tuntutan mereka tidak diberikan layanan langsung oleh pihak kementerian. Oleh sebab itu, saya terpaksa menyuarakannya memandangkan tanggungjawab ini boleh dianggap sebagai terbengkalai oleh pihak Barisan Nasional. Pada masa yang sama dari segi Belanjawan mengapakah kaum wanita tidak boleh mendapat child tax relief. Saya rasa perkara ini harus diperbetulkan sama ada baik untuk suami ataupun isteri, child tax relief haruslah diberikan kepada kedua-dua pihak.

Sekarang ianya hanya diberikan kepada pihak lelaki atau suami atau bapa sahaja, tetapi tidak kepada isteri.

Kalau keadaan timbul di mana kedua-dua pihak bercerai ataupun berpisah, pihak suami ataupun bapa masih boleh menuntut child tax relief, tetapi tidak pula pihak isteri, sungguhpun anak-anak dijaga oleh pihak isteri, kerana masalah mereka masih belum diselesaikan atau diputuskan di mahkamah. Saya rasa ketidakadilan ini haruslah dibetulkan kerana satu daripada perkara utama ialah untuk memastikan bahawa peluang yang sama diberikan kepada kaum wanita.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merujuk kepada dua indeks tentang pembangunan hal ehwal wanita yang dibuat oleh United Nation Human Development Report 1997 ataupun Laporan Pembangunan Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu di mana dua indeks tentang Gender Development Index (GDI), Malaysia telah mencapai tangga yang ke-45, iaitu telah turun kalau berbanding dua tahun sebelum ini di mana dari segi, dengan izin, basic capability dalam tiga aspek; pertama ialah tentang lifelongivity; kedua ialah tentang educational entertainment; ketiga ialah tentang standard of living. Ketiga-tiga kriteria ini, tahap yang dicapai oleh Malaysia telah turun. Saya rasa perkara ini haruslah diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Satu lagi indeks iaitu Gender Empowerment Measure, iaitu satu indeks yang mengukur peluang wanita untuk menyertai ataupun menceburi peluang-peluang dalam bidang ekonomi ataupun politik, iaitu adakah mempunyai

jawatan tinggi dalam bidang ekonomi ataupun memegang jawatan-jawatan tinggi dalam pentadbiran kerajaan. Malaysia pun adalah dalam tahap 48 telah pun turun kalau berbanding dengan dua tahun sebelum ini. Saya rasa ini menunjukkan bahawa banyak perkara harus diambil kira, kerana kalau kita lihat undang-undang yang sedia ada ia menafikan peluang yang boleh diberikan kepada kaum wanita. Saya rasa kalau tanpa undang-undang ini adalah susah untuk pihak kaum wanita mendapat tempat yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya gulung. Kalau undang-undang ini boleh dihapuskan, saya rasa kita barulah boleh memberikan peluang kepada mereka. Pernah dinyatakan bahawa dengan izin, women hold half the sky. Tetapi dalam banyak negara termasuk negara kita, saya rasa 25% pun mungkin tidak sampai dan tidak mencerminkan bilangan penduduk dan juga menafikan peluang yang sewajarnya diberikan kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Mersing.
4.43 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di peringkat Jawatankuasa. Ada tiga perkara yang saya hendak bangkitkan dalam

perbahasan ini yang kesemuanya di bawah Maksud B.42. Pertamanya, Butiran 020000 - Kebajikan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah memberikan bantuan selama ini kepada penduduk Mersing khususnya penuntut-penuntut di kawasan saya, terutamanya penduduk miskin yang juga merangkumi penduduk pulau di Mersing. Mereka boleh dikatakan rata-ratanya penduduk miskin. Memang pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membantu mereka. Tetapi satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah khususnya penuntut-penuntut yang datang dari pulau ini, di pulau tidak terdapat sekolah menengah. Jadi, mereka terpaksa datang ke mainland ataupun tanah besar iaitu di Mersing untuk meneruskan pendidikan. Biasanya mereka tinggal di hostel atau asrama yang disediakan oleh pihak kerajaan. Jadi, tinggal di asrama ini mereka kena bayarlah, dan bayaran ini biasanya ditampung oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Masalahnya ialah biasanya bayaran yang dibuat oleh pihak Kebajikan Masyarakat kepada pihak asrama lambat dibuat. Jadi, ibu bapa kepada murid-murid ini selalu berjumpa dengan saya dan bertanyakan tentang bayaran ini, kerana pihak asrama menuntut bayaran. Cadangan saya supaya kalau boleh pihak Kebajikan Masyarakat segerakan ataupun pendekkan tempoh untuk memproses permohonan untuk bantuan ini. Jadi, dengan ini memudahkan anak-anak kita belajar dengan tenang dan juga kuranglah masalah yang dihadapi oleh ibu bapa mereka.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 030300 - Rukun Tetangga. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana memperuntukkan sebanyak RM28.7 juta untuk Rukun Tetangga. Dengan peruntukan yang besar ini menunjukkan bahawa kerajaan berikan perhatian yang serius kepada skim ini. Dengan adanya skim ini ia akan dapat menjaga keselamatan penduduk dan pada masa yang sama dapat membina silaturahim di antara penduduk-penduduk kawasan setempat. Tetapi satu perkara yang saya hendak tanya pihak kementerian tentang keberkesanan program ini selama ini. Kerana ada setengah-setengah tempat saya lihat tidak wujud program Rukun Tetangga. Jadi, tempat-tempat yang tidak wujud dan saya kira patut diwujudkan, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang di mana ekonomi kita menghadapi masalah dan saya dapat tahu ada syarikat-syarikat pembinaan yang menggunakan tenaga buruh asing sekarang ini sudah mula kurangkan pekerja. Jadi, kalau sudah mula kurangkan pekerja, orang asing yang datang ke sini yang semata-mata mengharapkan atau mencari makan dalam industri pembinaan ini ke mana mereka hendak pergi. Kalau sudah tidak ada pendapatan, saya rasa salah satu cara yang senang ialah dia buat kerja pecah rumah. Saya harap pihak kementerian akan mengambil perhatian kepada perkara ini, terutamanya kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kawasan setinggan asing. Ini sudah menimbulkan satu masalah terutama di kawasan Lembah Klang ini. Jadi, saya harap perkara ini diambil perhatian.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 081600 - Bantuan Pesakit Buah Pinggang. Saya lihat bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan lebih RM3 juta. Saya rasa jumlah ini sepatutnya dipertingkatkan, kerana kalau kita lihat dalam surat khabar banyak kes di mana orang ramai menghidap penyakit buah pinggang ini perlukan bantuan. Jadi, kalau ada bantuan yang agak besar, tidak payahlah mereka hendak masukkan berita dalam surat khabar. Mereka boleh terus memohon bantuan ini daripada pihak kerajaan melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Jadi, untuk itu saya juga hendak tahu berapa banyakkah bilangan orang ramai atau pesakit yang menerima bantuan ini setakat ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sibu.

4.50 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030200 - Intergrasi Negara. Saya telah terima beberapa cadangan dari pegawai-pegawai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di kawasan saya. Masalah utama ialah kekurangan kewangan, kerana kalau menteri mahu melawat ke negeri-negeri lain susah kerana kemudahan kewangan kurang cukup. Kadang-kadang dia minta sponsor dari penderma-penderma. Tetapi sekarang di kawasan saya orang memberi derma sudah kurang khasnya kejatuhan saham dan turun nilai Ringgit.

Tambahan pula mereka telah menderma banyak kepada sekolah, gereja, temple dan lain-lain. Sebagai wakil rakyat, saya belum tahu Ahli Yang Berhormat dari kawasan lain, tetapi dalam kawasan saya, saya sering diminta untuk memberi bantuan kewangan untuk adakan aktiviti-aktiviti di dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Saya ingin tahu apa kriteria komiti Rukun Tetangga dan boleh mengirim team melawat ke negeri-negeri lain dan berapa bantuan kewangan mereka akan terima dari kementerian. Tambah pula di bawah Butiran 030300 - Rukun Tetangga. Mereka sering mengadakan aktiviti-aktiviti, tetapi masalahnya kekurangan kewangan. Dia harus minta sponsor terutamanya dari wakil rakyat atau ADUN kawasan, dia approach minta bantuan kewangan. Walaupun di bawah ini ada lebih kurang RM28.7 juta untuk Rukun Tetangga, saya ingin tahu apakah aktiviti dan kriteria mereka perlu adakan, dan dengan apa cara mereka boleh minta bantuan kewangan dari kementerian.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 030400 - Hubungan Kaum. Tentang hubungan kaum di sini saya nampak hanya RM0.7 juta sahaja. Saya pun kurang tahu apakah aktiviti-aktiviti diadakan di bawah Butiran itu. Saya telah beberapa kali dijemput merasmikan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh Rukun Tetangga, tetapi saya nampak majoritinya ialah bumiputera. Orang bukan bumiputera tidak banyak. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah akan diambil oleh kementerian supaya participant, dengan izin, di dalam aktiviti-

aktiviti promosi perpaduan negara semua kaum akan hadir, bukan hanya satu kaum sahaja, kerana itulah baru mencapai tujuan hubungan integrasi kaum.

Satu tajuk lagi ialah di bawah Butiran 070900 - Pembangunan dan Peningkatan Tabika Perpaduan. Masalahnya sama kerana pegawai-pegawai sering cuba tambah kemudahan-kemudahan atau membina class room, dengan izin, yang baru. Masalahnya ialah dari segi kewangan, iaitu saya ingin tahu apakah cara, adakah satu program dilaksanakan oleh kementerian untuk identify kekurangan tabika-tabika di kawasan tertentu supaya ia dapat adakan satu program untuk dilaksanakan satu demi satu. Kalau ini, saya mahu tahu apakah program untuk kawasan saya, Sibul. Tabika di kawasan bandar dan luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah bantu banyak. Saya ingin tahu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat adakah sumber kewangan untuk memberi bantuan kewangan kepada tabika di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tumpat.

4.57 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 050000 - Hal Ehwat Orang Asli. Saya ingin tahu berapakah kakitangan di Jabatan Orang Asli di seluruh negara kita sekarang ini dan juga berapa jumlah Orang Asli? Apakah pihak kementerian tidak terfikir untuk reshuffle, dengan izin, Jabatan Orang Asli. Sebab saya dengar ada Yang Berhormat menyebut tadi bahawa jumlah Orang Asli tidak

banyak dalam negara kita. Kenapakah perlu kita mengadakan satu jabatan bagi mengurus Orang Asli? Apakah tidak perlu kita meniadakan jabatan ini dan kita meletak terus hal ehwal Orang Asli ini di bawah kementerian yang kita rasa patut kita letakkan.

Misalnya, sebagaimana cadangan yang sering saya buat, beberapa kali, mungkin sekarang dalam pertimbangan oleh pihak kerajaan, iaitu mengenai sekolah-sekolah Orang Asli yang ada dalam negara kita sekarang ini. Saya ingin tahu berapa jumlah sekolah-sekolah Orang Asli di seluruh negara dan berapa penuntut-penuntutnya yang sedang menuntut di sekolah-sekolah Orang Asli? Apa yang ingin saya timbulkan kembali, saya pernah mencadangkan beberapa kali supaya sekolah-sekolah Orang Asli ini diletak di bawah Kementerian Pendidikan, tidak diletak di bawah Jabatan Orang Asli. Ini seolah-olah kita mempunyai satu tabiat secara tidak langsung ataupun langsung mempunyai satu sikap diskriminasi terhadap Orang-orang Asli.

Pada tahun lepas saya pernah datang kepada sebuah sekolah Orang Asli di Post Beruk di Lodging Highlands. Saya tengok pelajar di sana ada lebih kurang 60 orang, tetapi guru ada seorang, cuba bayangkan. Saya berada di situ dari pukul 8 pagi, pelajar tidak datang lagi. Pukul 10.00 baru pelajar datang. Ada yang duduk di asrama dan ada yang berulang-alik daripada kampung Orang Asli yang berdekatan ke sekolah. Saya berada di situ daripada pukul 8.00 pagi sampai pukul 12.00 tengah hari, cuma ada seorang guru, cuba bayangkan. Kebetulan guru itu orang Melayu. Dia beritahu kepada saya,

Yang Berhormat rumah guru ada tiga buah di Post Beruk itu tetapi guru ada seorang; guru besar pun dia, semua tugas pun dia.

Yang kedua, dari segi kemudahan asas, kita lihat kawasan persekitaran penuh dengan semak. Kawasannya tidak berpagar, lebih teruk daripada sekolah di estet-estet. Lantaran itulah saya pernah juga menyebut dalam Dewan ini beberapa kali supaya kita jangan lagi menamakan Orang Asli, tetapi kita nama sahaja bumiputera cukup. Ini apa nama Orang Asli, sehingga timbul dalam kepala kita Orang Asli ini bodoh, tidak pandai, tidak cerdik, kita buat apa pun dia tidak kata apa. Kita memperbodohkan diri kita sendiri. Saya rasa perlu beberapa cadangan saya yang lepas, iaitu yang pertama supaya sekolah-sekolah Orang Asli diletak di bawah Kementerian Pendidikan. Kalau boleh Orang Asli itu kita letak di sekolah berasrama penuh. Jangan beri dia balik ke rumah, letak di sekolah berasrama penuh, kita jaga baik-baik, kita didik baik-baik. Ini buat Orang Asli lebih teruk daripada kuda, lembu. Inilah Kerajaan Barisan Nasional, teruk. Dia ingat Orang Asli ini bukan manusiakah, Orang Asli manusia atau binatang, kaki empat atau kaki dua? Saya sudah bercakap dua-tiga kali, cakap, cakap, cakap, macam itu juga.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, saya minta supaya keadaan nasib Orang Asli itu dibela. Saya tidak mahu lagi keadaan Orang-orang Asli, terutama sekolah Orang Asli sebagaimana sekolah yang pernah saya lawati, iaitu di Post Beruk, dan saya mengharapkan di tempat-

tempat lain tidak akan berlaku seperti ini. Yang kedua, saya ingin mencadangkan di sini sekali saya ulangi supaya Orang Asli itu tidak lagi kita namakan Orang Asli, tetapi kita menamakan sahaja bumiputera. Yang ketiga, cadangan saya tadi bahawasanya Jabatan Orang Asli kita hapuskan sahaja. Kita letakkan Hal Ehwal Orang Asli ini....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya tertarik dengan Yang Berhormat dari Tumpat yang mencadangkan supaya Orang Asli ini ditukar kepada orang bumiputera. Saya hendak tanya sama ada lagu asli pun kita tukar kepada lagu bumiputera.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, dia boleh jawab sendirilah. *[Ketawa]* Saya rasa kalaulah kita boleh buat hal-hal yang demikian itu, saya rasa insya-Allah....

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya cuma hendak menjelaskan tentang dasar Yang Berhormat dari Tumpat bahawa sekolah-sekolah Orang Asli telah pun diambil alih oleh Kementerian Pendidikan, dan sekarang ini kita mula berikan peruntukan untuk buat sedikit demi sedikit

perubahan-perubahan yang ada dari segi budaya dan sebagainya. Jadi, kalau Yang Berhormat sedia maklum, Timbalan Menteri Pendidikan telah pun mengatakan bahawa perkara ini kita akan buat secara beransur-ansur supaya budaya pendidikan dan pembelajaran itu akan diubah dengan masuknya sekolah di bawah Orang Asli ini ditempatkan di Kementerian Pendidikan. Jadi, harap maklum.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Itu cadangan saya, terima kasihlah kalau diterima. *[Ketawa]* Tetapi perwartaannya saya belum terima sampai sekarang. Saya harapkan apabila sekolah-sekolah Orang Asli ini diletak di bawah Kementerian Pendidikan, insya-Allah, semua permasalahan yang dihadapi di sekolah Orang Asli, terutama masalah gurunya, persekitarannya, kemudahan asasnya akan dapat diatasi.

Yang terakhir saya hendak sebut bahawasanya masalah guru, kebanyakan Orang Asli di Post Beruk sebahagian besarnya ialah ayah mereka memeluk agama Islam. Mereka menyebut kalau boleh secepat mungkin, pihak Jabatan Orang Asli minta kepada saya supaya beritahu kepada Jabatan Orang Asli atau pihak tertentu untuk segera mengirim guru agama ke sana. Sebab maklumlah ibu bapa mereka dan ada sebahagian daripada mereka itu telah kembali kepada agama mereka, inilah akibatnya. Perkara ini saya telah menyampaikan kepada pihak Jabatan Orang Asli di Kelantan, saya juga telah

menyampaikan kepada pihak Majlis Agama Islam Kelantan untuk mengambil tindakan yang segera. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong.

5.11 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya merujuk Maksud B.42, Butiran 040000 - Hal Ehwal Wanita. Saya mahu tanya apa sudah berlaku mengenai usaha-usaha NGO-NGO wanita melibatkan kerajaan untuk memberi pengesahan sepenuhnya kepada Convention on the Elimination of Discrimination Against Women (CEDAW). Perkara ini sudah melanjutkan masa yang lama, tidak ada sebab kenapa sampai sekarang kita tidak boleh sampai satu tahap di mana kerajaan memberi full ratification, bukan sahaja ratify dengan reservation, tetapi menarikkan segala reservation terhadap ratification kepada (CEDAW). Kita mahu tahu kenapa sampai sekarang kerajaan masih enggan buat begitu, menyahut seruan pertubuhan-pertubuhan NGO dan pertubuhan-pertubuhan wanita. Saya harap kita boleh dapat satu penjelasan mengenai kedudukan ini dan apa masalah yang kita hadapi, kenapa sampai sekarang sungguhpun kita cakap begitu banyak mengenai memberi perhatian pembangunan kepada kaum wanita tetapi kita masih enggan memberi ratification sepenuhnya kepada CEDAW.

Saya mahu sebut sedikit mengenai hal ehwal Orang Asli. Kita ada dengar ramai Ahli Parlimen bercakap mengenai betapa pentingnya untuk membangunkan kepentingan Orang Asli dan kerajaan pun kata inilah agenda

utama dan mustahak, tetapi sampai sekarang sungguhpun kita tahu ada wakil antara kaum, iaitu wakil bagi Orang Asli dilantik di Dewan Negara, tetapi belum ada Orang Asli yang menjadi menteri. Bilakah negara kita ada Orang Asli menjadi cabinet minister, timbalan menteri, setiausaha parlimen. Kalau kita belum sampai masa itu, kita tidak boleh kata kita sudah memberi segala peluang untuk memastikan bahawa Orang Asli ada tempat yang sewajarnya di tanah air kita. Kita harap sebelum tahun 2000 bahawa kita boleh lihat atau adakah Kerajaan Barisan Nasional rasa belum sampai keputusan itu. Kita harap bahawa kita lebih serius dalam isu ini.

Saya mahu sebut Maksud B.42, Butiran 070800 - Penubuhan Taska, yang nampaknya menjadi tanggungjawab kementerian ini. Taska sangatlah mustahak, oleh kerana kita tahu bahawa masa anak-anak belajar ialah masa Taska, di mana dengan izin, formation faculty mereka ialah preschool, bukan postschool. Sebab itu kita perlu kalau kita mahu membangunkan sumber manusia (manpower) supaya melatih penduduk-penduduk rakyat Malaysia menghadapi cabaran-cabaran zaman baru, kita mesti menggunakan masa yang penting dalam pembangunan seorang iaitu semasa preschool supaya boleh membangunkan segala fakulti-fakulti mereka. Sebab ini saya harap bahawa kita ada satu dasar preschool yang baru di mana semua anak-anak kita tidak kira kaum, tempat boleh dapat peluang preschool. Itulah menjadi hak warganegara kita. Kedua, supaya mereka mengadakan amalan-amalan preschool yang baik. Apa yang saya sebut dasar-dasar DAP -

“Developmentally Appropriate Practices.” Jangan takut DAP, apa ini takut DAP, DAP baik. Ini menjadi satu dasar, ini satu dasar preschooling untuk negara kita.

Akhirnya, saya mahu sebut mengenai integrasi hubungan kaum, integrasi negara. Kita sudah merdeka 40 tahun tetapi masih dalam integrasi kaum, integrasi negara adalah sangat mundur. Minggu lalu dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak ada Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak yang menyeru bahawa saya diharamkan daripada memasuki Sarawak. Adakah Sarawak satu bahagian Malaysia atau Sarawak bukan satu bahagian dari Malaysia. Hampir tahun 2000 masih ada suara-suara yang begitu dinosaurean, precivilization, primitive. Bagaimana kita mahu memajukan, mengarahkan pada satu...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Jangan takutlah, lihatlah. No guilty conscious jangan takut saya lihat. Macam ini guilty conscious.

Seorang Ahli: Marah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tahu ada undang-undang Imigrasi negeri Sabah dan Sarawak. Saya tidak kata suruh tarik balik. Tetapi undang-undang itu ialah untuk memberi perlindungan kepada anak-anak, penduduk di negeri Sabah dan Sarawak bukan untuk menghalang kegiatan demokratik yang sah, yang legitimate, bukan untuk menjadi undemocratic. Kita tahu dalam tahun 1970-an ada berlaku, ada bekas Ketua Menteri yang salah guna kuasa,

yang mengharamkan saya dan pemimpin-pemimpin DAP yang lain masuk negeri Sabah atau Sarawak. Tetapi saya rasa inilah masa lampau, zaman dahulu. Sekarang masih ada suara, oleh kerana apabila ada kempen pilihan raya kecil, mereka tidak boleh menjawab ucapan ceramah-ceramah kita. Mereka takut. Kalau kita ada buat salah, kalau saya ada buat salah apa yang saya cakap dalam kempen sama ada pilihan raya kecil di Kidurong atau di Komena, ambil tindakan mahkamah kepada saya. Kalau saya salah ada membuat sedition, defamation, tetapi mana boleh ada seruan bahawa saya diharamkan daripada masuk negeri Sarawak. Inilah malu, malu bukan sahaja kepada ahli Dewan Undangan Negeri, tetapi malu kepada Barisan Nasional Sarawak.

Mungkin oleh kerana desakan-desakan, soalan-soalan kita bahawa kenapa Ketua Menteri Sarawak lari daripada tanggungjawabnya apabila ada bencana darurat jerebu, mereka tidak boleh jawab.

Seorang Ahli: Pengecut!

Tuan Lim Kit Siang: Pengecut dan lain-lain, tidak boleh jawab.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, orang Sarawak bangun.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: Boleh. Orang Sarawak, orang Serian. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan, adakah Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju dengan saya bahawa dengan pendapat beliau

itu bahawa DAP akan bercadang untuk menghapus undang-undang Imigresen untuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat dari Serian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serian.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu dari mana, dia tidak faham. Bila saya cakap bahawa DAP bercadang untuk menghapuskan State Immigration Law, mana saya cakap. Kalau Yang Berhormat kata saya ada kata begitu, Yang Berhormat ialah pembohong.

Tuan Richard Riot Anak Jaem: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Mana saya ada cakap. Itulah gaya politik, style politik Barisan Nasional di Sarawak. Saya tidak kata begitu, ada orang boleh bangun kata saya cadang hapuskan State Immigration Law, tidak. Apa yang saya menentang, apa saya menolakan ialah salah guna kuasa untuk mahu mengharamkan saya masuk Sarawak. Itu bukan tujuan State Immigration Law. State Immigration Law bukan untuk menentang demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, masa sudah cukup, dia selamat. *[Ketawa]*
Dia sudah diselamatkan. Saya harap bahawa kita...

Peter Chin Fah Kui: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Mahu beri cadangan, okaylah. Terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, tidak ada masa, sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Cukup. Saya wind-up. Saya harap bahawa kalau kita mahu cakap mengenai national integration...

Tuan Peter Chin Fah Kui: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada masa, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak dengar lagi suara-suara yang begitu primitive, undemocratic dan tunjuk bahawa Sarawak

Tuan Peter Chin Fah Kui: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia sudah hendak habis.

Tuan Lim Kit Siang:sebahagian daripada Malaysia dan bukan luar daripada Malaysia. Saya beri jalan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup. *[Ketawa]*

Tuan Peter Chin Fah Kui: Sedikit sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya jawab, mesti saya jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjong. Bukankah salah satu taktik DAP dalam

kempennya, bila berceramah, dari isi kandungan ceramahnya banyaklah lemparan yang liar dan sebagainya terhadap kerajaan atau parti atau calon supaya kita hendak buat laporan kepada pihak polis. Dan daripada laporan itu DAP sangat harap kita hendak buat sesuatu tindakan terhadap DAP supaya ia boleh dapatkan simpati daripada pihak pengundi. Bukankah ini salah satu taktik DAP selalu gunakan dalam pilihan raya.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah taktik SUPP harap kita gunakan taktik ini.

[Ketawa] Tetapi kita tidak mahu jatuh ke dalam perangkap, kita tidak buat begitu. Oleh sebab itu, di Kidurong sungguhpun SUPP menang, sebenarnya kalah. Sebab itu, minggu lalu sungguhpun kita kalah, kita boleh buat satu jamuan untuk celebration. SUPP menang malu tidak ada celebration, tidak boleh celebration oleh kerana tahu sudah kalah. *[Ketawa]*

Tuan Peter Chin Fah Kui: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Saya beri chance lagi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya minta maaf, masa sudah lebih tiga minit. Kita ada banyak perbincangan. Kinabalu.

Tuan Lim Guan Eng: Kalah, duduklah!

5.23 ptg.

Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta ataupun mengambil bahagian dalam perbincangan,

khususnya dalam Maksud B.42, iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, konsep perpaduan negara dan integrasi nasional adalah suatu proses yang berterusan. Sejak Malaysia dibentuk dengan penyertaan Sabah dan Sarawak dalam tahun 1963 pelbagai dasar dan program kerajaan telah digubal dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat tersebut. Pada dasarnya Malaysia telah mencapai tahap integrasi politik dan ekonomi yang kukuh dan membanggakan. Sejak merdeka kita bukan sahaja telah mencapai integrasi politik dan ekonomi, tetapi kita kini adalah, dengan izin, interdependent. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak kerja-kerja yang perlu dilaksanakan untuk mencapai tahap perpaduan kaum dan intergrasi nasional khususnya di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan khususnya supaya mengambil langkah-langkah yang segera untuk mengurangkan perasaan tidak puas hati, perasaan syak wasangka yang mungkin masih wujud di kalangan masyarakat ataupun warganegara Malaysia di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa sejak merdeka Sabah telah mencapai tahap pembangunan yang membanggakan. Namun demikian, adalah pengetahuan umum bahawa kadar kemiskinan di Sabah khususnya masih pada tahap yang tinggi, iaitu di antara 28% sehingga 30% dan merupakan yang tertinggi di seluruh negara.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Rakyat Malaysia di Sabah melihat melalui kaca televisyen program-program pembangunan yang pesat di Semenanjung. Malah orang Sabah mendengar bahawa jalan raya di Semenanjung sudah ditarik bahawa kalau hendak ambil ubi kayu pun jalan raya ini semua sudah ditarik. Mereka juga percaya bahawa semua keluarga di Semenanjung sudah menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik, telefon dan lain-lain lagi. Sedangkan di Sabah hampir 50% daripada masyarakat desa masih mundur kerana masih tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya yang baik, bekalan elektrik, air dan lain-lain lagi.

Misalnya, Tuan Pengerusi, di Semenanjung kita mendengar bahawa di sekolah-sekolah rendah sekali pun kerajaan sudah ingin memperkenalkan program-program seperti komputer, smart school. Pernah sekali dahulu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bandau ada mengatakan di Sabah kita tidak berbicara tentang memperkenalkan program komputer di sekolah-sekolah, oleh kerana sebahagian besar daripada sekolah-sekolah rendah di Sabah dan juga mungkin di Sarawak masih tidak mempunyai kemudahan elektrik misalnya untuk membolehkan kemudahan komputer diperkenalkan. Sedangkan banyak di antara sekolah-sekolah ini, dan saya sendiri telah melawat di kawasan saya masih banyak bangunan-bangunan yang sudah usang yang tidak diperbaiki dan juga ada di antara sekolah-sekolah ini yang tidak ada jalan raya langsung dan terpaksa berjalan kaki berjam-jam dan mungkin sehari dua untuk sampai ke tempat tersebut.

Tuan Pengerusi, persepsi orang-orang di Sabah ialah bahawa program-program pembangunan yang ada di negara ini tidak seimbang, iaitu program-program pembangunan yang ada di Semenanjung ini melebihi daripada yang ada di Sabah dan Sarawak. Pada pendapat saya persepsi ini harus diperbetulkan. Oleh kerana inilah kemungkinannya beberapa faktor yang boleh mengakibatkan perasaan tidak puas hati ataupun perasaan syak wasangka di kalangan masyarakat di Sabah dan juga Semenanjung Malaysia.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bertanya sahabat saya, adakah pihak parti PBS akan turut bersama-sama membetulkan persepsi yang kononnya disalah sangka dan membangkitkan kemarahan. Adakah pihak PBS akan memainkan peranan yang positif ke arah ini?

Tuan Henrynus Amin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Sudah tentunya, sejak PBS wujud dalam tahun 1985 kita sentiasa bersuara dengan lantang di mana-mana juga forum termasuk di Dewan yang mulia ini untuk memberi sumbangan yang positif ke arah memperbetulkan persepsi itu. Sekiranya terdapat masalah-masalah yang kami hadapi, terdapat kemungkinannya kesilapan-kesilapan di peringkat Kerajaan Persekutuan, adalah tanggungjawab parti politik seperti PBS sebagai sebuah parti politik

yang bertanggungjawab untuk memperbetulkan keadaan, untuk membawa perkara itu kepada menteri-menteri yang berkenaan supaya langkah-langkah strategik, langkah-langkah yang betul dapat diadakan.

Tuan Pengerusi, saya tidak mengatakan bahawa di Sabah dan Sarawak tidak ada pembangunan. Saya mengakui bahawa semenjak merdeka kita telah mengalami tahap pembangunan yang sangat membanggakan. Tetapi apa yang saya katakan di sini bahawa masih terdapat kekurangan di Sabah dan Sarawak khususnya, kita melaung-laungkan tentang jalan raya. Adakah misalnya kawan baik saya juga, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sedar bahawa sampai sekarang ini tidak ada jalan raya yang baik dapat menghubungkan di antara Sabah dengan Sarawak. Masih ada 8 kilometer Pan Borneo Highway sampai sekarang tidak dibuat. Kita minta berkali-kali supaya jalan raya ini dibuat. Jadi, inilah yang kami bawa ke Dewan Parlimen ini supaya Sabah dan Sarawak juga diberi perhatian dari segi keseimbangan pembangunan yang akan diberikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai perpaduan kaum dan intergrasi nasional hanya boleh dicapai sekiranya semua rakyat Malaysia merasa bahawa diri mereka mempunyai layanan yang adil dan saksama. Parti Bersatu Sabah walaupun sebagai parti pembangkang akan sentiasa memberi sumbangan yang positif. Malah kalau saya tidak silap Dewan yang mulia ini sejak dari dahulu lagi di mana juga program-program kerajaan yang positif yang baik untuk seluruh rakyat Malaysia. Yang baik untuk Sabah kita sokong,

tetapi mana-mana program yang tidak baik kita akan buat teguran yang membina.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk menyentuh....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, baguslah penjelasan yang dibuat oleh sahabat saya. Tetapi dalam satu pilihan raya peringkat negeri yang diadakan beberapa tahun yang lalu, saya teringat bahawa pihak PBS mengatakan bahawa UMNO itu adalah parti penjajah yang datang ke Sabah untuk menjajahi orang Sabah. Tidakkah ini bermakna PBS menyumbangkan ke arah perkembangan mental, pemikiran dan persepsi yang negatif di kalangan segolongan rakyat Sabah. Terima kasih.

Tuan Henrynus Amin: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong bila sampai di Sabah nanti berilah pendapat-pendapat ataupun menyumbangkan pendapat yang positif yang menyenangkan.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku begini. Kita mengalu-alukan kedatangan kawan-kawan kita daripada Semenanjung Malaysia sebagai guru, sebagai polis, kakitangan kerajaan, doktor dan lain-lain lagi kerana mereka menyumbang secara langsung kepada pembangunan negeri Sabah. Tetapi kita juga ada ahli-ahli politik yang datang ke negeri Sabah bersuara sumbang,

menyinggung perasaan, menghapus beberapa perkara, menghapus itu dan ini, memperkecil-kecilkan masyarakat tertentu. Saya tidak menuduh orang-orang tertentu, siapa-siapa, tetapi ini telah berlaku. Kita tidak mahu perkara ini berlaku. Itulah sebabnya tidak semestinya PBS, kita boleh tanya dalam persidangan UMNO tahun ini, kita taruh suara, kita masuk kampung. Siapa yang bersuara, orang kampung, bukan PBS. PBS mengatakan ini bukan terhadap UMNO sahaja, malah siapa-siapa.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, yang menyinggung perasaan, yang tidak menyumbang kepada arah perpaduan nasional, persepsi yang harus diperbetulkan. Di Sabah datang syarikat-syarikat gergasi yang besar dan mengambil tanah, terlibat dalam pembalakan, dalam ekstraktif industri dan juga yang kami anggap sebagai eksploitatif. Saya tidak mengatakan ini salah. Tetapi sekiranya persepsi itu ada bahawa mereka datang untuk eksploitasi, memanglah perasaan itu timbul dan kita akan menyuarakan. Sebaik-baiknya kita sama-sama berfikir apa yang baik untuk negara. Tidak memikirkan bahawa Sabah dan Sarawak itu adalah tempat yang kita eksploitasi, tetapi Sabah dan Sarawak itu adalah tempat yang harus kita bangun bersama.

Satu point lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan di sini mengenai dengan konsep bumiputera ini. Apabila saya telah membaca dalam surat khabar bahawa seorang Iban telah memohon satu rumah kedai di Melaka tidak diiktiraf sebagai bumiputera. Saya amat terkejut. Oleh kerana orang Iban iaitu Orang Asli (native) atau yang diiktiraf sebagai bumiputera di Sarawak dan juga di Sabah, tidak diiktiraf sebagai bumiputera di Semenanjung, dan apabila kita mendengar cerita tentang Orang-orang Asli, saya juga amat

terkejut dalam persidangan minggu yang lalu apabila dikatakan bahawa Orang Asli itu bukan bumiputera. Tetapi ditakrifkan sebagai Orang Asli dengan hak-haknya tersendiri sebagai Orang Asli, bukan bumiputera. Saya mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat. Mengapakah kita bahagi-bahagikan suku kaum ini, seolah-olah suku kaum ini adalah suku kaum yang terlalu rendah yang boleh diperkecilkan. Kenapa tidak panggil Orang Asli juga bumiputera. Orang Kadazan, Dusun juga bumiputera. Saya adalah bumiputera seperti Ahli Yang Berhormat sekalian. Orang Kadazan Dusun, orang Iban misalnya semua adalah bumiputera. Di kepulauan nusantara adalah rumpun Melayu juga. Tetapi kemungkinan hanya kita ini ada di Sabah dan Sarawak, orang Borneo.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mintalah kepada menteri yang berkenaan untuk memberi penjelasan mengenai perkara ini. Sebab apabila sampai di Sabah dan Sarawak ianya memberi gambaran yang salah bahawa kita ini tidak diterima sebagai bumiputera di Malaysia ini. Kalau orang-orang Melayu dari Semenanjung datang ke Sabah apabila mereka telah mendapat permanent stay diiktiraf sebagai bumiputera dan dilayan seperti demikian, diberi kemudahan sebagai bumiputera. Tetapi kalau orang-orang Kadazan, Dusun ataupun orang-orang Iban datang ke Semenanjung pula mereka tidak dilayan sebagai bumiputera, dan perkara ini harus diperbetulkan. Ini adalah persepsi yang harus dipebetulkan.

Tuan Pengerusi, yang akhir adalah penting bagi setiap rakyat di negara ini merasakan bahawa diri mereka adalah orang Malaysia dalam erti kata yang sebenarnya. Sabah dan Sarawak telah mencapai kemerdekaan dalam tahun 1963, bagi kami di Sabah kami berbangga, oleh kerana faktor keselamatan, takut kepada konfrontasi Indonesia, takut kepada tuntutan Filipina terhadap Sabah, kita telah memilih landasan untuk menyertai Malaysia, berlindung di

bawah naungan Malaysia sebagai sebuah negara di mana kita boleh menaruh nasib kita untuk selama-lamanya.

Tuan Pengerusi, tetapi saya telah katakan awal-awal tadi bahawa perpaduan kaum itu dan juga integrasi nasional itu adalah suatu proses dan proses ini berterusan, kita tidak boleh berpuas hati dengan tahap yang kita capai pada hari ini dan saya percaya bukan sahaja Parti Bersatu Sabah, juga parti-parti lain seperti DAP juga, seperti daripada PAS dan juga daripada UMNO dan parti-parti komponen Barisan Nasional ingin melihat bahawa negara ini terus maju dari segi perpaduan dan integrasi nasional.

Tuan Pengerusi, sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Mentakab, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.31 ptg.

Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Dewan yang mulia ini tadi telah sekali lagi terhibur oleh persembahan dan kehairahan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tentang kekuatan DAP, mungkin beliau telah lupa kisah dua tahun dahulu seorang robokop telah ditembak dan dijatuhkan oleh rakyat di Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Itu tidak bersangkutan dengan perkara yang dibincangkan. Cukuplah ya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Butiran 050000 - Hal Ehwal Orang Asli dan juga 030300 - Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi, masalah masyarakat Orang Asli adalah pelbagai dan berlarutan. Walaupun pihak kementerian JHEOA telah berusaha mempertingkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli tetapi adalah jelas bahawa taraf kehidupan mereka masih jauh ketinggalan dan banyak yang perlu dibuat lagi untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka. Izinkan saya menghuraikan perkara ini dalam butiran ini tetapi saya ingin sentuh cara kita mengagihkan peruntukan yang diberi di bawah 050000 iaitu saya dapati hampir 42% telah diagihkan kepada emolumen yang saya berasa keliru sedikit sebab biasanya sesuatu jabatan yang bertujuan untuk memperbaiki sesuatu masyarakat Orang Asli, biasanya kita patut memberi keutamaan kepada projek ekonomi dan kita harus mencari cara mengurangkan peruntukan untuk pengurusan dan lebih banyak memperuntukkan untuk projek-projek dan aktiviti tertentu.

Saya juga berasa sedikit hairan bahawa sebanyak 26% telah diagihkan kepada aktiviti penyelidikan dan penerangan di kampung-kampung Orang Asli, di kawasan saya, saya tidak lihat ada banyak aktiviti penerangan yang telah dijalankan, saya pun tidak termaklum tentang aktiviti tersebut, jadi saya minta penjelasan dari kementerian berkenaan dengan apa yang telah berlaku dalam aktiviti penyelidikan dan penerangan ini supaya sebagai seorang Ahli Parlimen, saya juga boleh memainkan peranan untuk membantu JHEOA .

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh dua, tiga perkara berkenaan dengan masyarakat Orang Asli yang perlu diberi perhatian. Yang pertama, ialah

tentang tanah yang masih belum digazetkan untuk Orang Asli, ini saya bersetuju dengan pandangan beberapa Ahli Parlimen termasuk Ahli Yang Berhormat dari Serdang bahawa oleh kerana tanah Orang Asli masih belum digazetkan bahawa ia telah menimbulkan banyak masalah kekeliruan dan juga ketidaktentuan untuk mereka mengusahakan tanah mereka. Jadi, saya berharap JHEOA akan memberi keutamaan untuk membereskan masalah ini.

Masalah yang kedua ialah, saya berpendapat bahawa antara program untuk memperbaiki taraf hidup masyarakat Orang Asli, paling berkesan ialah program penempatan semula Orang-orang Asli, saya berharap aktiviti ini dapat diperbanyakkan dan disegerakan supaya skim-skim pembangunan seperti Felda kita akan boleh perbanyakkan di pelbagai tempat dan Orang-orang Asli boleh ditempatkan di satu-satu skim di mana aktiviti dan bantuan kerajaan dapat disalurkan dan ditumpukan di satu-satu kawasan dengan berkesan.

Perkara yang ketiga ialah mengenai dengan pendidikan anak-anak Orang Asli. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian sejak mereka mengambil alih pendidikan dan sekolah-sekolah Orang Asli, saya dapati telah terdapat banyak perubahan dan kesan yang amat menggalakkan termasuk kekurangan kadar keciciran antara murid-murid dan kadar ketidakhadiran murid-murid di sekolah Orang Asli dan saya juga dapati bahawa semangat ibu bapa juga telah meningkat dan ibu bapa Orang Asli sekarang lebih memberi perhatian kepada pendidikan anak-anak mereka.

Saya berpendapat pendidikan adalah satu cara yang paling berkesan untuk kita mengeluarkan masyarakat Orang Asli daripada kongkongan kemiskinan maka saya harap kementerian akan terus berusaha memperbaiki kemudahan sekolah-sekolah Orang Asli termasuk membina asrama di tempat-tempat yang sesuai supaya mereka dapat menikmati kemudahan pendidikan yang lebih baik.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan Butiran 070700 dan 030300 tentang Rukun Tetangga.

Saya berpendapat bahawa RT telah pun memenuhi peranannya dalam tahun 70-an dan 80-an dalam memupuk semangat kejiranan tetapi kalau kita kaji sambutan oleh penduduk setempat pada masa kini, kita dapati sambutan dan penyertaan oleh penduduk-penduduk amat tidak memuaskan khususnya di kalangan belia. Sebab-sebab mereka tidak minat adalah jelas iaitu kalau kita kaji kelengkapan dan kemudahan yang ada sekarang di pusat-pusat RT, kita dapati segala kemudahan dan aktiviti yang dianjurkan oleh pusat-pusat RT boleh disifatkan sebagai ketinggalan zaman, khususnya di masa moden ini.

Saya ingin menyarankan bahawa konsep RT dan juga pusat RT di'overhaul' dan diberi nafas baru. Saya ingin cadang bahawa pusat RT digabung dengan pusat rekreasi dan sukan yang dimajukan oleh Jabatan Belia dan Sukan dan juga oleh kerajaan tempatan supaya ia dilengkapi dengan kemudahan sukan dan rekreasi yang moden supaya aktiviti seperti aktiviti kebudayaan, aktiviti masyarakat dapat kita jalankan dalam satu suasana yang

lebih selesa dan saya yakin dengan adanya perubahan tersebut baru RT dapat terus memainkan peranan sepertimana ia dimaksudkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sebelum itu, ada satu Usul yang sedang dinantikan ya. *[Ketawa]* Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Persidangan disambung semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.40 ptg.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat iaitu memberi teguran, cadangan dan apa-apa jua ucapan beliau yang diadakan sebentar tadi iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Senai, Tambun, Serdang, Kubang Kerian, Jelutong, Batang Lupar, Teluk Intan, Kota Melaka, Mersing, Sibul, Tumpat, Tanjong, Kinabalu dan Mentakab.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Senai telah menyentuh berkenaan dengan tidak ada program bagi warga tua iaitu Pengerusi Jawatankuasa Perundingan dan Penasihat Warga Tua Kebangsaan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada masa ini dalam proses merancang program dan aktiviti bagi warga tua melalui pelan tindakan dasar warga tua negara yang dianggotai oleh semua kementerian dan jabatan yang berkaitan iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian juga memberi grant dan sokongan teknikal kepada NGO yang terlibat dalam kebajikan dan kesejahteraan warga tua. Dalam tahun 1997 ini RM925,000 telah diberi kepada 24 NGO warga tua.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun telah memberi penjelasan panjang berkenaan dengan Orang Asli, jadi, perkara yang disentuh masalah kekurangan infrastruktur seperti rumah-rumah, jalan, surau dan lain-lain. Buat masa ini terdapat lebih dari 725 perkampungan Orang Asli untuk memberi kemudahan di semua perkampungan, memang masalah dari segi kemampuan kerajaan yang terhad. Kita telah mendengar sebentar tadi, sekolah khas untuk Orang Asli, urusan persekolahan Orang Asli telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan pada 1 Januari 1996. Walau bagaimanapun pihak jabatan telah menjalankan kajian keciciran di kalangan penuntut Orang Asli.

Program penghayatan Islam, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memang mempunyai jadual lawatan ke perkampungan Orang Asli bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Islam, kementerian memang sentiasa memberikan perhatian untuk mempertingkatkan kefahaman Islam kepada Orang-orang Asli yang baru menganut agama Islam.

Di antara beberapa strategi yang telah dilaksanakan oleh jabatan ialah projek kampung berkembar yang melibatkan lebih kurang 26 kampung sebagai strategi untuk mengintegrasikan Orang Asli dalam arus pembangunan. Dari segi pembangunan sumber manusia pula, jabatan telah mengadakan pelbagai latihan vokasional termasuklah di bidang pertanian, perniagaan dan motor mekanik.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang telah menyentuh berkenaan dengan tanah Orang Asli di Sungai Rasau. Mengenai perkara ini ia di dalam bidang

kuasa Kerajaan Negeri Selangor, walau bagaimanapun Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memang sentiasa menyusul perkara ini dengan pihak yang berkenaan.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, boleh beri jalan?

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyentuh berkenaan dengan sekolah di kawasan Orang Asli. Sebenarnya, saya hendak menyentuh perkara ini semasa kita membahaskan Kementerian Pendidikan di peringkat jawatankuasa, tetapi oleh kerana masa tidak mencukupi, jadi saya hanya ingin merekodkan di dalam kementerian ini. Kira-kira tiga minggu lepas saya pergi ke kawasan Orang Asli, lebih kurang 25 batu ke dalam dari jalan raya di luar iaitu satu perkampungan yang dipanggil perkampungan Orang Asli Punan.

Jadi, saya melihat keadaan persekolahan di sana agak daif dan perkara ini juga dibangkitkan kepada saya, jadi saya mintalah dengan jasa baik pihak kementerian dapat membawakan perkara ini kepada pihak yang berkenaan khususnya pihak Kementerian Pendidikan. Kalau boleh dibangunkan sekolah baru untuk perkampungan Orang Asli ini. Itu sahaja, terima kasih.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, perkara Yang Berhormat sentuh itu, saya akan mengarahkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan menyiasat perkara yang tersebut, jadi, perkara itu apabila sudah disiasat, kementerian akan mengambil tindakan dengan sewajarnya. Kalau

Ahli Yang Berhormat dari Mersing menyebut tentang sekolah, saya tidak dengar di mana tempatnya, perkara ini saya sudah sebut tadi, sekolah ini di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan, jadi, ini terpulanglah kepada kementerian tersebut akan mengatasi perkara itu.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya nyatakan tadi, saya memang faham perkara ini memang terletak di bawah Kementerian Pendidikan, tetapi oleh kerana saya tidak ada peluang untuk menghabiskan ucapan saya tempoh hari dan antaranya termasuk perkara ini, jadi saya ingin merekodkan perkara ini kerana ia berkaitan dengan kebajikan Orang Asli. Itu sahaja.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat menyebut berkenaan dengan kebajikan? Ada menyebut berkenaan soal kebajikan di sekolah ataupun di kampung?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia minta rekod sahaja ya. Sila teruskan.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, baik, terima kasih.

Bagi Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menyentuh

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya, Serdang bangun Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, saya masih belum dapat penjelasan lanjut berkaitan dengan kampung Orang Asli Sungai Rasah,

Puchong ini. Walaupun saya faham dan sedar bahawa tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, tetapi ini tugas Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untukewartakan, apa sebab kerajaan negeri tidak menerima di mana kampung Orang Asli Sungai Rasah tidak dapat diwartakan, ini alasan, mintalah apa sebabnya. Kementerian sepatutnya berbincang dengan kerajaan apa sebabnya sehingga selama 30 tahun masih belum diwartakan sebagai kawasan simpanan Orang Asli tersebut. Saya mintalah penjelasan itu.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, saya pun telah faham apa Ahli Yang Berhormat dari Serdang katakan berkenaan dengan tanah tersebut. Saya telah difahamkan di dalam satu post Kabinet iaitu Ketua Setiausaha kementerian pun telah berbincang dengan Kerajaan Negeri Selangor, tetapi perkara ini mungkin masih dalam perbincangan atau perundingan di antara kerajaan negeri tersebut, itulah sebab masa ini belum ada jawapan daripada negeri Selangor. Tetapi sungguhpun begitu, apabila nanti dalam post Kabinet, saya akan menimbulkan perkara ini kepada kementerian bagaimana mengatasi masalah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Serdang.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah menyentuh iaitu berkenaan dengan masalah orang kurang upaya. Bilangan orang kurang upaya mengikut kategori adalah seperti berikut:-

Orang kurang upaya penglihatan	-	10,875
Orang kurang upaya anggota	-	22,038
Orang kurang upaya pendengaran	-	11,787
Orang kurang upaya akal	-	18,817

Jumlah - 63,517 orang

Elaun bagi orang kurang upaya yang ada RM300 satu bulan. Orang kurang upaya yang tidak berkemampuan diberi bantuan RM70 di bawah skim bantuan jabatan sedia ada.

Grant pelancaran sebanyak RM2,000 untuk memulakan projek kecil juga dibantu bagi orang kurang upaya yang berminat di bidang kemahiran tertentu.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang mengintegrasikan Orang Asli ke dalam masyarakat Melayu. Cadangan dari Ahli Yang Berhormat agak baik, pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa mengadakan program

....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tumpat bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian menanyakan apakah kerajaan sekarang bersedia untuk memberi sumbangan tetap sejumlah RM500 sebulan kepada mereka itu, kalau tidak kenapa. Jadi, jawapan Yang Berhormat itu menunjukkan kerajaan sekarang ini belum lagi bersedia. Apa masalahnya, apa alasannya kerajaan tidak bersedia kepada orang yang tidak mampu, kalau kita beri modal pun mereka tidak mampu, dia cacat, bagaimana mereka hendak berniaga?

Saya rasa kalaulah benda-benda lain kerajaan boleh beri subsidi, boleh beri bantuan, kenapa kepada orang cacat, orang yang tidak mampu, orang yang daif ini kita tidak mampu untuk memberi sumbangan kepada mereka supaya mereka dapat hidup sebagaimana kita juga di negara yang makmur ini.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian itu pada masa ini belum ada dibuat belum ada cadangan dari kementerian, untuk mencari sumbangan RM500 sebulan.

Cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Kubang Krian agak baik, pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa mengadakan program integrasi masyarakat Orang Asli dengan masyarakat Perdana, melalui projek kampung berkembar, rancangan penyusunan semula kampung-kampung Orang Asli dan sebagainya, kerajaan bukan sahaja mahu mengintegrasikan Orang Asli dengan Orang Melayu, malahan dengan kaum-kaum lain. Baru-baru ini program pendidikan yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah diserahkan kepada Kementerian Pendidikan agar anak-anak Orang Asli dapat bergaul dan dapat berintegrasi dengan anak-anak kaum yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menyentuh kewajipan menjaga warga tua melalui undang-undang, memberi nafkah kepada ibu bapa tua, misalnya di Singapura mulai 1 Jun 1996 Maintenance of Parents Act, pertimbangan ini iaitu ada melibatkan dalam Perlembagaan. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berpendapat masih belum

sampai masanya untuk mengambil tindakan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu, sebaliknya kementerian berusaha untuk memupuk budaya ikram di kalangan masyarakat Malaysia dan memberi sokongan kepada unit yang paling penting iaitu unit keluarga supaya perhubungan yang erat dijalin antara semua generasi dan kewajipan untuk menjaga ibu bapa akan wujud dengan sendirinya tanpa paksaan.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Teluk Intan bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Ya, beri. Tuan Pengerusi, terima kasih. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini adakah satu statement dari kerajaan sekarang selepas cadangan yang dibuat oleh kawan saya dari Jelutong mengatakan bahawa di negara ini tidak ada masalah mengenai jagaan ibu bapa oleh anak-anak, tidak ada masalah. Adakah ini satu pendirian oleh kerajaan, kalau tidak kenapa pula kita tidak mengambil satu undang-undang yang progresif, yang baik, yang membawa Asian value yang baru yang memberi lebih makna kepada negara di Asia ini.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, pada masa ini seperti saya sebutkan sebentar tadi kerana memang ada, tetapi saya belum sampai iaitu rupa-rupanya ada seorang Ahli yang menyentuh berkenaan warga tua ini, jadi, perkara dan masalah memang ada, tetapi masalah ini pada masa ini dapat diatur dan diselesaikan oleh kementerian kerana warga tua yang cukup

tua tidak ada anak-anak dan oleh sebab yang lain, kita telah mengatur mereka di rumah orang-orang tua.

Jadi, oleh kerana itu, mana-mana anak yang ada, tentu kita merangsang mereka supaya menjaga ibu bapa mereka yang sudah tua. Jadi, inilah perkara yang diatur oleh kerajaan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak? Dia bangun pula.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tak usah beri jalan lagi, sudah, saya sudah jawab! *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Sedikit, satu sahaja!

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, ini satu masalah sosial yang sangat musatahak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah menyentuh dua, tiga perkara. Jadi, beliau pun ada menyebut berkenaan Orang Asli dan berkenaan pegawai-pegawai kementerian. Saya memberi penjelasan begini, kerajaan memang sentiasa merangka program pembangunan mengikut keadaan dan kehendak Orang Asli sendiri. Program-program sosial ekonomi yang dijalankan adalah dibincang dan dirunding

dengan masyarakat Orang Asli, oleh itu program projek yang dijalankan dapat memenuhi kehendak mereka.

Sebagai contoh, pihak kementerian dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah menjalankan satu bengkel khas dalam menyediakan program projek dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk Orang Asli. Bengkel ini telah menjemput Orang Asli membentangkan kertas kehendak mereka untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Pihak kerajaan sedar mengenai kehendak Orang Asli yang kini inginkan pembangunan, program-program yang dirancang oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli secara integrasi dan terselaras dilaksanakan dengan bantuan serta kerjasama keberkesanan dari agensi-agensi lain. Ini dapat mempercepatkan dan kementerian sentiasa mengambil tindakan dalam memperkemas struktur dan peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli agar ia dianggotai

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Batang Lupar bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya memang mengalu-alu tindakan kementerian dan saya puji kementerian yang telah mengatur program yang baik ataupun program-program yang mungkin boleh mendatangkan hasil tetapi masalah persoalan saya tadi ialah Orang Asli itu sendiri, macam mana yang telah dilaporkan Orang Asli itu

tidak inginkan pembangunan, bahkan mereka ingin duduk di hutan, masih dalam kehidupan mereka sekarang juga.

Jadi, soalan saya apakah pendekatan baru supaya motivasi diberi kepada Orang Asli itu supaya dia mahu menerima program kerajaan. Kerajaan buat program macam mana sekali pun kalau Orang Asli itu tidak menerima program itu dan tidak ada motivasi dari kerajaan, dengan sendirinya program itu tidak akan mendatangkan kesan yang kita harap-harapkan. Itu persoalan yang saya tanyakan tadi. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, dari segi integrasi nasional ini, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan Orang Asli yang tidak mahu menerima pembangunan, mungkin ada sebab-sebab, jadi perkara ini memang dikaji dan satu kajian yang telah dijalankan yang saya difahamkan. Jadi, oleh kerana perkara ini terjadi seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat, itulah sebab banyak perkampungan yang berkembar yang saya sentuh tadi seperti yang saya telah jawab di awal tadi dan begitu juga supaya masyarakat Orang Asli ini akan diintegrasikan dengan masyarakat Melayu mengikut jawapan yang saya telah terangkan tadi.

Jadi, inilah yang diharapkan oleh kerajaan, tetapi perkara ini baru sahaja dijalankan berkenaan dengan kampung berkembar itu dan kita akan melihat bagaimanakah kemajuannya pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah menyentuh masalah kegiatan meminum minuman keras di kalangan kaum India. Satu jawatankuasa rancangan kemudahan asas dan pembangunan sosial sektor perladangan telah diwujudkan untuk menangani masalah sosial khususnya di sekitar ladang yang termasuk masalah kegiatan meminum minuman keras. Sokongan dan kerjasama dari pertubuhan sukarela India iaitu Hindu, Sanyam, Tamil serta perusahaan perladangan dan agensi kerajaan diminta kerjasama supaya masalah termasuk kajian dapat dibuat sewajarnya.

Jadi,

Tuan Chiew Chiu Sing: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat. Bintulu bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Pengerusi, terima kasih. Penjelasan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di Sarawak dalam golongan dialek Cina, dialek Fuchow dan dialek lain juga adalah sejenis samsu red wine tradisi diguna dalam makanan misua dan chicken soup apabila perempuan lepas bersalin dan ini dianggap berzat dan baik untuk kaum perempuan. Malangnya, red wine ini sekarang diharamkan dalam undang-undang illicit samsu amendment 1988, sebaliknya di Sarawak juga antara kaum Dayak, tuak dikecualikan dan tidak diharamkan.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya, red wine ini untuk digunakan dalam golongan Cina Fuchow Sarawak patut

dikecualikan juga kerana ianya sejenis samsu boleh dikatakan wine ubat dan adalah baik untuk cooking dan kaum perempuan yang lepas bersalin dan bolehkah kementerian berhubung dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun dalam Kabinet mengenai hal ini boleh diselesaikan untuk kepentingan wanita dan masyarakat khususnya Fuchow di Sarawak.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh kementerian kerana kementerian hanya bertanggungjawab berkenaan dengan pembangunan masyarakat, jadi, betul jugalah, kalau minum samsu keras ataupun red wine ataupun tuak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi itu, memang betul. Jadi, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan perkara berkaitan dengan

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Teluk Intan bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Soalan saya belum dijawab lagi.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Saya sudah jawab secara umum tadi.

Tuan M. Kulasegaran: Belum lagi. Ini berkenaan pusat dan hospital-hospital

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Teluk Intan, dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, sebab perkara minuman keras ini memang kita telah tahu, itu sebab kementerian mengadakan sebuah jawatankuasa khas berkenaan dengan perkara tersebut.

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Kalau telah dikenalpasti adakah kementerian

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Teluk Intan, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tidak, tidak!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Teluk Intan, dia tidak beri jalan. Itu Peraturan Mesyuarat. Kalau dia tidak beri jalan, Yang Berhormat tidak boleh berucap ya.

Tuan M. Kulasegaran: Saya telah tanya banyak soalan, dia tidak boleh jawab langsung.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi,

Tuan Jawah Anak Gerang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap Lubok Antu!

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan perkara berkaitan dengan CEDAW. Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka

Tuan Jawah Anak Gerang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Lubok Antu bangun Yang Berhormat. Sila, hendak beri jalan atau tidak kepada dia. Lubok Antu bangun tadi.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Ya.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Pengerusi, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tahu berkenaan dengan minuman keras, apakah rancangan khasnya rancangan dari kementerian beliau untuk mempromosikan minuman keras, khasnya di kawasan luar bandar di Sarawak.

Tuan Pengerusi: Dia telah jawab tadi ini ya. Dia kata sedang dikaji, dia kata pun ada yang baik, ada yang kata begitu ya, sedang dikaji ya, minum tuak pun termasuk juga ya. *[Ketawa]*

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, betul saya telah memberitahu tadi, saya pun sebut tuak kerana Ahli Yang Berhormat dari Bintulu sebut tuak, tetapi kalau mahu betul lagi bukan tuak, 'cap lang kau' Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya. *[Ketawa]*

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, jadi, perkara ini memang telah diminum oleh orang yang suka minum, jadi, perkara ini sedang diperhatikan.

Bagi menjawab perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai CEDAW , saya ingin memberitahu bahawa kerajaan sedang menyediakan laporan pertama yang perlu dikemukakan kepada CEDAW committee sebagai salah satu syarat mengenai undang-undang yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang mendiskriminasikan wanita. Kerajaan khasnya kementerian sedang menjalankan kajian bersama dengan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya untuk mengkaji semua undang-undang yang ada implikasi terhadap wanita. Apabila selesai kajian ini, kementerian akan mengubah satu program yang komprehensif untuk memastikan wanita tidak didiskriminasikan.

Ahli Yang Berhormat juga meminta membuat keputusan, kementerian memang sentiasa peka dengan masalah yang dihadapi oleh wanita dan telah berusaha menaikkan taraf mereka walaupun lapisan daripada United Nation menunjukkan tahap wanita Malaysia telah jatuh dari tahun-tahun ini, ini adalah kerana indicator yang digunakan oleh pihak United Nations terutamanya berkenaan dengan empowerment maksud empowerment terlalu luas dan konsep yang baru bagi wanita di Malaysia. Dalam hal ini kementerian sedang mengambil tindakan untuk menambah bilangan wanita dalam bidang ‘decision

making' terutamanya di peringkat atasan, power sharing pula ditekankan untuk semua lapisan.

Ahli Yang Berhormat dari Mersing telah

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Kota Melaka bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Saya rasa, saya sudah beritahu, tak usah beri jalan.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Ahli Yang Berhormat

Tuan Lim Guan Eng: Satu sahaja tak boleh? Ini berkenaan dengan kebajikan wanita.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Ahli Yang Berhormat dari Mersing telah menyentuh berkenaan dengan kebajikan asrama dibayar lewat. Pada biasanya bayaran tuntutan akan diuruskan dengan secepat mungkin supaya dapat dimanfaatkan oleh penerima. Bantuan termasuk bantuan bayaran asrama, walau bagaimanapun masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat serta cadangan akan diberi perhatian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) supaya proses bayaran sentiasa dibayar kepada murid di Pulau Mersing.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Sedikit sahaja.

Seorang Ahli: Kasihan tengok!

Tuan Pengerusi: Nantilah, berilah dia habiskan ayat dahulu. *[Ketawa]*
Ya, hendak beri jalan atau tidak, Mersing bangun itu Yang Berhormat
Timbalan Menteri?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Ini saya sudah jawab tadi.
Dan lagi Ahli Yang Berhormat dari Mersing juga, mengenai bantuan bagi
pesakit buah pinggang. Peruntukan RM3.7 juta diberikan kepada Yayasan
Kebajikan Negara adalah untuk membantu pesakit buah pinggang miskin untuk
mendapat rawatan bagi tempoh 18 bulan. Tempoh rawatan ini adalah
mencukupi untuk memasukkan pesakit, mendapat pekerjaan dan dapat
membiayai kos rawatan selanjutnya, peruntukan adalah untuk membantu 330
pesakit buah pinggang.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyentuh banyak perkara,
berapakah kakitangan JHEOA, berapakah bilangan kakitangan Orang Asli,
adakah perlu jabatan di‘reshuffle’, tidakkah perlu jabatan dihapuskan.

Yang ketiga, berapakah bilangan sekolah-sekolah Orang Asli dan
bilangan murid, ini nombor tiga, saya tak usah jawab, saya sudah jawab tadi.

Yang nombor satu, jumlah pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal
Orang Asli ialah 1,169 orang dan bilangan pegawai kakitangan Orang Asli di
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli seramai 360 orang.

Yang kedua, buat masa ini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli masih
diperlukan bagi menjaga kepentingan kebajikan serta pembangunan Orang
Asli.

Orang Asli adalah kaum bumiputera, buat masa ini panggilan itu masih digunakan, berapakah jumlah sekolah Orang Asli, inipun saya sudah jawab kerana sekolah ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, mengapa reservation semuanya tidak dibatalkan.

Tuan Pengerusi, perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini serupa dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Jadi, walaupun begitu, perkara ini ada disebut berkenaan dibatalkan ini, saya telah maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi bahawa kita telah ratify CEDAW , tetapi kita telah beberapa reservation artikel 2F, 16B, 16D, 16E, 16H dan artikel 5A, 7B dan 16A membuat reservation secara khusus. Artikel 92 pula dikekalkan tertakluk kepada pindaan terhadap Perlembagaan.

Walau bagaimanapun masih ada reservation yang kita kekalkan kerana bercanggah dengan hukum Syariah.

Dasar prasekolah. Ahli Yang Berhormat yang menyentuh dasar prasekolah. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak bertanggungjawab mengenai dasar prasekolah kerana prasekolah yang lalu memang telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan semasa Akta telah dibentangkan di Dewan ini pada tahun 1996. Belum ada Orang Asli yang menjadi menteri dan timbalan menteri. Kita perlu lebih serius dalam isu ini.

Tuan Pengerusi, setakat ini belum ramai Orang Asli yang aktif dalam bidang politik dan dapat menonjolkan diri untuk dilantik ke jawatan yang sewajarnya. Ini adalah terpulang kepada rakyat dan pemimpin politik menentukannya.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Teluk Intan bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tidak beri jalan, sebab beliau selalu berdiri, saya sudah jawab.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, mengenai Orang Asli, tidak akan mereka menjadi menteri itu. Perkara ini mustahak, kerana

Seorang Ahli: Tak malulah!

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Ahli Yang Berhormat dari Mersing. Oh, ini sudah tadi.

Tuan Pengerusi: Dah, dah sudah itu. *[Ketawa]*

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu menyentuh tentang menyeru Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya mengambil langkah-langkah segera supaya dapat mengurangkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat terhadap Semenanjung dan mengambil tindakan yang sesuai untuk mengeratkan lagi integrasi nasional.

Pihak kementerian sentiasa mengambil berat mengenai konsep integrasi nasional. Kerajaan memang memberi penekanan kepada aspek ini dengan menubuhkan Jawatankuasa Integrasi Nasional yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Selain daripada mengadakan program lawatan integrasi, pihak kementerian juga telah mengadakan program orientasi pegawai Persekutuan yang bertukar ke Sabah. Pada tahun 1997 kementerian ini telah mengadakan program ini sebanyak dua kali, salah satu modul dalam program ini ialah peserta ini dibawa tinggal bersama dengan keluarga angkat mereka di Sabah.

Maklum balas menunjukkan bahawa program ini amat berkesan sekali, malah mereka masih meneruskan hubungan mereka hingga sekarang. Kementerian ini akan mengadakan lebih kerap lagi program-program yang akan mengeratkan lagi integrasi Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, yang akhir ini iaitu menyentuh kenapa lebih kurang 42% peruntukan diagih kepada emolumen. Peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ialah sebanyak RM119.2 juta, oleh itu peruntukan pembangunan adalah juga diberikan perhatian yang tinggi dan khusus untuk membangunkan masyarakat Orang Asli.

Berkenaan dengan tanah yang belum digazet, urusan tanah adalah di bawah bidang kerajaan negeri, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah pun mencadangkan tanah-tanah untuk digazetkan tetapi sedang menunggu tindakan dari kerajaan negeri. Setakat ini lebih kurang 138,000 hektar telah digazetkan

sebagai rizab Orang Asli. Kementerian akan terus dirundingkan dengan kerajaan negeri berkenaan dengan tanah yang belum digazet pada masa ini.

Tuan Pengerusi, ini sahaja penjelasan yang saya dapat beri kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara berkenaan dengan kementerian ini dan mana-mana perkara yang saya tidak dapat menjawab perkara ini akan diambil perhatian oleh kementerian dan tindakan dengan sewajarnya akan diambil kemudian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM234,563,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM234,563,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM46,018,200 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM46,018,200 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.43 [Jadual]
Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas sekarang. Ya, Dungun.

6.30 ptg.

Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof [Dungun]: Tuan Pengerusi, Butiran 020000, 030000 bagi Maksud Bekalan B.43 dan Butiran 03000 dan 03301 bagi Maksud Pembangunan P.43 Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Apa yang hendak saya memperkatakan pada hari ini telah banyak diperkatakan termasuk dalam sesi soal-jawab. Saya ingin memaklumkan isu-isu yang hendak diperkatakan ada kaitan dengan urusan pentadbiran pejabat tanah dan perkara ukur tanah. Walaupun saya masih lagi mengamal bidang ukur tanah, benarkan saya bercakap isu semasa demi kepentingan orang ramai perlu disegerakan oleh kementerian.

Pertama, isu pengeluaran hak milik strata bagi pemilik unit-unit bangunan bertingkat terus menjadi perbincangan semenjak Akta Strata digunapakai. Jawapan-jawapan yang kami terima daripada pihak kementerian tidak memuaskan terhadap kegagalan pejabat tanah bertindak dengan tidak lebih pantas lagi untuk mendaftar hak milik strata. Juruukur tanah dan pemaju perumahan lazimnya menjadi scape-goat, dengan izin, dalam hal-hal ini tetapi kelembapan dan tidak serius tentang kebertanggungjawaban kakitangan pejabat tanah untuk menyelesaikan menangani masalah ini kurang dititikberatkan. Kita

sudah tahu sangat yang urusan tanah adalah di bawah jagaan kerajaan negeri manakala Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi hanyalah sebagai pemantau atau agensi yang menjalankan kerja-kerja monitoring sahaja. Bolehkah Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) berusaha supaya mengurangkan berseminar tetapi menekankan kursus kepada kakitangan pejabat tanah supaya menjadi pakar dan mahir mengurus untuk melulus dan memproses serta mengemaskinikan pengeluaran hak milik strata.

Maklumat yang saya tahu, banyak permohonan hak milik strata tidak dapat diselesaikan atau diproses kerana ketidakcukupan kakitangan yang mahir atau berminat untuk bekerja di cawangan yang dianggap rumit dan susah. Kementerian perlu juga menghukum mana-mana juruukur tanah dan pemaju yang gagal memajukan permohonan hak milik strata. Saya tahu ada juruukur-juruukur yang banyak sangat memiliki kerja dalam tangan dan kekurangan kakitangan hinggalah tidak dapat menyelesaikan kerja-kerja ukur. Kementerian hendaklah mempersoalkan Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia dalam hal ini kerana saya dapati laporan tahunan terakhir Lembaga Juruukur Tanah telah lama tidak diedarkan ke dalam Dewan Rakyat semenjak tahun 1985. Laporan ini perlu juga memasukkan tunggakan kerja oleh setiap juruukur tanah berlesen. Kita tidak mahu ada kalangan juruukur berlesen yang hanya berminat untuk mendapatkan kerja-kerja tetapi tidak berminat menyelesaikan dan melaksanakan tugas.

Bagi pemaju perumahan yang tidak akur kepada kehendak Akta Strata, hendaklah disaman dan dihukum kerana tidak bertanggungjawab kepada pemilik unit yang berharapan tinggi untuk memiliki suratan hak milik. Saya cadangkan mereka ini disenaraihitamkan supaya tidak lagi dibenarkan untuk menjadi pemaju atau terlibat dengan pembinaan pembangunan. Kalau kementerian tidak mahu berhadapan dengan pemaju, serahkanlah sahaja kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Perkara kedua, bilakah kementerian ingin memulakan pendaftaran hak milik berkomputer bagi seluruh negara? Sekarang memanglah susah untuk memperolehi suratan hak milik gantian dengan cara manual setelah suratan hak milik asal hilang. Tanpa hak milik memanglah susah untuk tuan tanah membuat pembangunan ke atas tanah dan urusan jual beli terhadap tanah yang dimiliki. Saya ingin tahu perkembangan sistem pendaftaran tanah berkomputer untuk negeri Terengganu. Maklumat yang saya tahu dan terima ada sedikit masalah antara kontraktor yang patut menjalankan tugas dengan Kerajaan Negeri Terengganu dan saya tahu kontraktor telah lama dilantik oleh Kementerian Kewangan untuk menjalankan tugas. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Serdang.

6.35 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Butiran 020000 Pengurusan dan Perundangan Tanah dan Butiran 030000 Ukur Tanah.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya telah menerima laporan kemajuan ukuran hak milik bagi kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia. Saya ucap terima kasih dan penghargaan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia di mana disiap dan kemukakan laporan berkaitan dengan kemajuan ukuran hak milik tetapi laporan kemajuan ukuran hak milik bagi kampung baru di Semenanjung tidak dapat sempurna kerana masih terdapat negeri Pahang dan Terengganu tidak memberi maklumat-maklumat lengkap yang berkaitan daripada pejabat tanah negeri itu, maka laporan kemajuan ukuran hak milik bagi kampung-kampung baru negeri Pahang dan Terengganu tidak dapat dimaklumkan.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, saya meneliti laporan kemajuan ukuran hak milik bagi kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia, saya dapati laporan yang diberi ini masih belum sempurna lagi. Saya beri satu contoh, seperti di negeri Perak, Kampung Baru Mambang Diawan di mana lot sebanyak 1,654 ukuran tersiap ialah 1,619 lot tetapi masih terdapat 260 lot masih belum diberi hak milik kerana pejabat tanah masih tidak mengemukakan permohonan ukur dan juga terdapat 35 lot ukuran masih belum disiapkan. Ini

satu contoh di mana ukuran hak milik terhadap rumah-rumah kediaman di satu kampung baru masih belum sempurna lagi.

Tuan Pengerusi, juga di negeri Kelantan, maklumat lot tidak diperolehi daripada PTG negeri. Ertinya Kerajaan Negeri Kelantan tidak memberi perhatian khas kepada penduduk di kampung-kampung baru di dalam negeri Kelantan di mana maklumat-maklumat tidak dapat diberi.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini penting kerana melibatkan seramai dua juta rakyat jelata yang mendiami kampung-kampung baru sepanjang masa 50 tahun yang lalu kerana sempadan tapak rumah yang masih belum diukur ertinya akan menjadikan satu tanda tanya. Tidak dapat diukur ertinya hak milik tidak dapat dikeluarkan secara cepat. Masalah telah timbul beberapa pergaduhan antara jiran berkaitan dengan ukuran sempadan yang tidak dapat diukur itu, maka masalah dapat diselesaikan oleh pejabat tanah dan juga jabatan ukur di negeri masing-masing.

Tuan Pengerusi, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah memberi kerjasama penuh untuk memanggil satu mesyuarat di negeri Selangor di mana dapat maklumat lanjut daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor dan juga Pejabat Tanah. Dengan adanya kerjasama dan koordinasi antara pejabat tanah dengan pejabat ukur, maka masalah seperti yang dilanjutkan sebegitu lama yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia akan dapat diselesaikan. Tetapi walau bagaimanapun, saya minta pihak kementerian

akan wujudkan satu jawatankuasa koordinasi di antara negeri supaya jalankan ukur sempadan rumah disegerakan di kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan juga kerana seperti terdapat di rumah saya di Seri Kembangan, saya terpaksa menunggu enam tahun barulah selesai masalah di atas tapak rumah saya sendiri. Walaupun saya sebagai ahli Exco dahulu, sekarang jadi ahli Parlimen tetapi walau bagaimanapun, mungkin ada masalah-masalah teknikal dihadapi oleh jabatan-jabatan tersebut. Maka halangan daripada teknikal itu sepatutnya diselesaikan melalui mesyuarat koordinasi antara jabatan-jabatan. Tanpa kerjasama dan koordinasi antara jabatan di bawah kementerian, saya masih ragu lagi bahawa masalah ukuran hak milik di kawasan kampung baru tidak dapat diselesaikan pada masa akan datang kerana penduduk-penduduk di kampung baru sedang menuju ke abad 21, maka masalah asas untuk penduduk kampung baru sepatutnya diselesaikan sebelum abad 21. Maka saya minta pandangan dan ulasan daripada pihak kementerian cara mana untuk mengatasi kelemahan yang berlaku buat waktu ini untuk dapat satu cara supaya masalah yang dihadapi oleh dua juta rakyat di kawasan kampung baru ini dapat diatasi dengan secepat mungkin. Maka saya harap sebagai seorang penduduk di kampung baru ini dapat penghargaan daripada kementerian untuk mengatasi masalah yang sebegitu serius yang dihadapi buat waktu ini.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh sedikit sebanyak berkaitan dengan strata title. Pada tahun yang lalu kementerian telah memaklumkan ke Dewan ini bahawa kementerian akan mengubah undang-undang bangunan dan harta bersama dan juga wujudnya jawatan pesuruhjaya bangunan (commissioner of building) bagi maksud mengawalseliakan penyelenggaraan dan pengusahaan bangunan berbilang tingkat. Setelah satu tahun sahaja tahu sama ada undang-undang tersebut dapat digubal atau tidak. Saya minta penjelasan daripada kementerian di mana dengan adanya undang-undang yang dikatakan itu mungkin akan memberi satu manfaat kepada penduduk-penduduk di bangunan berbilang tingkat.

Tuan Pengerusi, saya juga dapat tahu bahawa kelambatan untuk mengeluarkan surat hak milik strata di kawasan-kawasan di negeri, saya nampak bahawa usaha sedang dijalankan daripada kementerian hanya tumpukan kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja kerana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus di bawah kementerian, tetapi negeri-negeri lain seperti Selangor yang sedang menghadapi masalah kelemahan atau kelambatan untuk mengeluarkan surat hak milik strata title sepanjang masa ini. Saya juga difahamkan bahawa beberapa agensi kerajaan terlibat sama. Apa sebab agensi kerajaan tidak mengikut peraturan atau akta yang tertentu supaya mempercepatkan untuk mengeluarkan surat hak milik kepada penghuni-penghuni, mana agensi kerajaan itu? Adakah termasuk Perbadanan Kemajuan

Negeri Selangor (PKNS) atau agensi-agensi lain di mana masih belum mengeluarkan surat hak milik strata title di kawasan-kawasan tertentu.

Tuan Pengerusi, ini penting kerana pengurusan perbadanan tidak dapat ditubuhkan kalau surat hak milik strata title tidak dapat diselesaikan. Masalah timbul mass media telah melaporkan setiap kali kerana pergaduhan antara pemaju dengan penduduk-penduduk atas bayaran maintenance fee. Penduduk mengatakan, 'saya bayar tetapi pemaju tidak selenggarakan di mana sampah sarap tidak dibersihkan'. Jadi tidak ada satu koordinasi di mana dijadikan isu di antara pemaju dengan penduduk dan bilakah masalah dapat diselesaikan? Adakah undang-undang seperti Undang-undang Bangunan dan Hak Harta Bersama atau jawatan pesuruhjaya bangunan dapat diwujudkan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, kalau ikut Akta Hak Milik Strata di mana kalau wujudnya perbadanan pengurusan itu, siapakah akan berkuasa untuk kutipan bayaran tersebut daripada penghuni-penghuni itu. Adakah legal implication, adakah ikut peraturan undang-undang? Adakah undang-undang boleh memaksa, katakan you tak beri maintenance fee itu mesti didenda. Kalau tidak ada peraturan demikian, macam mana untuk kutip wang yang dicadangkan oleh perbadanan pengurusan tersebut. Maka mungkin itulah kecacatan atau kelemahan masih terdapat di dalam perbadanan pengurusan yang akan diwujudkan di bawah Akta Hak Milik Strata. Maka sebab itulah saya minta

pindaan perlu dikaji untuk mengatasi masalah yang akan dihadapi oleh penduduk-penduduk semasa menubuhkan perbadanan pengurusan tersebut.

Tuan Pengerusi, maka itu penting kerana masalah ini sentiasa disiarkan dalam surat khabar. Saya minta kementerian tumpukan masa kepada negeri-negeri seperti negeri Selangor yang terdapat banyak bangunan berbilang tingkat. Sebab kalau apartment atau local flats itu tidak dapat diatasi masalah surat hak milik strata, maka masalah masih berterusan. Maka saya harap koordinasi daripada kementerian untuk memberi surat pekeliling kepada PTG-PTG negeri-negeri untuk tubuhkan satu unit koordinasi antara pejabat tanah, pemaju, jabatan ukur untuk mempercepatkan proses permohonan strata title.

Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat dari Dungun di mana kalau pemaju enggan buat permohonan untuk menunaikan tugas atau social obligation itu, maka apa salahnya caj di bawah Akta Strata itu di mana boleh didenda RM5,000 atau setiap hari RM1,000 tetapi sehingga hari ini tidak nampak sebarang pemaju yang enggan dicaj di mahkamah melalui akta tersebut. Maka dengan demikian, penduduk-penduduk atau penghuni-penghuni di bangunan berbilang tingkat itu sah kerana kementerian tidak akan ikut peraturan yang tertentu untuk mengatasi masalah tersebut kerana pemaju enggan berbuat demikian. Jadi, saya minta kementerian mengambil tindakan yang tegas ikut Akta Hak Milik Strata untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi oleh penghuni-penghuni yang tinggal di bangunan berbilang tingkat tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Bagan.

6.47 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, Butiran 050000 Pembangunan Koperasi. Saya suka membawa pengaduan yang saya terima dari dua orang yang terlibat dalam skandal ini di mana mereka mengadu cara membuat bisnes oleh koperasi.

Dalam hal ini saya percaya ada ramai kakitangan kerajaan atau agensi kerajaan khususnya mereka di peringkat bawah oleh kerana mereka kekurangan pengetahuan dan pendidikan dan juga mereka tamak kepada pendapatan dalam masa yang singkat, maka mereka menerima tawaran oleh koperasi-koperasi ini tetapi mereka perlu memikul beban dan sengsara selama empat tahun. Mereka tidak dapat dilepaskan dari beban dan sengsara kerana terikat kepada surat janji.

Tuan Pengerusi, saya memberi butir-butir seperti yang saya ada terima. Koperasi Pengguna Malaysia Berhad iaitu sebuah koperasi di mana ia juga ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Saya namakan ia sebagai pihak pertama dan juga orang yang terlibat atau peminjam Abdul Kadir bin Mohd. Nor, pihak yang kedua. Dalam satu surat perjanjian dinamakan jualan kredit di mana pihak kedua perlu dikatakan kena membeli perabot, iaitu pertama, ruang tamu - dalam surat purchase order ada tercatat sedemikian - ruang tamu SML A 211 (model), ruang tamu, ruang makan dan kamar tidur. Harga barang jualan ialah RM8,662. Peminjam ini (pihak kedua)

perlu membayar dengan bayaran ansuran RM180.46 mulai 6 Mac tahun ini buat selama 48 bulan dan bayaran ansuran ini ialah melalui potongan gaji oleh BPA dan beliau juga perlu mendapat dua orang penjamin.

Tuan Pengerusi, sebenarnya nampaknya ia seperti satu transaksi atau satu bisnes yang biasa tetapi yang hairannya ialah beliau langsung tidak menerima perabot ini. Beliau sebenarnya dapat wang tunai lebih kurang RM2,500 dan tidak mendapat perabot ini, tetapi macam mana cara koperasi ini membuat bisnes sehingga membuat satu surat perjanjian jual beli di mana pihak ini kena membeli perabot tetapi perabot tidak diberi, cuma diberi wang tunai dan wang tunai ini dikredit kepada akaun beliau. Ini yang pertama.

Yang kedua, Yayasan Kobena Berhad juga membuat bisnes serupa demikian dan pihak kedua ialah Abdullah bin Ismail. Beliau juga dikatakan kena beli perabot lounge set, display cabinet, bedroom set dan kitchen set, harganya RM10,979, bayaran ansuran RM228.72 sebulan dan potong gaji mulai 28 Februari tahun ini sehingga 30 Januari 2001 selama 47 bulan. Beliau diberi wang tunai RM3,507 dan amaun ini dikredit kepada akaun beliau.

Di sini timbullah masalah bagaimana koperasi-koperasi ini boleh membuat bisnes sedemikian. Adakah mereka menjalankan perniagaan mereka secara etika. Saya menyeru kementerian Yang Berhormat menjalankan satu penyiasatan ke atas kedua-dua koperasi ini kerana saya percaya perkara ini bukan berlaku di Butterworth iaitu kedua-dua peminjam ini adalah pekerja Majlis Perbandaran Seberang Perai, jawatan mereka adalah pengutip sampah,

mencuci jalan dan longkang. Itulah sebabnya saya menyebutkan mereka sebagai pekerja di peringkat bawah, mereka kurang pengetahuan, kurang pendidikan dan mereka tertipu dalam hal ini.

Berkenaan dengan hal ini saya telah pergi berjumpa dengan Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai, saya bertanya kepada beliau mengapa kerajaan tempatan boleh melayan koperasi ini untuk memotong gaji mereka dan dibayar kepada koperasi ini. Mereka berkata akan menyemak perkara ini tetapi sehingga sekarang, telah dua bulan lebih, belum ada apa-apa berita.

Tuan Pengerusi, saya berharap kerajaan boleh mengarahkan agensi-agensi kerajaan atau ANGKASA, BPA memberhentikan potongan gaji supaya dibayar kepada koperasi ini. Kalau mereka dapat memberhentikan potongan gaji, mungkin satu perbincangan akan diadakan dalam mahkamah dan peminjam ini mungkin akan didakwa oleh koperasi ini dan biarlah mereka membongkarkan segala ini dalam mahkamah. Kalau boleh, kerajaan memberi pertolongan guaman kepada peminjam ini supaya mereka dapat bertanding dalam perbincangan di mahkamah.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentu Butiran 020000 Pengurusan dan Perundangan Tanah. Saya dapat tahu bahawa pembaharuan tempoh geran untuk kampung-kampung baru, tempoh yang diberi dalam geran baru adalah berbeza-beza dari satu negeri ke satu negeri. Misalannya di Perak 33 tahun, Selangor 99 tahun, Negeri Sembilan 99 tahun, Melaka 66 tahun dan Pulau Pinang 66 tahun. Bukankah semua negeri ini adalah di tanah Malaysia?

Bukankah semua ini adalah di bawah satu kementerian di mana Kerajaan Pusat ada mengawal bagaimana kerajaan-kerajaan negeri berasing-asing boleh menetapkan satu tempoh untuk geran baru iaitu ada 33 tahun, ada 66 tahun dan ada 99 tahun. Dan juga bagaimana kerajaan negeri mengambil kira dengan premium untuk membaharui geran ini? Misalannya di Seberang Perai iaitu di Tasek Gelugor, satu lot semuanya dua ekar, mereka perlu membayar lebih kurang RM67,000 tetapi selepas beberapa kali membuat rayuan melalui beberapa usaha dan langkah, bayaran telah dikurangkan sampai RM23,000 untuk dua ekar dan mereka diberi pajakan 66 tahun.

Tuan Pengerusi, satu hal juga yang terakhir berkenaan dengan tanah-tanah yang telah dihakis oleh laut di pantai. Di Seberang Perai kerana pantainya agak panjang di persekitaran dan berlakunya hakisan laut. Selepas berlakunya hakisan laut, tanah telah dihakis dan menjadi kecil dan pihak PTG telah pergi mengukur tanah-tanah yang telah dihakis dan mereka telah memberi satu geran yang baru untuk menggantikan yang lama. Geran yang baru menunjukkan satu saiz atau area yang lebih kecil dari asalnya. Ini berlaku selepas beberapa tahun, pantai itu timbul balik kerana arus yang bertukar-tukar. Selepas timbul balik, saya hendak bertanya di sini bolehkah tuan punya tanah menuntut balik tanah yang telah dihakis dan telah dipotong dari geran dan diganti dengan geran baru, sama ada beliau ada hak untuk menuntut balik.

Dalam hal ini, bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada kerajaan akan memihak (favourable) kepada permohonan ini. Sekiranya ia

positif, macam mana kira premiumnya kerana tanah ini asalnya kepunyaan tuan tanah yang memohon dan sekarang ia dihakis, dipotongkan dengan percuma tanpa membayar apa-apa kepada tuan tanah, sekarang dia timbul balik dan dia hendak menuntut balik. Bolehkah Yang Berhormat membuat satu pertimbangan supaya premium yang dikenakan itu adalah minimum. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Mersing.

7.00 mlm.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang hendak saya sentuh dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Pertamanya, Maksud B.43, Butiran 060000 Dasar Baru, Program/Aktiviti 060100 Penyelenggaraan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah mengambil langkah ini kerana saya merasakan masanya sudah sampai bagi pihak kerajaan mengkomputerkan rekod-rekod di pejabat tanah ini. Dengan adanya cara sedemikian, ini akan memudahkan rakyat ataupun pihak pentadbiran sendiri untuk mengagihkan tanah yang dimohon oleh rakyat. Sebab saya kira kadang-kadang dengan adanya ini juga kita mendapat detect mereka yang sudah sedia ada tanah tetapi masih lagi hendak memohon tanah-tanah kerajaan. Jadi, dengan adanya sistem macam ini perkara yang sedemikian kalau kita tidak dapat hapuskan, sekurang-kurangnya kita dapat kurangkan dari berlaku.

Satu lagi berkenaan dengan tanah juga, Tuan Pengerusi, saya lihat ada tanah di kampung macam di tempat saya juga, kawasannya besar juga, di tengah-tengah kampung, tetapi tanah ini tidak dikerjakan, penuh dengan semak samun, dia jadi tempat penghidupan binatang dan juga tempat penagih dadah untuk menagih dadah. Jadi, walaupun perkara ini dalam purview kerajaan negeri, saya berharap pihak kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengarahkan pemilik tanah ini supaya membersihkan tanah-tanah tersebut, jangan dibiarkan macam itu. Saya banyak kali terima komplek ini dan saya bawakan kepada mesyuarat pembangunan daerah tetapi tidak banyak tindakan yang telah diambil oleh pejabat tanah. Jadi, saya harap mudah-mudahan dengan cara ini dapat pihak kementerian ambil perhatian tentang perkara ini.

Satu lagi saya ingin sentuh Butiran 04400 Jabatan Pembangunan Koperasi. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat di daerah kita dapati banyak koperasi ini. Kalau di tempat saya koperasi RISDA, Kop Mesra dan macam-macam lagi koperasi. Saya bukannya menentang atau tidak bersetuju dengan penubuhan koperasi ini, saya faham dengan konsep dan matlamat koperasi, tetapi masalahnya kalau terlalu banyak sangat koperasi ini diwujudkan sedangkan kadang-kadang orang itu juga. Apabila banyak sangat, mereka bersaing sesama sendiri. Adalah lebih baik kita tidak mempunyai terlalu banyak koperasi. Kalau kita ada 10, mungkin kita ada 3 sahaja tetapi koperasi yang 3 ini betul-betul wujud dan dapat membantu ahli-ahlinya daripada terlalu banyak. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya lebih berhati-hati sebelum meluluskan permohonan untuk mewujudkan koperasi ini. Jadi dengan adanya sedikit bilangan koperasi, kita dapat mobilise resource mereka dan inilah sebenarnya yang menjadi harapan ahli-ahli koperasi.

Seterusnya saya ingin beralih kepada Butiran 04606 - Bekalan Elektrik. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih

kepada pihak kementerian yang telah menyediakan peruntukan, kalau tidak silap saya sebanyak RM4.5 juta, berkongsi dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menyediakan bekalan elektrik di kawasan rancangan FELDA Tenggaroh di Mersing. Walaupun sudah disediakan bekalan elektrik tetapi ada masalah dan saya tidak akan membincangkan masalah ini, kerana ia tidak berkaitan dengan kementerian ini. Jadi saya akan membincangkan masalah-masalah dalam Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya hanya hendak merakamkan ucapan terima kasih, itu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Butiran 04605 - Kemudahan Sosial. Baru-baru ini saya pergi ke FELDA Tenggaroh di Mersing dan saya diberitahu oleh pihak KEMAS, dia beritahu saya pihak KEMAS sebenarnya boleh mengganti atau membina bangunan Tadika. Peruntukan memang ada, tetapi masalahnya ialah tanah, sebab kalau pihak KEMAS bersetuju untuk menyalurkan peruntukan untuk membina bangunan Tadika ini, maka sudah tentulah pihak KEMAS hendakkan right over the land.

Saya berharap pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dapat berunding dengan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang menjaga KEMAS ini supaya mana-mana juga kelas Tadika yang keadaannya begitu uzur dapat diganti dengan bangunan baru.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kota Melaka.

7.07 mlm.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B.43, Butiran 020000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah.

Saya ingin bertanya sama ada adalah menjadi dasar untuk pihak kementerian menggalakkan pejabat-pejabat tanah untuk mengutip lesen yang dipanggil Lesen Ruang Udara sebagai papan iklan perniagaan oleh pejabat tanah. Dalam perkara ini saya ingin merujuk kepada sepucuk surat daripada Pejabat Tanah Daerah Melaka Tengah bertarikh 24 April 1997 yang memberikan amaran kepada peniaga-peniaga di daerah Melaka Tengah kerana telah menggunakan ruang udara di atas tanah kerajaan untuk papan tanda iklan perniagaan.

Mengikut Pejabat Tanah penggunaan ruang udara di atas ataupun tanah rizab kerajaan untuk papan tanda iklan perniagaan tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa negeri merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 75(a) Kanun Tanah Negara 1965. Tanah atau tanah rizab kerajaan boleh dianggap merangkumi kaki lima, longkang dan jalan raya. Ini bermakna semua papan tanda yang memakan ruang udara di tempat itu akan dipaksa memohon membuat bayaran lesen ruang udara.

Hampir semua perniagaan di Melaka Tengah akan terjejas oleh peraturan baru ini. Mengikut surat yang dikeluarkan peniaga-peniaga dikenakan membuat cadangan rasmi dengan bayaran RM40 dan bayaran pelan tapak sebanyak RM13 selain daripada lesen ruang udara sekurang-kurangnya

RM80 setahun. Selagi peniaga tidak memohon kebenaran daripada Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah akan diambil tindakan penguatkuasaan ke atas papan tanda tersebut di bawah Seksyen 425(a) Kanun Tanah Negara 1965 yang boleh membawa hukuman RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Saya rasa ini adalah sungguh mengejutkan dan pada masa yang sama amat aneh berdasarkan empat sebab berikut:

Pertama, apakah logik dan rasional untuk mengenakan lesen ruang udara? Adalah difahamkan tidak ada satu negeri atau mungkin ada negeri lain yang mengenakan lesen ruang udara ini. Tujuan sebenarnya Seksyen 75(a) boleh dianggap untuk membolehkan kerajaan negeri mendapat bayaran lesen untuk papan tanda yang didirikan di atas tanah kerajaan mereka, bukannya semuanya papan tanda yang memakan sedikit longkang atau kaki lima.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri faham sedikit apa ertinya lesen ruang udara, kalau papan tanda sebuah syarikat yang lebih tebal kerana ia ada lampu untuk menyinarikan iklan papan tanda pada waktu malam, ia akan memakan sedikit kawasan longkang. Ini akan dianggap sebagai makan ruang tanah kerajaan dan kerana makan ruang udara tanah kerajaan kena bayar lesen. Saya rasa ini amat luar biasa sekali dan satu peraturan yang baru dikenakan di Melaka dan semua akan kena, kerana makan sedikit tiga inci atau empat inci longkang boleh dianggap sudah memakan ruang udara tanah kerajaan. Tetapi apakah logiknya perkhidmatan yang diberikan oleh pejabat tanah ke atas peniaga-peniaga, kerana semua ini di bawah Majlis Perbandaran tidak ada

kena-mengena dengan pejabat tanah. Oleh itu, saya harap perkara ini haruslah diambil pertimbangan.

Kedua, sebab mengapa dia tidak adil, tidak harus dilaksanakan ialah apakah faedah yang akan diperolehi oleh peniaga daripada bayaran lesen ruang udara ini. Sehingga sekarang saya tidak lihat sebarang faedah kepada peniaga dengan membayar lesen ruang udara. Pejabat tanah hanya akan mendapat pendapatan percuma atau gaji buta tanpa memberi perkhidmatan dan pulangan kepada peniaga.

Ketiga, Seksyen 75(a) memberikan kuasa budibicara kepada kerajaan negeri untuk mengutip iklan ruang udara dan ia tidak dimestikan. Itulah sebabnya kerajaan negeri tidak memaksa kapal terbang-kapal terbang atau helikopter membayar lesen ruang udara kerana menggunakan ruang udara di atas tanah kerajaan. Kalau kerajaan negeri dimestikan mengutip bayaran lesen ruang udara, syarikat penerbangan seperti MAS akan kena juga, tetapi tidak pula dikenakan berbuat demikian. Kalau kita hendak lanjutkan logik ruang udara, makan sedikit ruang udara kerana melepasi tanah kerajaan, maka semua kapal terbang, semua helikopter, kalau mereka terbang ke atas tanah kerajaan telah menggunakan ruang udara kerajaan mereka pun kena bayar lesen ruang udara. Mengapa kapal terbang tidak kena? Jangan cakap MAS, penerbangan awam, macam kapal terbang-kapal terbang pejuang daripada Singapura pun tidak kena apabila mereka menggunakan ruang udara Malaysia - percuma, tetapi peniaga-peniaga Malaysia yang berwarganegara Malaysia kena - orang

asing tidak kena. Ini seperti Yang Berhormat dari Kepong suka menggunakan perkataan 'songsang dan songsong'.

Keempat, Seksyen 75(a) mestilah dilaksanakan dengan adil dan saksama, bukanlah secara pilih kasih dan double standard. Kalau Seksyen 75(a) ini dilaksanakan dengan adil, tidak seperti yang saya katakan, bukan sahaja MAS yang mesti membuat pembayaran, kapal terbang dan jet tentera dari Singapura pun mesti dikenakan - tetapi tidak kena langsung. Oleh sebab itu, saya harap Yang Berhormat bolehlah mengkaji perkara ini dan mengarahkan supaya peruntukan ini tidak disalahgunakan - tidak disalahgunakan dengan membolehkan Pejabat Tanah mengutip pendapatan yang lebih tanpa memberikan sebarang perkhidmatan kepada peniaga.

Kita sekarang hendak menggunakan system user pay iaitu pengguna mesti membayar, tetapi kalau sesuatu perkhidmatan tidak digunakan oleh pengguna, mengapa mereka mesti membayar? Inilah yang diamalkan oleh Pejabat Tanah dan saya rasa amatlah tidak adil.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk mengenai penyelarasan yang harus dibuat ke atas permohonan tanah. Sungguhpun di antara satu negeri dengan negeri yang lain saya rasa berbeza, tetapi untuk efficiency ia haruslah disatukan. Ia haruslah diintegrasikan supaya kita ada satu sistem yang konsisten, yang selaras dengan prinsip efficiency dan juga keberkesanan. Kalau kita mempunyai sistem yang berbeza-beza di antara satu negeri dengan

negeri yang lain, saya rasa ini akan menyulitkan dan menyukarkan pembangunan.

Di sini saya amat kesal bahawa beberapa negeri tidak berjaya memenuhi janji yang dibuat oleh bekas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam pilihan raya besar tahun 1995 bahawa semua kampung baru di mana geran tanah mereka yang telah luput akan diperbaharui secara automatik, kerana di sini masih banyak aduan bahawa ia tidak dibuat sedemikian.

Saya harap pada masa yang sama bahawa pihak kerajaan pusat boleh mengeluarkan arahan pada kerajaan negeri supaya pembaharuan ini dibuat selama 99 tahun, bukan sepertimana yang dibuat dalam negeri Perak yang paling teruk sekali iaitu 33 tahun. Di negeri Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri hanya 66 tahun, di Melaka pun 66 tahun, hanya di Negeri Sembilan dan Selangor mereka memenuhi janji yang dibuat iaitu selama 66 tahun. Apa gunanya penduduk kampung baru menyokong parti Gerakan kalau janji yang mereka buat tidak dipenuhi. Saya rasa ini menunjukkan Gerakan betul-betul sebuah parti yang temberangkan rakyat. Itulah sebabnya dalam pilihanraya kecil di Sungai Bakap, nyaris-nyaris menerima padah, sungguhpun tidak menerima padah, tetapi sekurang-kurangnya prestasi yang ditunjukkan oleh parti DAP dalam kawasan yang tidak ada harapan langsung amat menggalakkan. Yang Berhormat tidak boleh nafikan bahawa ini merupakan satu kekalahan bukan sahaja kepada Gerakan tetapi kekalahan

daripada Yang Berhormat sendiri sebagai pengarah pilihanraya kecil Sungai Bakap. Sungguhpun....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Sungguhpun cuba mengalihkan perhatian dalam perkara ini.

Saya ada dua perkara sahaja yang pendek. Satu ialah tentang penyalahgunaan kuasa oleh pihak kerajaan negeri semasa mengambil tanah.

Di sini saya ingin bertanya apakah tindakan yang diambil ke atas kerajaan negeri, sungguhpun pengambilan tanah dibekukan selepas April 1996, tetapi mereka masih terus mengambil tanah untuk tujuan swasta dan ini ada berlaku. Saya harap bahawa pihak kerajaan boleh membetulkan perkara ini kerana ada banyak kes pengambilan tanah di Melaka berlaku sedemikian. Sebagai contoh di Simpang Empat Melaka tanah diambil kononnya untuk pembinaan rumah kos rendah, tetapi apabila ia disiasat tidak ada projek rumah kos rendah pun, hanya projek komersial.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa sudah lebih.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, sedikit sahaja. Saya hendak habiskan sedikit. Minta maaf, kerana tidak berapa banyak saya hendak berucap. Oleh

sebab itu saya berharap perkara ini boleh dibetulkan, di mana penyalahgunaan sering dibuat.

Tuan Pengerusi mengenai koperasi, saya telah membawakan beberapa isu tentang koperasi NLFCS iaitu tentang penjualan saham-saham Metrod dan juga beberapa koperasi lain, saya harap pihak kementerian boleh memberikan jawapan. Bagaimanakah kedudukan 24 buah koperasi yang dibekukan pada tahun 1986, bagaimanakah kedudukan mereka sekarang khususnya adakah pihak kementerian akan meluluskan permohonan KSM untuk dipulihkan semula. Adakah pemulihan ini dibuat kerana ada sangkut-paut dengan kepentingan sebuah parti politik dalam Barisan Nasional? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tuan Haji Mustafa bin Muda.

7.18 mlm.

Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap dalam Butiran 020000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah. Yang kedua Butiran 040000 - Pemetaan.

Tuan Pengerusi, seperti yang kita sedia maklum tanah adalah satu-satunya harta yang paling bernilai dalam kehidupan manusia. Jadi penggunaan tanah harus dan wajarlah diperkemas ataupun diperketatkan supaya penggunaan tanah tidak boleh sewenang-wenangnya diselewengkan dan boleh menjejaskan terutama kehidupan manusia.

Sehubungan dengan ini bila kita melihat keadaan negara kita sekarang sedang dicengkam dengan keadaan ekonomi dan nilai Ringgit yang menurun, maka kerajaan telah menyedari supaya import bahan-bahan pertanian hendaklah kita kurangkan supaya aliran keluar wang negara kita tidak terjejas. Tetapi bila kita melihat cara penggunaan tanah di seluruh negara, kalau dahulunya kita lihat tanah kawasan jelapang padi sekarang ini telah bertukar corak daripada tanah pembangunan perumahan, perindustrian dan tanah-tanah kecil di luar-luar bandar yang dahulunya ditanam dengan sayur, ditanam dengan buah-buahan, dicantum menjadi ladang tanaman kelapa sawit dan sebagainya. Jadi, dengan keadaan yang demikian saya ingin bertanya pada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi adakah kerajaan mengenakan atau memperketatkan syarat pertukaran jenis-jenis tanaman, kerana kalau tidak dikawal dengan rapi, bila kita melihat keadaan keghairahan masyarakat, bila datangnya kelapa sawit harganya tinggi, maka mereka pun mengalih tanaman yang asalnya tanaman padi, buah-buahan ataupun tanaman-tanaman pertanian yang lain, ditukar dengan tanaman kelapa sawit. Di sini nampaklah ada percanggahan dengan usaha Kementerian Pertanian yang sekarang ini Kementerian Pertanian memperhebatkan untuk mengeluarkan hasil pertanian terutama sekali bahan makanan.

Saya mengharapkan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya menyelidiki dan mengkaji dengan sehalusnyanya dan kalau boleh mendapat kerjasama kerajaan negeri supaya menentukan penggunaan tanah

tidak boleh diubah dengan sewenang-wenangnya demi untuk masa depan negara kita.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai soal pengukuran tanah. Saya merujuk kepada satu laporan akhbar dalam bulan Jun 1997 yakni mengenai penghakisan pantai di seluruh negara ini. Kalau mengikut kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Nahrin, seluas 4,800 kilometer kawasan pantai di seluruh negara terhakis lebih kurang 29%. Jadi ini menunjukkan saiz negara kita telah begitu kecil dan mungkin kita tidak tahu berapa jumlah sebenarnya. Kalaulah kita katakan pengukuran asalnya saiz negara kita sekian kilometer, dalam tempoh 20 tahun atau 40 tahun dahulu, oleh kerana iklim dan perubahan alam, maka fenomena tentang hakisan ini tetap akan berlaku dan ini menunjukkan bahawa 74 buah pantai di seluruh negara kita, terutama sekali di sebelah kawasan timur Semenanjung telah terhakis paling teruk. Umpamanya seperti Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu ataupun Pantai Cahaya Bulan di Kelantan, kalau dahulunya sebuah bangunan yang dikenali sebagai Primula Hotel ataupun sekarang ini dipanggil Primula Park Royal, saya masih pasti bangunan ini jauh daripada pantai lebih kurang hampir satu batu, tetapi sekarang ini jaraknya tidak sampai entah berapa ela, hakisan itu berlaku dan dijangka mungkin dalam tempoh 10 tahun akan datang bangunan ini akan runtuh atau dialih lari daripada ombak dan hakisan. Apakah langkah kementerian dalam soal ini dan apakah cara dan bentuk hendak mengawal keadaan, kalau kita kata hendak tambun, hendak

menambak pantai, saya rasa tidak mampu kalau kita hendak tambak pantai ini dan hendak meruntuh bukit pula. Ini akan menukar wajah alam dan boleh menjejaskan kedudukan negara kita, mungkin akan terjadi pencemaran, akan berlaku banjir dan sebagainya. Oleh sebab itu saya mencadangkan kepada kementerian supaya mengukur semula pantai di Semenanjung Malaysia kita ini berapa jarak sebenarnya, saiz negara kita. Ini bertepatan dengan perancangan pembangunan untuk masa depan negara kita terutama sekali dari segi penggunaan tanah, supaya kita dapat melihat dengan pertumbuhan penduduk pada masa 20 tahun atau 30 tahun akan datang ini mungkin akan menjangkau sampai 30 juta dan kawasan tanah saiznya semakin kecil. Maka apakah langkah kerajaan khususnya kementerian untuk meneliti soal ini, supaya kita ada perancangan jangka panjang untuk memperlihatkan dari segi penggunaan tanah, meruntuh bukit, menukar corak tanaman dan sebagainya. Ini adalah suatu hal yang paling penting supaya masalah kehidupan rakyat di negara kita pada masa akan datang ini akan lebih selesa dan tidak menjejaskan kehidupan dari segi pertanian dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan, selepas ini kementerian diminta menjawab.

7.27 mlm.

Tuan M. Kulaseragan [Teluk Intan]: Tuan Pengerusi, saya hendak mulakan ucapan dengan menyentuh mengenai hak milik strata. Berapa

banyakkah hak milik strata yang belum dikeluarkan di negara ini dan apakah sebab-sebab yang tertentu, yang membawa masalah ini? Adakah ini kerana kekurangan kakitangan kementerian atau kakitangan yang tidak berkelayakan atau tidak cukup (apparatus) untuk membuat dan mengendalikan hak milik strata.

Selain dari itu saya juga ada menerima aduan bahawa bila sesebuah kondominium dijual, oleh kerana tidak ada hak milik, ia dijual dengan loan cum agreement dan sebagainya. Jadi syarikat atau pemaju yang mengendalikan perkara ini, bila pembeli ingin membeli kondominium dan ingin mendapat pinjaman (loan) dari bank dan pihak bank perlu mengatakan bahawa persetujuan dari pemaju perlu sebelum peminjam dapat diberi pinjaman. Masalahnya ialah di mana beberapa kes yang telah datang kepada saya sendiri, iaitu pemaju-pemaju dengan sengaja atau tidak sengaja melambat-lambatkan memberi kebenaran mereka dalam agreement yang perlu dibuat, persetujuan mereka perlu sebelum peminjam dari bank dapat diberi. Jadi, dalam keadaan ini adakah kerajaan ingin menggubal apa-apa undang-undang untuk memastikan perkara ini tidak dilambat-lambatkan oleh pemaju-pemaju. Oleh kerana menggubal undang-undang adalah perlu kerana pemaju-pemaju bukan sahaja mengenakan management fee di satu kes yang saya sendiri ketahui ada sehingga RM500, RM750, RM1,000. Masalahnya ialah bila pemaju melambat-lambatkan memberi kebenaran mereka, hak tempoh untuk membeli dan mendapat pinjaman dari bank luput dan selepas itu oleh kerana masa telah

luput, pembeli terpaksa membayar faedah kepada penjual kondominium tersebut. Jadi, dalam keadaan ini adakah kerajaan ingin menggubal apa-apa undang-undang supaya dapat mengontrol perkara seperti ini tidak terjadi. Jika tidak, apakah cadangan kerajaan untuk mengatasi masalah ini, kerana jikalau kita ada strata title yang telah dikeluarkan masalah ini tidak akan wujud, kerana kebenaran pemaju tidak perlu. Inilah masalah yang dihadapi oleh kebanyakan orang di negara ini bila membeli harta kondominium.

Selain dari itu, saya ingin juga bertanya kepada Timbalan Menteri bilakah undang-undang yang dikatakan sebelum ini oleh Yang Berhormat Menteri bahawa bila sesuatu caveat telah dilodge dengan kebenaran land office, iaitu tidak membolehkan menghantar title yang besar itu kepada the mother title dengan kebenaran untuk di'subdivide'kan supaya strata title dapat dikeluarkan.

Saya difahamkan sebenarnya Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa satu undang-undang mengenai perkara ini akan dibawa ke Dewan yang mulia ini sebelum akhir tahun ini, tetapi pada pengetahuan saya perkara ini belum terjadi. Adakah undang-undang ini akan dibawa untuk dibahaskan di Dewan ini dengan seberapa segera yang boleh supaya masalah pembeli-pembeli kondominium atau pihak-pihak yang tidak ada strata title yang seperti Timbalan Menteri telah mengatakan tolong beritahu kepada kami mengenai pemaju-pemaju yang tidak membuat permohonan. Masalahnya adalah:

Pertama, pihak pembeli selalunya tidak menghiraukan ada atau tidak pemaju telah menghantar atau membuat permohonan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapat strata title. Yang mustahak adalah pemaju-pemaju walaupun ada undang-undang yang tertentu, yang mengatakan bahawa akan dikenakan dengan denda. Tetapi saya berpendapat denda-denda yang mereka akan kenakan itu tidak berapa efektif.

Saya ingin mencadangkan bahawa jikalau ada apa-apa denda, saya cadangkan bukan terhadap syarikat, tetapi personal liability of the director. Misalnya apabila mengutip wang EPF dan bila pencarum tidak dibayar oleh majikan, bukan tindakan diambil terhadap syarikat, tetapi terhadap pemilik syarikat (personal liability). Jadi, apabila kita menggubal atau meminda Strata Title Act ini, ia akan membawa lebih efektif kerana pihak individu akan merasai kepentingan perlu diberi kepada pembeli-pembeli kondominium supaya strata title dapat dikeluarkan dengan seberapa yang boleh.

Saya harap kerajaan akan memikirkan perkara ini dengan serius, kerana masalah seperti ini jika diabaikan akan menjadi satu masalah yang rumit, bukan sahaja di Kuala Lumpur, tetapi perkara ini juga bukan luar biasa di negeri Perak. Ada juga berlaku di pekan Bercham iaitu flat-flat dan kondominium tidak dikeluarkan strata title sehingga 10 tahun. Perkara ini telah dibangkitkan di Dewan Undangan Negeri Perak dan seperti biasa jawapan dari kerajaan - kita akan mengambil tindakan. Jadi, siapa yang akan menghadapi masalah ini?

Yang akan menghadapi masalah adalah penghuni-penghuni, pembeli-pembeli kondominium, flat yang tidak ada strata title.

Baru-baru ini saya ada mengadakan perbincangan dengan beberapa orang di Bercham Ipoh. Saya hairan oleh kerana mereka sudah membeli harta ini lebih dari 10 tahun, bila mereka hendak menjual, pembeli-pembeli yang ingin membeli pun tidak boleh membeli kerana tidak ada strata title.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat masa cukup ya.

Tuan M. Kulasegaran: Lagi satu isu sahaja. Sebelum saya habis, saya ingin juga menyentuh mengenai peneroka luar bandar. Adakah kerajaan akan menggubal satu polisi mengenai peneroka luar bandar yang telah ketinggalan, yang tidak diberi kepentingan, tidak dimustahakkan hanya bila ada pilihan raya atau pilihan raya kecil, selepas itu dilupakan. Adakah kerajaan akan menggubal apa-apa undang-undang atau memberi kepastian (assurance) yang tertentu supaya peneroka luar bandar bukan sahaja yang datang dari estet-estet dan luar bandar, tetapi yang terpaksa berada di dalam situasi itu. Misalnya setinggalan-setinggalan, adakah kerajaan akan memberi tanah-tanah kepada mereka, membina rumah-rumah kos rendah atau membuat apa-apa yang tertentu supaya mereka pun ada hak dan mereka mendapat rundingan dalam undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, diminta jawab.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Taik]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada lagi.
Ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya sudah beri Timbalan Menteri untuk menjawab, tidak apalah Tanjong.

7.35 mlm.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Tuan Pengerusi saya hendak menyebut mengenai Maksud B.43, Butiran 010000 khasnya mengenai pembangunan koperasi.

Baru-baru ini kita dapati bahawa ada satu kelulusan yang baru di mana tabung koperasi-koperasi dibenarkan untuk melabur dalam saham-saham. Dahulu ada koperasi yang mahu invest dalam saham perlu mendapat persetujuan daripada jabatan koperasi dan memang ini pun ada menghadapi kesulitan. Tetapi apabila ada satu blank check untuk semua koperasi melaburkan dalam pasaran saham, kita perlulah memberi ingatan mengenai bahaya dan risiko yang tinggi khasnya sepertimana yang kita lihat apa yang berlaku di dalam pasaran saham baru-baru ini. Sungguhpun ada lebih daripada

RM1 bilion dalam tabung koperasi mungkin akan digunakan untuk dilaburkan dalam pasaran saham.

Kita perlu ingat semua adalah bertanggungjawab dalam koperasi bahawa tidak melaburkan dalam saham-saham tanpa satu penelitian yang rapi, kalau tidak mereka akan kena bakar, dengan izin, they get their figures burn, semacam ramai pelabur yang dapat figures burn khususnya pada bulan Ogos atau September, di mana semua rakyat Malaysia sangat taat setia, cinta kepada Perdana Menteri mengikuti nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya masuklah pasaran saham. Tetapi sekarang kalau ada RM1 bilion masuk pasaran saham mungkin akan tinggal RM50 juta sahaja. Ini adalah wang rakyat, wang ahli-ahli koperasi, jangan main-main dan oleh kerana KLSE tidak begitu stabil sekarang, kita sudah menghadapi satu keadaan di mana blue chips tidak menjadi blue chips lagi. Kenapa blue chips tidak menjadi blue chips lagi, oleh kerana tidak ada transparency.

Kerajaan Barisan Nasional tidak mentadbirkan atau mengadakan satu dasar pasaran saham yang baik, yang stabil, yang telus, yang jelas. Dalam keadaan ini di mana banyak buaya dalam pasaran saham, koperasi-koperasi perlulah sangat berhati-hati dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kita perlulah mengambil tindakan terhadap manipulasi. Mereka yang manipulate currency di pasaran dunia, itu betul, tetapi kita pun perlu mengambil tindakan terhadap mereka yang memanipulasikan pasaran saham. Siapa yang manipulasikan pasaran saham tempatan? Mereka yang atasan, mereka yang

ada hubung kait rapat dengan pemimpin-pemimpin kerajaan, pemimpin-pemimpin parti-parti pemerintahan. Itulah kita perlu mengambil perhatian yang berat, kita tidak mahu lihat di mana wang ahli-ahli koperasi hilang oleh kerana keputusan yang tidak bijaksana dan sekarang ini adalah masanya untuk masuk pasaran saham, kerana sudah jatuh kurang daripada 600 mata di Indeks Komposit KLSE. Adakah ini selamat? Nampaknya selamat, nampaknya begitu rendah apabila dibanding dengan bulan Mac tahun ini 1,200 mata nampaknya selamat, tetapi adakah bottom, adakah kita sudah lihat bottom pasaran saham?

Orang kata sekarang mungkin 500, 400 mata pun boleh berlaku. Kalau begitu inilah perlu menjadi ingatan panduan kepada semua yang bertanggungjawab mengenai pelaburan-pelaburan koperasi-koperasi.

Sekarang saya mahu sebut mengenai dasar tanah, pengurusan dan perundangan tanah. Kita perlulah sungguhpun tanah adalah satu perkara kerajaan negeri, tetapi oleh kerana ada portfolio tanah di Persekutuan yang bertanggungjawab mengenai koordinasi hartanah. Kita sangat harap bahawa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi khususnya dalam perkara tanah memberi satu arahan, memberi satu ingatan kepada semua kerajaan negeri bahawa tanah perlulah jangan digunakan sebagai alat politik. Dalam pilihan raya kecil Teluk Intan mungkin belum sampai di Sungai Bakap, oleh kerana tidak ada tanah lagi, tetapi tanah untuk sekolah-sekolah ada digunakan, dimainkan, kalau tidak majoriti Barisan Nasional, majoriti Gerakan di Sungai Bakap lebih rendah, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang

bertanggungjawab sebagai director of operation lebih malu. Kita tahu di Sungai Bakap Gerakan menang, tetapi sebenarnya kalah. Ini pun diakui oleh Ketua Menteri Pulau Pinang sungguhpun tidak disetujui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Timbalan Menteri sahajalah lebih besar ialah Ketua Menteri Pulau Pinang.

Saya harap bahawa dalam soal tanah ini khasnya sekarang di mana kita ada bill import yang begitu tinggi, berbilion-bilion ringgit bahawa satu strategi baru dirangkakan di mana tanah diberikan kepada semua rakyat untuk tempoh sementara untuk menanam pokok atau apa-apa tanaman supaya kita kurangkan bill import untuk makanan, satu bill yang sangat besar yang menyebabkan current account deficit. Biarlah ada satu dasar baru tanah di mana semua orang kalau rela dengan satu syarat bahawa mereka rela untuk menjalankan tanaman makanan, sayur-sayuran dan lain-lain diberi tanah supaya dalam tempoh krisis ekonomi, krisis current account deficit boleh mengeluarkan makanan dengan besar-besaran, dan apa-apa tanah yang boleh digunakan diberikan kepada rakyat sekarang. Dasar Kerajaan Barisan Nasional begitu miserly, begitu tidak terbuka dalam soal tanah. Tanah diberikan kepada syarikat-syarikat besar sahaja. Tanah diberikan kepada mereka yang ada hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sahaja, bukan kepada rakyat.

Kita sekarang buka tanah kepada semua rakyat yang rela untuk menanam makanan untuk selamatkan negara kita. Saya harap ini boleh menjadi khasnya satu strategi baru sama ada oleh Kerajaan Barisan Nasional, Kabinet

atau National Economic Action Council. Ini satu action kita boleh memerhatikan supaya ini boleh mengurangkan import bill current account deficit dan menyelamatkan ekonomi negara kita, oleh kerana kita seringkali dapati di mana kerajaan negeri secara besar-besaran mengadakan program untuk memusnahkan tanaman-tanaman rakyat sungguhpun tidak ada title.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi mereka melaporkan begitu banyak wang, effort, ikhtiar dan saya haraplah ini menjadikan satu approach, pendekatan yang baru dalam krisis ini satu strategi buka tanah besar-besar kepada semua rakyat yang mahu menanam sebagai satu sumbangan terhadap kekurangan current account deficit. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan. Selepas itu kementerian akan menjawab.

7.46 mlm.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 020000 - Pengurusan dan Perundangan Tanah. Saya ingin tahu daripada kementerian setakat hari ini sejauh manakah kerajaan telah membuat keputusan tentang Tanah-tanah Simpanan Melayu. Pada tahun yang lalu pihak kementerian akan mencadangkan mengemuka beberapa cara dan konsep untuk membangunkan Tanah-tanah Simpanan Melayu ini. Di samping itu juga, saya ingin tahu hingga

ke tarikh ini berapa banyakkah Tanah-tanah Simpanan Melayu yang telah dicabut keluar daripada simpanan, dan adakah tanah-tanah ini diberi gantian. Kerana mengikut peraturan tanah di negeri saya difahamkan bahawa setiap Tanah Simpanan Melayu (Malay Reservation Land) ini perlu diganti kalau dicabut keluar. Ada juga tanah-tanah di setengah-setengah negeri diganti dengan wang ringgit. Adakah pihak kementerian mengambil ingatan bahawa tanah ini tidak boleh diganti dengan wang ringgit, kerana wang ringgit akan berlalu begitu sahaja tetapi tanah ini tetap kekal.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian agar pihak Kerajaan Persekutuan mengadakan satu peraturan undang-undang tanah ke seluruh negara. Kerana hari ini kita dapati bahawa Tanah-tanah Simpanan Melayu atau peraturan-peraturan tanah ini terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Tetapi kadang-kadang bidang kuasa ini telah disalahgunakan oleh pihak kerajaan negeri dan kita dapati tanah-tanah ini kadang-kadang terlepas begitu sahaja. Jadi, tidak sampai matlamat, kadang-kadang kerana menguntungkan segolongan dan segelintir masyarakat tertentu.

Tuan Pengerusi, kita dapati sekarang ini banyak tanah yang dahulunya disimpan sebagai forest reserve, sebagai kawasan-kawasan tadahan air dan bukit-bukit yang ada ini kadang-kadang kita perlukan bukit-bukau ini untuk memastikan bahawa dengan adanya sekatan-sekatan dan takungan-takungan air ini, maka ia akan mengurangkan banjir. Jadi, bila kita lihat hari ini di Kuala Lumpur sendiri kalau hujan dalam masa dua jam air akan naik empat kaki.

Hujan 4 jam air naik 8 kaki. Kalau hujan lebih kereta tenggelam dan orang pun tenggelam. Jadi, adakah ini juga disebabkan oleh kita lihat terlalu banyak tanah-tanah bukit-bukit yang ada ini telah dibotakkan ataupun telah ditarah hinggakan ia tidak ada lagi satu tempat untuk - minta maaf Yang Berhormat dari Pokok Sena, saya bukan rujuk kepada Yang Berhormat yang kurang rambut itu, tidak. Tetapi maknanya botak, pokok-pokok ini ditebang. *[Ketawa]*

Bila kita lihat, Tuan Pengerusi, tanah-tanah ini telah dibangunkan dengan bangunan-bangunan, kondominium-kondominium dan sebagainya, dan kadang-kadang ia tidak lagi memberi satu keindahan alam. Bayangkanlah kalau kita duduk - saya sendiri bila duduk di Kuala Lumpur saya naik semak perut. Kalau pukul 4 hujan, pukul 10 sampai di rumah. Anak tidak sempat tengok, bini pun tidak sempat bersembang. Tidur, esok pagi kita sudah tidak jumpa mereka. Ini baru hujan. Jadi, adakah kerajaan dan juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi supaya menasihati kerajaan-kerajaan negeri dan juga projek-projek pembangunan ini supaya ia jangan merosakkan alam sekitar yang dicipta oleh Tuhan kepada kita.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sama ada adakah kerajaan masih mengkaji ataupun sedang mengkaji ataupun telah tidak mengkaji status kedudukan Tanah Simpanan Melayu, valuation Tanah Simpanan Melayu yang saya masih bercakap sampai sekarang ini selalunya telah di'value oleh pihak badan-badan kewangan, bank-bank selalunya tidak mendapat harga yang sewajarnya. Jadi, adakah pihak kementerian mencari satu jalan, satu formula

untuk menseimbangkan harga tanah-tanah simpanan Melayu dengan tanah-tanah yang bukan simpanan Melayu?

Tuan Pengerusi, satu lagi ialah berkenaan Butiran 050000 - Pembangunan Koperasi. Kerana kita sekarang menghadapi keadaan ekonomi yang meleset, koperasi adalah satu amalan yang cukup baik, di mana kita berjimat-cermat, dan apabila kita berjimat-cermat, mungkin orang yang tidak mampu tidak berdaya untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan, mereka boleh melibatkan diri di dalam koperasi walaupun kadang-kadang bayaran dividennya agak rendah, tetapi sudah tentu ia akan mendatangkan manfaat. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian di suatu ketika dahulu kita mempunyai pengembang-pengembang koperasi yang bergerak di seluruh kampung, di seluruh pelosok Malaysia ini untuk menerangkan kepada masyarakat desa supaya mereka melibatkan diri dalam bidang koperasi ataupun menubuhkan koperasi-koperasi untuk membangunkan ekonomi setempat.

Jadi, hari ini saya difahamkan pengembang-pengembang ini telah tidak ada lagi, dan adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan semula. Kerana bagi saya ini adalah satu peranan yang baik di mana kita dapat memberi penjelasan yang sebaik mungkin kepada masyarakat desa tentang berkoperasi ini. Kita lihat macam Bank Rakyat yang dahulu asalnya koperasi, tetapi hari ini telah berdiri dengan begitu teguh dengan asetnya yang begitu kuat, dengan pelaburan yang begitu baik. Kita dapat lihat juga berbagai-bagai koperasi lain yang pentadbirannya baik, pentadbirannya bersih dapat memberi dividen yang

lumayan kepada ahli-ahli koperasi tersebut. Jadi, saya mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan semula jawatan ini dan pegawai-pegawai ini perlu diberi satu....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Yan berhubung dengan pengembang koperasi. Saya hendak minta pendapatnya sama ada beliau bersetuju atau tidak, kalau kita pakai pengembang koperasi ini, mereka pergi menerang di kampung-kampung, mereka sendiri pun tidak ada koperasi. Setengah itu tidak ada pun koperasi yang dia masuk. Kenapa kita tidak gunakan pegawai-pegawai koperasi ataupun macam Koperasi Guru di Kedah, gunakan pegawai-pegawai ini untuk pergi menerang, kita untung tidak perlu belanja. Selepas itu kita panggillah Profesor Ungku Aziz untuk menerang, lebih baik daripada menggunakan pegawai pengembang-pengembang koperasi ini yang tidak pernah masuk koperasi pun setengahnya. Mereka menerang di kampung koperasi ini bagus tetapi dia tidak masuk koperasi. Ini yang berlaku. Saya ingin salah satu sebab kementerian hentikan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih. Kalau hendak penjelasan saya boleh beri. Dalam Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi pun pegawai-pegawai dia pun bukan masuk koperasi, tetapi dia

bekerja di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. *[Ketawa]* Jadi, tidak semestinya kita kena jadi ahli koperasi dahulu baru kita boleh jadi pegawai koperasi. Saya tidak tahulah Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen jadi ahli koperasi ataupun tidak. Tidak tahulah, tetapi kalau ada baguslah, kalau tidak ada pun tidak mengapa asalkan menjalankan tugas untuk menerang. Kadang-kadang orang yang dok jual ubat di tepi jalan dia terang cara penyelesaiannya. Kadang-kadang dia jual air kosong sahaja, dia bubuh sedikit ubat kebas dalam botol, dia bersyarah orang boleh beli ubat itu. Dia sendiri pun tidak pakai. Ini caranya. Cuma kita kena latih orang-orang kampung, kerana di kampung kalau kita panggil dengar bersyarah dia bukan ada masa. Kadang-kadang di masjid bila lepas sembahyang Maghrib hendak tunggu sembahyang Isya mereka duduk. Kalau ada pegawai pengembang koperasi ini dia cerita sedikit. Dia kata, “Pak Long oi, daripada kita dok melabur duit pergi beli nombor ekor.”

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Macam mana, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukankah tambah hari ini persidangan Parlimen?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gulung.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini saya gulung, Tuan Pengerusi ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gulung.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Gulung. *[Ketawa]* Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan tanah koperasi. Kadang-kadang dalam kawasan saya tanah koperasi, Koperasi Pasar Minggu, Koperasi Pekan Hari, tanahnya ada, tetapi mereka tidak mampu hendak bangun. Jadi, sungguhpun Jabatan Koperasi memberi advance ataupun memberi pinjaman yang interestnya agak rendah, tetapi mereka tidak mampu kerana pulangan daripada kutipan itu tidak begitu baik. Kita masih lihat tanah-tanah koperasi ataupun koperasi-koperasi, fasal hari ini mereka pakai tiang buluh lagi dengan bumbung zinc karat. Jadi mereka dok berniaga di bawah itu, saya nampak cukup tidak elok. Tanah-tanah ini kadang-kadang ada dalam kawasan-kawasan yang cukup berharga.

Jadi, apa salahnya kalau boleh kementerian ataupun Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ini memberi satu geran kepada mereka untuk mereka membangunkan tapak-tapak ini, dan dengan adanya bangunan-bangunan ini mereka dapat menjalankan perniagaan. Kerana hari ini, Tuan Pengerusi dalam keadaan ekonomi yang agak kurang menyedapkan ini, kita perlu banyak orang-orang yang di kampung-kampung ini berniaga, keluarkan barang-barang mereka, bercucuk tanam, keluarkan dan terus jual. Macam kita tengok pasar tani cukup berjaya. Tetapi orang kompelin fasal apa pasar tani ini berselerak. Nak buat macam mana, tidak ada tanah. Saya sebagai Pengerusi

FAMA, Tuan Pengerusi, tidak ada tanah, kita pergilah tanah-tanah parking sementara kerajaan, bubuh payung suruh orang berniaga. Kemudian apabila mereka hendak bangun tanah itu, kita kena berpindah-randah pula.

Jadi, kalaulah tanah-tanah koperasi ini ada, saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji, kerana ini adalah satu downstream economy growth kepada masyarakat desa yang perlu kita bantukan. Terdapat banyak, dalam kawasan saya pun ada tiga-empat tanah-tanah koperasi yang hendak dibangunkan tetapi tidak berkemampuan kerana return daripada kutipan sewa harian orang berniaga yang bersila di bawah bumbung tidak mencukupi untuk membayar balik pinjaman. Jadi, saya mencadangkan bahawa kementerian kalau tidak boleh start banyak pun, setakat patut dan padan, jadikan tanah-tanah ini berharga untuk mendapatkan manfaat kepada koperasi-koperasi mingguan. Jadi, terima kasih, Tuan Pengerusi.

7.57 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Pengerusi, saya ucap jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang ada kaitan dengan tanah dan koperasi dengan begitu mendalam. Malangnya, saya tidak dapat memberi jawapan yang terperinci. Tetapi dalam masa yang diperuntukkan oleh Tuan Pengerusi, saya cubalah menjawab atau mengulas seberapa banyak yang boleh isu-isu penting yang dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun membangkitkan masalah hakmilik strata dan beliau mengatakan bahawa kelambatan dalam Pejabat Tanah merupakan sebab yang penting dan juruukur tidak patut jadi scapegoat. Tuan Pengerusi, kementerian mengambil berat pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi saya berharaplah kita tidak mengambil sesiapa sebagai scapegoat, sama ada juruukur, sama ada pemaju, sama ada pegawai tanah ataupun sama ada pegawai ukur. Kerana untuk mengatasi masalah hakmilik strata ini semua pihak patut bekerjasama sebagai satu pasukan. Jadi, tuduh-menuduh, bagi saya tidak membawa apa-apa faedah pun. Tentang pendaftaran milik berkomputer yang beliau bangkitkan masalah di Terengganu, pegawai saya pun telah catatkan aduan Yang Berhormat dan kami akan menghubungi pihak Pejabat Tanah yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Serdang telah bangkitkan isu pengukuran kampung-kampung baru. Di sini, Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi pujian setinggi-tingginya kepada Ahli Yang Berhormat dari Serdang bukan sahaja membangkitkan isu ini dan isu hakmilik strata di Dewan ini, tetapi juga atur perjumpaan bagi saya berjumpa dengan beliau dan membincang masalah ini dengan mendalam. Hasil daripada perbincangan di Pejabat Petaling, Jabatan Ukur sudah bersetuju meminjam juruukur-juruukur teknik kepada Pejabat Tanah untuk bekerjasama dengan pegawai tanah supaya proses mengeluarkan hakmilik kekal dapat dipercepatkan.

Tentang pengukuran kampung-kampung baru, saya sedar bahawa Ahli Yang Berhormat bukan sahaja Wakil Rakyat bagi Serdang tetapi beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kampung-kampung Baru MCA bagi seluruh Malaysia. Jadi, saya mengambil berat pandangan beliau. Di sini saya ingin menjemput beliau datang ke Pejabat Ukur dan bawalah pegawai-pegawai yang berkenaan ataupun pihak-pihak yang berkenaan supaya kita membincangkan pengukuran kampung-kampung baru ini dengan lebih mendalam.

Tentang undang-undang untuk mewujudkan satu....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Goh Cheng Teik:Pesuruhanjaya Bangunan atau Pesuruhanjaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Goh Cheng Teik: Nanti saya selesaikan dahulu ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan kampung baru, tetapi berkenaan ukuran, minta penjelasan.

Dr. Goh Cheng Teik: Nanti, bagi saya jawab dahulu. Saya beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat kemudian. Berkenaan dengan soal sama ada kita menggubal satu undang-undang untuk mewujudkan satu Pesuruhanjaya Bangunan atau satu Pesuruhanjaya Hakmilik Strata, ingin saya memaklumkan

Ahli Yang Berhormat, bahawa perkara ini adalah dalam pertimbangan kerajaan. Ini adalah diuruskan secara aktif oleh kerajaan. Beliau telah bangkitkan tentang hakmilik strata di negeri Selangor, beliau bertanya kenapa kita tidak memberi perhatian kepada masalah hakmilik strata di Selangor. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi mengarahkan saya dan Setiausaha Parlimen supaya memberi keutamaan kepada Wilayah Persekutuan kerana tanah di Wilayah Persekutuan ditadbirkan secara langsung oleh Kerajaan Persekutuan. Sebenarnya hakmilik strata di peringkat negeri adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, tentang agensi kerajaan kami telah memanggil satu mesyuarat Yang Berhormat dan wakil-wakil daripada agensi kerajaan di Selangor pun menghadiri mesyuarat ini, ingin saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa agensi kerajaan pun bersetuju bahawa patut bekerjasama untuk menyegerakan permohonan dan pemprosesan hakmilik strata.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tentang tindakan yang patut diambil, ingin saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Ketua Pengarah Tanah dan Galian dalam mesyuarat dengan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian seluruh tanah air pun telah minta PTG-PTG yang berkenaan supaya mengambil tindakan terhadap pemaju yang cuai mengikut undang-undang.

Tuan Lim Kit Siang: Tanah-tanah kampung-kampung baru sama ada mengenai ukur atau title, bolehkah satu dasar yang menyatukan atau uniformity

mengenai title tanah-tanah kampung diadakan di mana title yang begitu pendek diberikan tempoh 30 tahun, 20 tahun bukankah lebih baik dan lebih adil khasnya apabila kita ambil kira bahawa penduduk-penduduk di kampung-kampung baru ada bermastautin di tempat-tempat sudah 40 tahun bahawa title diberikan ialah untuk satu tempoh yang lebih panjang iaitu 99 tahun, semua satu uniform code, satu uniform dasar di mana title dipanjangkan untuk semua kampung-kampung baru ialah untuk 99 tahun dan bukan ada tempoh 20 tahun, ada tempoh 30 tahun dan ada tempoh 33 tahun. Bolehkah satu uniform land title policy diadakan?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, seperti Ahli Yang Berhormat sebagai orang yang lama dalam Dewan yang mulia ini sedia maklum, pihak berkuasa negeri berhak menentukan tempoh untuk pajakan tanah baik di kampung baru mahupun di luar kampung baru. Walau bagaimanapun, Majlis Tanah Negara bolehlah berfungsi sebagai badan untuk menyelaraskan tempoh pajakan, dan perkara ini pernah dibangkitkan dan Majlis Tanah Negara akan terus membincangkan dan cuba menyelaraskan tempoh had untuk pajakan kampung-kampung baru.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telah bangkitkan aduan tentang orang yang menyeleweng dalam koperasi. Pertama, Koperasi Pengguna Malaysia Berhad, kedua, Yayasan Kobena Berhad. Sebenarnya Yayasan Kobena Berhad mengikut pegawai saya bukan sebuah koperasi. Tetapi saya terima baiklah aduan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, dan saya berharap beliau boleh

memberi butir-butir kepada saya supaya pegawai saya bertindak dan mengambil tindakan keras terhadap pihak yang menyeleweng dalam kes ini. Tentang....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dr. Goh Cheng Teik: Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, Yayasan Kobena Berhad, Kobena sendiri adalah sebuah koperasi, Yayasan cuma satu anak syarikat cawangan dari Kobena itu.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, saya terima baiklah isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu walaupun Yayasan Kobena bukan koperasi, kami pun akan memberi perhatian kepada aduan Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan tanah pantai yang dihakis dan sama ada boleh memohon, saya berharap Ahli Yang Berhormat menasihatkan pihak yang berkenaan supaya memohon geran dan pihak berkuasa negeri tentu akan memberi pertimbangan yang sewajarnya sama ada kenakan premium yang mengikut pasaran atau memandangkan latar belakang pemohon itu memberi premium yang dilonggarkan. Itu terserah kepada pihak berkuasa negeri tetapi eloklah sekiranya memohon kepada pihak yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Mersing....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Teluk Intan bangun.

Dr. Goh Cheng Teik: Saya ingat tiada kaitan dengan Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Ada kaitan mengenai hakisan.

Tuan Pengerusi: Beri jalan atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Di Teluk Intan ini terlampau banyak hakisan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta jalan dahulu.

Tuan M. Kulasegaran: Baik, terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya tidak menyentuh mengenai perkara hakisan, kerana perkara ini in principle telah dibawa oleh kawan saya Yang Berhormat dari Bagan. Hakisan ini bukan tertakluk kepada sesuatu tempat, tetapi sebenarnya saya sangat takut mengenai hakisan, kerana jikalau tidak ada apa-apa tindakan diambil seperti di Teluk Intan, di pilihan raya yang lain saya tidak akan mewakili Teluk Intan lagi. Mungkin tidak ada Teluk Intan lagi. *[Ketawa]* Hakisan yang teruk di negara ini adalah di Teluk Intan. Jadi, saya hendak tanya adakah kerajaan, oleh kerana hakisan yang terlampau di daerah Teluk Intan akan memberi apa-apa pampasan atau memberi tanah yang lain kepada pemilih-pemilik di sana?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak mewakili tempat itu kita ada orang lain yang boleh mewakili Teluk Intan. *[Ketawa]* Tadi, tentang masalah hakisan ini saya bangkitkan kerana Ahli Yang Berhormat dari Bagan bangkitkan tanah yang dihakis, kemudian tanah naik balik dan beliau memohon geran, itulah isu yang saya jawab. Jadi, tentang hakisan Teluk Intan itu, saya ingat itulah kita serah kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan.

Ahli Yang Berhormat dari Mersing menyambut baik usaha kerajaan untuk mengadakan sistem pendaftar tanah berkomputer. Saya ucap terima kasih atas pandangan beliau. Beliau pun telah mengatakan bahawa terdapat tanah-tanah kampung yang terbiar yang tidak dikerjakan oleh pemilik tanah. Beliau membangkitkan dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah tetapi nampaknya tidak berkesan. Jadi, saya akan minta Ketua Pengarah Tanah dan Galian menghubungi Pengarah Tanah dan Galian negeri yang berkenaan supaya pandangan Ahli Yang Berhormat itu diberi perhatian berat. Beliau mengeluarkan pandangan tentang koperasi, nampaknya terlalu banyak patut dikurangkan, yang penting ialah koperasi yang berfungsi, yang aktif. Jadi, kami sambut baik pandangan beliau. Haraplah Yang Berhormat boleh terus menyuarakan pandangan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Mersing telah menyentuh tentang bekalan elektrik FELDA Tenggaroh. Jadi, saya ucap terima kasih atas pandangan beliau. Tentang Tadika yang dianjurkan oleh KEMAS saya gembira kerana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mempengerusikan jawatankuasa sosial untuk kawasan-kawasan FELDA pun telah dengar permintaan Ahli Yang Berhormat itu dan kami akan terus menguruskan.

Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan masalah ruang udara dan caj yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan ataupun pihak berkuasa negeri. Jadi, ingin saya meneliti perkara ini sebelum memberi apa-apa

ulasan, kerana perkara ini patutlah diteliti dengan mendalam, dan saya akan jawab secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Tentang beberapa koperasi, sebanyak 24 koperasi yang dibekukan pada tahun 1986, ingin saya melaporkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa 17 telah dibatalkan, satu masih dalam receivership, satu dalam tindakan Bank Negara dan Jabatan Pembangunan Koperasi dan lima telah beroperasi semula termasuk Koperasi Serbaguna Malaysia dan Koperasi Serbaguna Malaysia telah dihidupkan semula bukan kerana alasan politik tetapi kerana koperasi ini mempunyai asas-asas yang kukuh dan ada potensi yang baik dan itulah sebabnya ia dihidupkan.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu telah membangkitkan masalah penukaran jenis tanaman, beliau berkata bahawa ada tanah padi yang digunakan untuk kelapa sawit dan sebagainya. Jadi, kerajaan mengambil berat tentang perkara ini kerana sekiranya tanah itu sesuai untuk tanaman padi, sekiranya produktiviti tanah itu tinggi untuk padi, ia patut dikekalkan untuk padi dan saya akan menghubungi dengan kawan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian Pertanian supaya memanjangkan pandangan Ahli Yang Berhormat itu kepada beliau.

Beliau juga membangkitkan satu cadangan yang baik iaitu mengukur semula negara kita kerana terdapat banyak tempat yang mana hakisan pantai

telah berlaku. Jadi, kami akan berbuat demikian melalui Jabatan Ukur dan Pemetaan.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah membangkitkan hak milik strata dan beliau bertanya berapa yang belum dikeluarkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga 29 September 1997 Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah menerima 2,930 permohonan untuk hakmilik strata yang melibatkan 155,264 petak, daripada ini 1,911 permohonan telah dilulus dengan petaknya sebanyak 107,146 buah. 287 permohonan ditolak melibatkan 9,309 petak, dalam proses hanya 732 permohonan yang melibatkan 38,809 petak.

Pendek kata tindakan berterusan diambil untuk memproses permohonan hakmilik strata dan akibat kempen yang dilancarkan oleh kementerian pada bulan Jun ini, permohonan adalah bertambah dan kami bekerja kuat bersama-sama dengan juruukur, dengan pemaju, dengan pejabat tanah, dengan pejabat ukur dan juga pihak berkuasa tempatan untuk mengatasi masalah. Di sini, saya ingin mengambil peluang ini untuk merayu kepada pembeli-pembeli flat dan pemaju supaya bekerjasama.

Tuan Pengerusi, dibeberapa tempat ada wujud permusuhan antara pembeli yang bergabung dalam persatuan penduduk dan pemaju. Jadi, suasana konflik itu tidak baik. Pihak pemaju dan pihak pembeli patutlah bekerjasama untuk mencari jalan untuk mengatasi masalah dan beliau pun ada bertanya tentang undang-undang caveat supaya

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tanjong bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa adalah 2,930 permohonan yang melibatkan 155,264 title. Betul atau tidak?

Dr. Goh Cheng Teik: Parcel!

Tuan Lim Kit Siang: Parcel. Apa yang diluluskan, apa yang dimohonkan, apa peratus daripada jumlah yang patut diberikan diluluskan dalam negara, tentu ada angka-angka, oleh kerana kita dapati jumlah masih sungguhpun ada 2,930 permohonan dan 155,264 parcel, ia masih mewakili peratus yang sangat rendah dari jumlah seluruhnya. Apa peratus itu dan bukankah satu kempen besar-besaran perlu diadakan supaya semua strata title boleh dikeluarkan.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, pemprosesan hakmilik strata ini berterusan, jadi, sekiranya hari ini kita meluluskan semua, besok tentu ada permohonan baru. Jadi, ini satu kerja berterusan dan saya tidak lihat boleh selesai dan tiada lagi permohonan, keadaan ini tentu tidak akan wujud. Tentang bilangan yang patut memohon, jadi sebenarnya kami tidak tahu kerana mengikut kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa tempatan ada bangunan yang tidak bertingkat, ada bangunan yang bertingkat. Jadi, dari rekod itu kita pun susahlah hendak dapat anggaran.

Oleh yang demikian kami melancar kempen pada bulan Jun dan daripada aduan yang diberi oleh pembeli, jadi kami boleh siasat dan misalnya akibat daripada kempen ini dan berasaskan kepada aduan yang dibuat oleh pembeli, kami telah menghubungi 97 pemaju termasuk yang besar supaya kita minta penjelasan daripada mereka dan kesemuanya bekerjasama dengan kerajaan untuk menyegerakan proses permohonan.

Tentang caveat yang dibangkitkan oleh

Tuan Fu Ah Kiow: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Fu Ah Kiow: Saya hendak minta sedikit penjelasan. Ada bangunan-bangunan lama di Kuala Lumpur di mana telah dibina sebelum ‘uniform building by Law’ dengan izin, diperkenalkan dan bangunan-bangunan tersebut tidak pernah mendapat apa-apa CF. Dalam syarat mendapatkan strata title, salah satu syarat ialah mesti memperolehi CF. Jadi, dalam keadaan tersebut, bolehkah kementerian kemungkinan melonggarkan syarat-syarat yang diperlukan.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, dalam konteks ini, kementerian saya bekerjasama rapat dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kami dapat nasihat daripada mereka supaya mengatasi masalah. Kami tahu memang ada masalah, jadi kami mahu mencari jalan untuk mengatasi masalah.

Sebenarnya ada satu kes yang melibatkan satu bangunan yang sudah lama dibina, tetapi bangunan ini ada CF yang dikeluarkan oleh satu Majlis Daerah lama, jadi, kami bersyukur kerana ada CF dan CF itu pun ditunjuk kepada kami oleh pemaju.

Tentang caveat ini, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan bahawa tindakan sedang diambil untuk meminda Akta Hakmilik Strata.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Teluk Intan bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Satu soalan sahaja.

Dr. Goh Cheng Teik: Saya ingat sudah lewat.

Tuan M. Kulasegaran: Satu soalan sahaja!

Dr. Goh Cheng Teik: Saya ingat sudah beri banyak chance kepada Teluk Intan.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, ini masalah yang saya bangkitkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Teluk Intan, dia tidak beri jalan.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, ingin saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa Yang Berhormat Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi tidak memberi 'blank check' kepada koperasi untuk

membeli saham dalam pasaran saham Kuala Lumpur. Mengikut undang-undang, mereka boleh membeli saham dengan persetujuan menteri. Jadi, menteri beri keputusan supaya kebenaran ini diberi secara am, tetapi mereka masih mengikut dua syarat. Satu, perlu menggunakan wang lebih sahaja, surplus koperasi sahaja, bukan surplus tidak boleh digunakan.

Yang kedua, perlukan kelulusan mesyuarat agung koperasi yang berkenaan. Jadi, anggota koperasi masih membuat keputusan tentang pelaburan. Dan Jabatan Pembangunan Koperasi, pegawai-pegawai JPK sedang bekerja rapat dengan pemimpin koperasi dan kami bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa mereka patutlah berhati-hati dalam suasana sekarang dan kami tidak mahu melihat mereka hangus dalam pasaran saham, tentu bukan tujuan kementerian saya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Tanjong bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak.

Dr. Goh Cheng Teik: Saya ingat saya sudah beri banyak chance.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mengenai saham dan koperasi. Saya mahu minta penjelasan sahaja.

Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa dua syarat, syarat kedua ialah perlu kelulusan oleh EGM atau AGM, adakah kelulusan untuk membeli saham, tak kira apa-apa kaunter atau setiap kali satu keputusan dibuat,

cadangan dibuat untuk membeli satu kaunter perlu pergi EGM atau AGM, sama ada kelulusan itu adalah umum atau spesifik.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, setahu saya keputusan ini diberi untuk menggunakan wang lebihan untuk membeli saham dan kaunter apa itu terserah kepada pemimpin-pemimpin koperasi yang dipilih oleh mesyuarat agung. Jadi, sekiranya mereka menyalahgunakan kuasa mereka dalam pemilihan mesyuarat agung mereka tentu tidak akan dipilih lagi.

Tentang tanah nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong suka mempolitikkan apa perkara pun dan kita bukan membincangkan perkara politik tetapi pilihan raya kecil Sungai Bakap pun dibawa masuk ke sini. Ingin saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri sebelum krisis ekonomi sekarang pun sudah memberi perhatian berat kepada tanah-tanah yang patut diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil sayur, sebelum krisis ini.

Jadi, sebenarnya dalam Majlis Tanah Negara perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan sebagai Menteri Kewangan, beliau dalam belanjawan pun sudah menyediakan tabung makanan, fund for food untuk menolong penanam-penanam sayur, buah-buahan dan sebagainya.

Dan sebenarnya, kementerian saya pun sebelum Ahli Yang Berhormat dari Tanjong menyuarakan, kami pun sudah bekerjasama dengan persatuan-

persatuan sayur-sayuran seluruh Malaysia untuk mengatasi masalah tanah bagi tanaman sayur.

Jadi, saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong nampaknya mempolitikkan sahaja, mahu cari modal politik dari apa-apa isu pun.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Bagan bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Dr. Goh Cheng Teik: Nanti, beri saya habis, kerana dia hentam saya, saya pun kena jawablah. *[Ketawa]*

Jadi, saya faham Tuan Pengerusi, parti DAP, parti Barisan mendapat majoriti 1,440, jadi, dia kata masih kalah. Ini logik apa? Ini satu undi pun sudah menang. Jadi, kami menang, dia kata dia menang. Saya tak faham perkara ini. Kalah terima kalahlah, lain kali datang sekali lagi.
[Ketawa][Tepuk]

Ahli Yang Berhormat dari Yan

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Bagan bangun.

Dr. Goh Cheng Teik: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kegunaan tanah. Beliau berkata, kerajaan sangat prihatin dan sangat mementingkan kegunaan tanah dan

sebelum krisis ini telah menggalakkan ramai petani-petani untuk meneroka atau menggunakan tanah-tanah dengan seluas-luasnya. Bukankah terdapat kes-kes di mana kerajaan menggunakan jentolak untuk memusnahkan tanaman seperti pokok belimbing, seperti ubi kayu dan juga lain-lain tanaman.

Tuan Pengerusi: Minta spesifik Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Ya.

Tuan Pengerusi: Janganlah tuduh begitu, di mana itu?

Tuan Lim Hock Seng: Bukankah ada ini berlaku di mana-mana di beberapa tempat di negara kita.

Tuan Pengerusi: Macam itu susahlah.

Tuan Lim Hock Seng: Dan juga berkenaan dengan kemenangan di Sungai Bakap.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat yang itu, cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: Satu lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah yang itu ya.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, satu lagi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Yang Berhormat, sila jawab.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Pengerusi, kami sedar ada masalah dan oleh yang demikian beberapa bulan yang lalu, sebelum kesulitan ekonomi wujud, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri bangkitkan isu ini dalam Majlis Tanah Negara dan beliau disambut dengan baik oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar dan selepas itu, Mesyuarat Pengarah-

pengarah Tanah dan Galian pun membincangkan perkara ini dan kami kerja diam-diam, sebenarnya kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat tidak membangkitkan perkara ini, saya pun tak mahu membawa perkara ini ke Dewan kerana yang penting bagi kami ialah mengatasi masalah bukan cari modal politik daripada masalah.

Ahli Yang Berhormat dari Yan membangkitkan

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak Yang Berhormat?

Dr. Goh Cheng Teik: Saya ingat masa tidak mengizinkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, bukan politik.....

Dr. Goh Cheng Teik: Masa tidak mengizinkan.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dia kata dia tak mahu cakap.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, bukan politik.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Sudahlah Yang Berhormat. Sila teruskan.

Dr. Goh Cheng Teik: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan tanah rizab Melayu Ahli Yang Berhormat dari Yan bangkitkan, perkara ini masih dalam pertimbangan kerajaan, belum ada keputusan yang baru.

Tentang peraturan undang-undang tanah, jadi itulah sebabnya kita wujudkan Majlis Tanah Negara supaya hal ehwal tanah dapat dibincangkan dan juga diselaraskan di peringkat kebangsaan dan peringkat negeri. Tentang rizab hutan yang patut dikekalkan, itu adalah satu pandangan yang baik dan kami bersetuju dengan beliau bahawa pemaju-pemaju patutlah prihatin kepada alam sekitar dan tidak membangun dengan berlebihan.

Tentang koperasi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan dan juga Pokok Sena yang mengatakan bahawa kita patut memberi publisiti yang luas terutama sekali di kawasan luar bandar untuk mempopularkan lagi koperasi-koperasi di luar bandar dan kami bersetuju bahawa bukan sahaja pegawai koperasi patut kempen, pemimpin-pemimpin koperasi, orang yang mengurus koperasi yang ada pengalaman dalam koperasi, yang hand-on dalam koperasi patut juga bersama-sama memberi publisiti supaya rakyat lebih yakin kepada pergerakan koperasi.

Tuan Pengerusi, ada perkara lain yang saya tak sempat jawab atau mengulas, tetapi pegawai kementerian saya ada mendengar dan mereka ada membuat catatan, jadi kami akan memberi perhatian berat kepada semua pandangan yang dikemukakan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM280,038,900 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM280,038,900 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM259,707,960 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM259,707,960 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.44 [Jadual] -
Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Ya, Parit Sulong.

8.38 mlm.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala 020100 - Rancangan, penyiaran di bawah Perkhidmatan Penyiaran. Yang kedua, 030200 - Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat. Lepas itu 030400 - Penerbitan dan 030600 mengenai Gerak Saraf dan akhir sekali 060100 - Sukan Komanwel 1978.

Tuan Pengerusi, di bawah kepala 020100, saya ingin bertanya berapa banyakkah stesen radio swasta yang telah pun mendapat lesen untuk beroperasi dalam negara kita. Daripada lesen-lesen ini berapa banyakkah stesen yang khas untuk menggunakan bahasa Inggeris dan berapa pula stesen yang diizinkan

untuk mencampuradukkan bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris. Siapakah tuan punya atau pengoperasi mengenai stesen-stesen ini.

Di bawah Perkhidmatan Luar Sivik yang mempunyai peruntukan RM52.78 juta, saya ingin bertanya, apakah yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memanjangkan penjelasan soal-soal dasar kerajaan kepada masyarakat akar umbi.

Tuan Pengerusi, ini berkait juga dengan penerbitan yang mendapat peruntukan RM2.85 juta dan juga masalah gerak saraf yang mempunyai peruntukan RM708,000. Ketiga-tiga ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah yang sedang dibuat dalam konteks krisis kewangan, dan juga pasaran saham yang sedang melanda negara sekarang?

Di bawah penjelasan yang diberikan di dalam buku ini, di antara satu tugas-tugas, yang harus dilaksanakan adalah menjelaskan keadaan semasa, dan menjelaskan dasar-dasar kerajaan kepada masyarakat iaitu akar umbi.

Sekarang ini saya merasakan macam kelembapan di dalam tindakan untuk kita menjelaskan isu-isu semasa yang penting, yang mempunyai kepentingan negara dan mempunyai implikasi luas kepada rakyat. Umpamanya, sejak dari bulan September, kita mula serius dilanda masalah krisis mata wang dan juga masalah pasaran saham. Sampai sekarang belum ada penjelasan peringkat, ke masyarakat akar umbi. Sebab itu mudah untuk kita di eksploitasikan oleh pihak pembangkang yang dengan tidak cara bertanggung-

jawab membawa propaganda, membawa dakyah-dakyah nakal kepada rakyat dan rakyat pun turut teracun fikiran mereka oleh kerana perkara ini.

Perkara ini harus diatasi dengan segera. Saya tidak rela masyarakat akar umbi menjadi teracun fikiran mereka dengan dakyah-dakyah pembangkang, sedangkan kerajaan mempunyai mekanisme khusus untuk memanjangkan dan menjelaskan perkara-perkara bercorak nasional kepada rakyat akar umbi.

Tuan Pengerusi, satu contohnya lagi ialah mengenai MSC - Koridor Raya Multimedia. Sekarang ini masih banyak orang tak faham lagi. Tidak ada satu jenis penerbitan yang khusus untuk menerangkan, apa dia Koridor Raya Multimedia, apa faedah guna komputer, apa dia peluang perniagaan yang boleh dipupuk serta dibangunkan menerusi Koridor Raya Multimedia, apa peluang perniagaan peringkat rendah di dalam industri multimedia, dan apa peluang-peluang persediaan mental. Semua tidak ada dijalankan. Mengapa tidak dijalankan?

Saya tahu pegawai-pegawai penerangan luar, mempunyai semangat untuk berkhidmat. Tetapi mereka juga kekurangan bahan penjelasan, mereka kekurangan 'talking point'. Jadi, mesti ada satu "blue print" mengenai tindakan kerajaan dan blue print mengenai dasar kerajaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup Yang Berhormat. Minta sambung besok ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.